



ANGLO-CHINESE JUNIOR COLLEGE
JC2 PRELIMINARY EXAMINATION 2017

BAHASA & KESUSASTERAAN MELAYU H2

MALAY LANGUAGE & LITERATURE H2

PAPER 1 (9565/1)

Masa : 3 Jam

Tarikh: 23Ogos 2017

Arahan:

- 1 Kertas ini tercetak dalam 2 bahagian yang berasingan: Bahagian 1 (1jam15minit), Bahagian 2 (1jam).
- 2 Calon-calon dibenarkan menggunakan kamus bagi Bahagian 1 (Karangan: Soalan 1-4) Masa dibenarkan untuk penggunaan kamus: 1 jam 15 minit.
- 3 Bagi Bahagian 2: Calon-calon tidak dibenarkan menggunakan kamus. **Jawab SEMUA soalan.**
- 4 Baca dengan teliti arahan pada setiap bahagian sebelum menjawab soalan-soalan.
- 5 **Lampirkan muka surat ini sebagai muka surat hadapan BAHAGIAN 1.**

SOALAN		MARKAH PENUH	MARKAH DAPAT
BAHAGIAN 1	SOALAN ____	35	
BAHAGIAN 2	BAHAGIAN A	5	
	BAHAGIAN B	30	
BAHAGIAN 3	BAHAGIAN C	30	
JUMLAH KESELURUHAN		100	

NAMA: _____

KELAS: _____

BAHAGIAN 1 (35 markah)

Arahan : Tuliskan karangan yang panjangnya **tidak kurang daripada 460 patah perkataan** mengenai satu daripada tajuk-tajuk yang diberikan di bawah ini.

(Dalam pemberian markah, gaya bahasa, isi karangan dan susunannya akan dipertimbangkan)

1. Tanpa disangka, kamu telah dilantik sebagai ketua untuk mengendalikan sebuah acara sekolah. Ini telah membuat rakan karibmu cemburu kerana dia rasa dirinya lebih layak. Gambarkan pengalaman kamu mengendalikan acara tersebut dan terangkan langkah yang telah kamu ambil untuk melibatkan rakan karibmu.
2. Cabaran hidup mampu mengukuhkan keperibadian seseorang. Bincangkan.
3. Sikap pengguna Internet yang gemar menghukum tanpa usul periksa amat membimbangkan. Berikan pendapat kamu.
4. Tulis sebuah karangan berdasarkan gambar yang dipaparkan di bawah ini.



BAHAGIAN 2 (65 markah)

ARAHAN : Jawab SEMUA soalan

BAHAGIAN A (5 markah)

Dalam petikan di bawah ini terdapat 5 tempat kosong. Isi tempat kosong tersebut dengan perkataan yang sesuai mengikut konteks petikan. Tulis jawapan kamu mengikut susunan perkataan dalam petikan karangan di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

Budi bahasa ialah norma kehidupan masyarakat Melayu yang terkenal dengan kesantunan dan keindahan kata-katanya. Namun, budaya ini semakin **1)**_____ dilihat terutamanya dalam media sosial. Tohmahan dan fitnah digunakan secara **2)**_____ tanpa segan silu. Pendapat dan perasaan orang lain langsung tidak **3)**_____. Pelbagai gelaran negatif diberikan kepada pengguna lain untuk **4)**_____ memalukan. Rata-rata masyarakat sedar kesan penyalahgunaan media sosial ini telah **5)**_____ nilai murni dalam kalangan kita. Justeru, saranan agar penguatkuasaan undang-undang siber dikemas kini sememangnya satu langkah bijak, tetapi yang paling penting ialah penyuburan semula budi bahasa dan nilai murni dalam masyarakat.

(dipetik dan diubahsuai daripada *Budi Bahasa Bukan Budaya Kita?* oleh Ishak Sairozi)

BAHAGIAN B (30 markah)

Arahan: Baca karangan di bawah ini dengan teliti.

KURANGNYA BUDAYA ILMU DI KALANGAN MAHASISWA

Dewasa ini, kemasukan ke menara gading dilihat sebagai tiket untuk menempah kejayaan. Namun, patutkah segulung ijazah itu dianggap sebagai batu loncatan untuk mendapat pekerjaan yang baik semata-mata? Matlamat membangunkan modal insan sudah pasti tidak akan tercapai sekiranya tujuannya terbatas sebegitu. Perlu ada kesedaran bukan bilangan gred 'A' yang harus dikejar, tetapi sebaliknya kemajuan ilmu sebenar yang **tersurat** menerusi pembangunan jiwa dan kemahiran. Oleh itu, golongan sebegini akan merasa rugi apabila gagal mendapatkan pekerjaan yang diidamkan berbekalkan kelayakan akademik yang dimiliki.

Persepsi bahawa mahasiswa hanyalah pelajar biasa perlu diubah. Seseorang yang bergelar mahasiswa perlu lebih progresif dalam aspek pembudayaan ilmu. Manakan tidak, menyandang gelaran ini membawa seakan sebuah kebanggaan buat diri seorang mahasiswa itu sendiri. Mahasiswa adalah gabungan dua kata, *maha* dan *siswa*. Jika diteliti, '*maha*' membawa impak keagungan kepada kata siswa yang terletak sesudahnya. *Siswa* sendiri pula bermaksud pelajar. Jelas bahawa seorang mahasiswa bukanlah pelajar biasa tetapi semestinya perlu memiliki nilai tambah yang membezakan kedua-duanya.

Tahap pembacaan yang luas dan menyeluruh merupakan kayu ukur terhadap sejauh mana budaya ilmu telah bertapak. Ramai yang sedia maklum tentang penyakit malas membaca yang menular dalam kalangan masyarakat. Malangnya, sungguh menyakitkan rasanya apabila mahasiswa sendiri yang menjadi penyumbang kepada permasalahan kerana turut sama terjebak. Sepatutnya, kelompok *maha* pelajar yang dikelilingi kegiatan keilmuan dalam gedung ilmu menjadi **penimbang tara** menampung sifat kemalasan menghadap buku yang dihidapi masyarakat. Barisan mahasiswa hari ini begitu ketinggalan dari segi peratusan pembacaan di alam pengajian. Ini tidak menghairankan memandangkan gajet teknologi

kerap dipilih sebagai pendamping hidup berbanding buku.

Lebih melesukan, terdapat mahasiswa robot yang hadir ke kuliah dengan kosong dan balik juga dengan kekosongan. Kehidupan mereka ranggi, melayan **norma** 'darah muda' yang mencintai hiburan. Mahasiswa sepatutnya menjadi anggota masyarakat yang berada pada kelas elit kerana kelebihan yang ada pada mereka. Namun, ramai menghabiskan masa mengejar keseronokan di kampus berbanding bersungguh-bersungguh mencintai ilmu. Mereka hanya mula berusaha menghadamkan apa yang diajarkan sebelumnya apabila peperiksaan menjelang. Kecekanan yang ditonjolkan pula didasari keperluan meraih ijazah bagi mendapatkan kerja yang boleh menampung hidup.

Sehubungan itu, mahasiswa serta pihak universiti harus menyediakan satu suasana yang membudayakan ilmu di kampus dengan menggalakkan pembacaan dalam kalangan penuntut serta menghargai kepentingan membaca demi menajamkan lagi kemahiran kognitif mahasiswa dalam memberikan idea dan membuat keputusan yang konkrit dalam kehidupan sehari-hari. Dengan ini diharapkan akan terbit perubahan dalam kalangan mahasiswa dari hanya suka berfoya-foya kepada mahasiswa yang berfikiran kritis dan memiliki jati diri yang cemerlang. Mahasiswa perlu insaf bahawa kewujudannya mempunyai matlamat, perjalanannya mempunyai haluan dan hidupnya mempunyai tanggungjawab.



Arahan : Berdasarkan petikan karangan yang diberikan, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Tulis jawapan kamu pada kertas yang disediakan.

- 6 Jelaskan salah faham terhadap peranan yang dimainkan institut pengajian tinggi dan penuntutnya. (6m)
- 7 Huraikan sikap mahasiswa yang mengecewakan penulis. (6m)
- 8 Buktikan mahasiswa kurang bijak dalam menentukan keutamaan hidup. (6m)
- 9 Pada pendapat kamu, wajarkah golongan mahasiswa Singapura mementingkan pemerolehan ijazah berbanding penghayatan ilmu? (6m)
- 10 Berikan maksud perkataan berikut menurut penggunaannya dalam teks.
 - i. tersurat (2m)
 - ii. penimbang tara (2m)
 - iii. norma (2m)

SUMBER A

Arahan: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

SEMANGAT patriotisme bukanlah perkara yang mampu timbul sendiri dalam diri setiap individu. Perasaan ini perlu disemat sejak kecil lagi. Cinta kepada negara amat penting kerana kesejahteraan negara hari ini telah dibayar dengan harga yang mahal. Ramai pejuang yang gugur dalam pertempuran menentang penjajah demi mempertahankan maruah bangsa. Malangnya, golongan muda kini semakin kurang peka dengan sejarah negara apatah lagi berjiwa patriotik.

Untuk menggilap semangat patriotik, institusi pendidikan memainkan peranan penting. Rasa cintakan tanah air harus dipupuk dari alam persekolahan. Meluahkan rasa cinta tidak cukup dengan hanya mengetahui tema Hari Kebangsaan dan mengibarkan bendera. Golongan muda tidak akan dapat melalui peristiwa rampasan harta benda ataupun mengikat perut sehari-hari akibat ketiadaan bekalan makanan. Oleh itu, paling tidak, pengetahuan sejarah negara mestilah ditekankan agar mereka faham betapa peritnya kehidupan generasi terdahulu sebelum kemerdekaan.

Dalam pada itu, pendidikan awal di rumah tidak dapat diketepikan. Ibu bapa pendidik utama yang memberi pendedahan mengenai pengorbanan generasi terdahulu. Apabila sudah sehati, nilai patriotisme akan menyerap masuk ke dalam jiwa dan melahirkan individu yang sangat cintakan negara. Sebagai barisan pemimpin masa hadapan, golongan muda perlu memiliki semangat ini untuk membentuk negara yang maju dan harmoi. Jika tidak, kepentingan diri sendiri akan didahulukan dan ini akan membawa kepada keadaan negara yang kucar-kacir.

SUMBER B

Arahan: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

SEMANGAT kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa tempatan perlu dipupuk sejak awal lagi. Ini adalah batu asas kepada pembentukan warganegara yang prihatin dan bertanggungjawab. Persoalannya, adakah mahasiswa sedar pentingnya peranan mereka terhadap aktiviti kesukarelawanan ini? Jika dilihat secara rawak, penyertaan mahasiswa di universiti terhadap program kesukarelawanan belum berada pada tahap yang membanggakan. Malah, segelintir mahasiswa beranggapan program kesukarelawanan membuang masa. Bagi mereka, cuti semester merupakan masa untuk berseronok setelah penat menjalani rutin akademik selama 14 minggu. Jika tidak pun, lebih berbaloi untuk menggunakan masa lapang yang ada untuk meraih pengalaman bekerja. Ramai yang tidak sanggup menyingsing lengan dan lebih rela menderma wang.

Sememangnya, tiada faedah berbentuk kebendaan yang boleh diperolehi. Malah, kadangkala tiada rasa penghargaan yang akan ditonjolkan golongan yang menerima. Ini mungkin menjadikan sebahagian mahasiswa berasa terkilan dan hilang motivasi. Namun, jika dilihat dari sudut yang berbeza, program kesukarelawanan mampu memperkaya pengetahuan sedia ada. Mahasiswa berpeluang mengamalkan ilmu yang dipelajari serta mengasah kemahiran bekerjasama. Pendedahan kepada golongan yang terpinggir ataupun memerlukan, juga mampu menginsafkan diri. Sehubungan itu, program kesukarelawanan yang diwujudkan harus mempunyai objektif yang jelas bagi mendorong mahasiswa untuk bergiat aktif. Jika objektifnya jelas, pasti mahasiswa dapat menjiwai dan menghayatinya dengan baik.

ARAHAN Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

- 11** Berdasarkan Sumber A, buktikan perjalanan menuju kemerdekaan menuntut pengorbanan. (4 markah)
- 12** Berdasarkan Sumber B, jelaskan manfaat yang boleh diperolehi daripada penglibatan dalam kerja sukarela. (4 markah)
- 13** Bagaimanakah kandungan petikan Sumber A dan Sumber B saling berkaitan? (7 markah)
- 14** Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, berikan pendapat kamu tentang tanggapan bahawa generasi muda hari ini tidak memiliki kecekalan yang hadir dalam generasi terdahulu. Jawapan kamu **tidak harus melebihi 160 patah perkataan.** (15 markah)



ANGLO-CHINESE JUNIOR COLLEGE
JC2 PRELIM EXAMINATION 2017

BAHASA & KESUSASTERAAN MELAYU H2

MALAY LANGUAGE & LITERATURE H2

PAPER 2 (9565/3)

Masa : 3 Jam

Tarikh: 28 Ogos 2017

Arahan:

ARAHAN UNTUK CALON

- 1 Baca arahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan seperti yang diarahkan.
- 2 Kamu dibenarkan merujuk kepada teks-teks yang dibenarkan sahaja:

Antologi Begitulah Kata-Kata

Restu oleh Ismail Kassan

- 3 Lampirkan halaman ini di bahagian depan kertas jawapan kamu.

Nombor Soalan Yang Dijawab	Markah Penuh	Markah Dapat
	25	
	25	
	25	
	25	
JUMLAH	100	

NAMA: _____ **KELAS** _____

Jawab EMPAT soal kesemuanya. Calon hendaklah menjawab SATU soal dari pada setiap Bahagian - Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D

BAHAGIAN A

NOVEL-RESTU

- 1 Pada pendapat kamu, apakah aspek-aspek yang menarik dalam Novel *Restu* karya Ismail Kassan yang telah menjadikannya sebuah novel yang berkesan?
- 2 “Hei, bagi tau bapak awak, yuran sekolah tu mesti dibayar! Tak berapa sen sangat pun jumlahnya, takkanlah tak mampu!

(*Restu*, ms 57)

Sukar untuk mempercayai wujudnya guru yang kurang rasa simpati terhadap anak muridnya. Watak guru ini sengaja dipaparkan agar pembaca dapat memahami keperitan hidup Ikram sebagai pelajar. Nyatakan dugaan-dugaan yang dihadapi Ikram sebagai seorang pelajar dan jelaskan tujuan penulis memaparkan dugaan-dugaan itu.

BAHAGIAN B

CERPEN – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

- 3 Kebergantungan pada teknologi boleh menjadikan jiwa manusia kekosongan. Berjayakah Isa Kamari mengetengahkan hal ini dalam cerpennya *Pertemuan*?
- 4 Cerpen *Jago* karya Ahmad Jaafar Munasip sarat dengan nilai-nilai kemanusiaan. Bagaimanakah Ahmad Jaafar memastikan pembaca dapat menghayati nilai-nilai yang diketengahkan?

BAHAGIAN C

SAJAK – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

- 5 Dalam sajak *Balada Merdeka*, isu kemerdekaan menjadi fokus Peter Augustine Goh. Apakah sebenarnya yang cuba disampaikan oleh penyajak tentang isu kemerdekaan ini?
- 6 Gaya bahasa yang padat dan simbolik menjadikan sajak *Menjaring Mentari Hidupku* karya Abdul Kadir Pandi sebuah sajak yang sesuai digunakan untuk menyedarkan pembaca tentang sifat mereka yang leka dan alpa. Setujukah kamu dengan pernyataan ini?

BAHAGIAN D

DRAMA – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

- 7 Drama *Titik Pertemuan* karya Rohman Munasip bukan sahaja menyentuh tentang hubungan manusia dengan manusia tetapi juga hubungan manusia dengan Penciptanya dan hubungan manusia dengan sastera. Berikan penilaian kamu tentang kesannya terhadap pembaca.
- 8 Simbol anjing dalam drama *Anjing untuk Diplomat* karya Hamed Ismail sebenarnya merujuk kepada beberapa watak dalam drama ini. Apakah pengajaran yang ingin disampaikan disebalik pemaparan watak-watak yang ada kaitannya dengan anjing ini?

SELESAI



**ANDERSON JUNIOR COLLEGE
JC2 PRELIMINARY EXAMINATION 2017
BAHASA MELAYU
MLL H2 9565 PAPER 1**

Tarikh : 13 Sept 2017

Masa : 2 Jam 15 min

ARAHAN

- 1 Kertas ini tercetak dalam dua bahagian yang berasingan :
Bahagian 1 (KARANGAN) dan Bahagian 2 (BAHASA)
- 2 Calon-calun hanya dibenarkan menggunakan kamus semasa menjawab soalan karangan.(1 jam 15 minit pertama)
- 3 Baca dengan teliti arahan pada setiap bahagian sebelum menjawab soalan-soalan.
- 4 Lampirkan muka surat hadapan ini pada kertas jawapan kamu

Nama Calon : _____ No PDG : _____

SOALAN		MARKAH
BAHAGIAN 1	KARANGAN (35 markah)	
BAHAGIAN 2	A LENGKAPKAN TEKS (5 markah)	
	B KEFAHAMAN & KOSA KATA (30 markah)	
JUMLAH (70)		

Kertas 1 (Bahagian 1)

BAHAGIAN A (35 markah)

Arahan: Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 350 patah perkataan mengenai satu daripada tajuk di bawah ini.

(Dalam pemberian markah, gaya bahasa, isi karangan dan susunannya akan dipertimbangkan)

- 1 Berhati-hati pada saat awal, bertindak dengan waspada, merupakan kunci menuju keberhasilan. (Pepatah Cina). Beri pendapat kamu.
- 2 Keseimbangan penting dalam mengharungi kehidupan masa kini. Komen.
- 3 Jauh perjalanan, luas pemandangan. Ceritakan pengalaman kamu berdasarkan peribahasa ini.
4. Tulis karangan berdasarkan situasi yang dipaparkan di bawah ini.



Teknologi... rakan atau lawan?

Kertas 1 (Bahagian 2)

BAHAGIAN A (5 markah)

Arahan: Dalam petikan di bawah ini terdapat 5 tempat kosong. Isikan setiap tempat kosong ini dengan perkataan yang sesuai mengikut konteks petikan karangan tersebut. Kemudian, tulis jawapan kamu mengikut susunan perkataan dalam petikan karangan di dalam kertas jawapan kamu.

Kajian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menunjukkan tekanan perasaan bakal menggantikan penyakit kardiovaskular sebagai faktor penentu utama sama ada seseorang itu masih mampu untuk terus bekerja atau sebaliknya. Oleh itu, gejala kesihatan mental dalam kalangan remaja atau pelajar perlu **1)** _____ dari awal. Kini satu cara efektif bagi menangani masalah gangguan emosi adalah **2)** _____ bermain. Terapi bermain dijadikan satu kaedah intervensi yang efektif untuk **3)** _____ atau mencegah rasa cemas atau panik. Kajian mendapati bahawa apabila kanak-kanak mendapat peluang bermain yang **4)** _____, mereka akan menjadi orang dewasa yang berkeyakinan tinggi, mudah berteman, kreatif dan cerdas berbanding mereka yang ketika kecilnya kurang mendapat **5)** _____ bermain. Kepentingan bermain ini perlu difahami ibu bapa kerana bermain menyediakan faedah yang unik dan merangsang pencapaian akademik anak-anak.

BAHAGIAN B (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Secara global sektor sukarelawan mengalami pembangunan intensif dalam beberapa dekad kebelakangan ini. Namun gerakan sukarelawan yang muncul berbeza antara negara maju dan membangun kerana masing-masing mempunyai keperluan dan kekurangan yang berlainan. Misalnya aktiviti kesukarelawan di kebanyakan negara membangun menekankan kepada keperluan-keperluan asas khususnya pendidikan, hak asasi manusia atau penjagaan anak yatim. Negara-negara maju pula menyaksikan kemunculan sifat kemajmukan, serta tekanan dan pengaruh luar dalam mewujudkan solidariti antara rakyat. Maka pembangunan aktiviti sukarelawan lebih kepada penyerapan masuk generasi kedua pendatang asing ke dalam masyarakat mereka serta pelbagai kesan reaksi berbalik terhadap urbanisasi. Apapun perbezaannya, **sektor kesukarelawan merupakan sektor yang tidak berasaskan keuntungan tetapi mempunyai matlamat sosial yang tertentu.**

Gerakan sukarelawan lahir menerusi kemajuan sesuatu masyarakat serta kebangkitan populis menentang kesan-kesan sampingan negatif sesebuah sistem kapitalis. Di Amerika misalnya, para sukarelawan bertugas untuk segmen-segmen masyarakat yang semakin terhimpit oleh tekanan dan kesan negatif sistem kapitalis yang telah **berakar umbi** dalam masyarakat mereka. Sektor kesukarelawan menjadi pelengkap kepada sistem peruntukan dan pengagihan sektor pemerintah terutamanya dari segi pendidikan, kesihatan dan perkhidmatan sosial. Hal ini demikian kerana punca utama pembangunan sektor kesukarelawan ini ialah kegagalan sistem pasaran dan pemerintah dalam memperuntukan barangan dan perkhidmatan secara efektif kepada rakyat.

Ramai tidak sedar bahawa sektor sukarelawan menghasilkan nilai tambahan kepada ekonomi. Pembelian dan pendermaan barang makanan serta keperluan harian dan pelbagai khidmat kepada golongan miskin, dan yang kurang bernasib baik, membantu ekonomi melalui peningkatan perniagaan hasil permintaan barangan dan perkhidmatan yang diniagakan. Malah sektor ini turut mewujudkan peluang pekerjaan bagi rakyat sesebuah negara itu. Di Singapura, sektor keusahawanan sosial berkembang sebanyak 32 peratus dalam tempoh setahun lalu, dengan sebanyak 401 keusahawanan sosial didaftarkan - naik dari 303 pada 2016, menurut Pusat Singapura bagi Keusahawanan Sosial (raiSE).

Namun pelaksanaan sektor ini untuk menjadikannya sektor yang kukuh dan berpengaruh bukanlah mudah. Hal ini demikian kerana masyarakat bertindak dalam gerakan yang kecil dan terpecah, menyebabkan mereka sukar didengari dan kurang berpengaruh. Sukarelawan juga beraspirasi untuk menjadi "**penawar**" kepada "penyakit-penyakit" dalam masyarakat melalui kebolehannya memenuhi pelbagai kehendak dan memberi suara kepada pelbagai kumpulan rakyat yang berbeza. Namun sukar untuk mencapai keseimbangan antara usaha menyatukan kepelbagaian tersebut dan meningkatkan keberkesanannya dalam memenuhi aspirasi tersebut kerana usaha untuk menyatukan kepelbagaian itu sendiri boleh menjadi halangan ke arah pembentukan satu sektor yang kukuh dan berpengaruh.

Walaupun ramai yang berpendapat bahawa menarik minat dan penglibatan rakyat merupakan satu cabaran, namun keutamaan sebenar adalah untuk memastikan organisasi yang terbentuk oleh ahli masyarakat ini, **mekar** menjadi satu suara yang cukup berpengaruh dan disegani agar perubahan dan pembaikan dapat dilaksanakan.

(Kesukarelawanan dan sektor ketiga sebagai ejen pemerikasaan demokrasi Anas Alam Faizli, Astro Awani | Disember 05, 2016 – Disesuaikan)

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 4, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di dalam kertas jawapan kamu.

- 6 **“Sektor kesukarelawan merupakan sektor yang tidak berasaskan keuntungan tetapi mempunyai matlamat sosial yang tertentu** bergantung kepada tahap kemajuan sesebuah negara itu. Jelaskan
(6 markah)
- 7 Terangkan faktor-faktor yang mendorong pembangunan sektor sukarelawan?
(6 markah)
- 8 Nyatakan bagaimanakah sektor kesukarelawan memberi impak ekonomi sesebuah negara?
(6 markah)
- 9 Jelaskan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh sektor kesukarelawan untuk menjadi sektor yang kukuh dan berpengaruh?
(6 markah)
- 10 Terangkan maksud frasa dan perkataan-perkataan yang berikut mengikut konteks petikan yang diberikan.
(6 markah)
 - a) berakar umbi
 - b) penawar
 - c) mekar

SELESAI



**ANDERSON JUNIOR COLLEGE
JC2 PRELIMINARY EXAMINATION 2017
BAHASA MELAYU
MLL H2 9565 PAPER 3**

Tarikh : 11 Sept 2017

Masa : 3 JAM

ARAHAN:

- 1 Kertas ini tercetak dalam empat bahagian: Bahagian A (Novel), Bahagian B (Cerpen), Bahagian C (Sajak) dan Bahagian D (Drama).
- 2 Calon dibenarkan merujuk buku-buku teks yang telah ditetapkan.
- 3 Jawab EMPAT soalan kesemuanya. Calon hendaklah menjawab SATU soalan daripada setiap Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.
- 4 Lampirkan muka surat hadapan ini pada kertas jawapan kamu.

Nama Calon : _____ No PDG : _____

BAHAGIAN	NO. SOALAN	MARKAH
BAHAGIAN A NOVEL		
BAHAGIAN B CERPEN		
BAHAGIAN C SAJAK		
BAHAGIAN D DRAMA		
JUMLAH MARKAH (100)		

BAHAGIAN A
Novel RESTU oleh Ismail Kassan

- 1 Usaha membina masyarakat yang cemerlang memerlukan gabungan utuh generasi muda dan generasi tua. Jelaskan sejauh manakah kebenaran kenyataan ini berdasarkan novel **Restu**, karya Ismail Kassan.

(25 markah)

- 2 Ismail Kassan menggunakan pelbagai teknik plot bagi menjadikan **Restu** sebuah novel yang menarik. Pada pendapat kamu teknik plot manakah dapat memberi kesan kepada pembacanya? Jelaskan dengan memberi contoh-contoh yang sesuai dari novel tersebut.

(25 markah)

BAHAGIAN B
Cerpen – Begitulah Kata-Kata

- 3 Cerpen **Yang** karya Jamal Ismail, diakhiri dengan watak Simpati menolak tawaran Ketua Jabatan. Andainya Simpati menerima tawaran Ketua Jabatan apakah mungkin mesej yang pembaca peroleh melalui cerpen beliau itu?

(25 markah)

- 4 Manusia sentiasa dipengaruhi oleh sekitarnya. Bincangkan sejauh manakah perjalanan hidup watak Alif dipengaruhi oleh orang-orang di sekelilingnya berdasarkan cerpen **Suatu Perjalanan Sebuah Peta Sebuku Roti** karya Basiran Hj Hamzah.

(25 markah)

BAHAGIAN C
Sajak – Begitulah Kata-Kata

- 5 Dengan penggunaan gaya bahasa yang berkesan, Saeda Buang berjaya membawa pembaca mengalami pelbagai pengalaman yang dilaluinya dalam proses pencarian ilmu melalui sajak beliau, **Pustakaku dalam Remang Senja**. Jelaskan.
(25markah)
- 6 Sajak **Menjaring Mentari Hidupku** karya Abdul Kadir Pandi menyerlahkan pelbagai kelemahan manusia masa kini. Buktikan dengan memberi contoh-contoh yang sesuai berdasarkan sajak tersebut.
(25 markah)

BAHAGIAN D
Drama – Begitulah Kata-Kata

- 7 Drama **Titik Pertemuan**, tulisan Rohman Munasip, memberikan tumpuan kepada persoalan tentang perhubungan antara manusia. Dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai daripada drama tersebut, jelaskan apakah yang dapat dijadikan renungan oleh pembaca.
(25 markah)
- 8 Drama **Anjing untuk Diplomat** karya Hamed Ismail memaparkan kisah orang-orang yang terperangkap oleh tindakan mereka dalam usaha untuk memenuhi keinginan masing-masing. Nyatakan pendapat kamu dengan memberi contoh-contoh yang sesuai.
(25 markah)

SELESAI

AJC JC2 H2MLL PRELIM 2017 KERTAS 1 : Cadangan Jawapan

Bahagian A

1 dikesan	2) dengan	3) menurunkan/ mengurangkan	4) cukup	5) kesempatan
-----------	-----------	--------------------------------	----------	---------------

Bahagian B

- 6. Sektor sukarelawan merupakan sektor yang tidak berasaskan keuntungan tetapi mempunyai matlamat sosial yang tertentu** bergantung kepada tahap kemajuan sesebuah negara itu. Jelaskan.

Isi utama	Matlamat sosial sektor sukarelawan dalam negara membangun lebih bertujuan untuk memenuhi keperluan-keperluan asas
Isi sampingan	khususnya pendidikan, hak asasi manusia atau penjagaan anak yatim.
Isi utama	Di negara-negara maju Eropah pula, matlamat sosialnya lebih tertumpu kepada membantu penyerapan masuk generasi kedua pendatang asing ke dalam masyarakat mereka serta pelbagai kesan reaksi berbalik terhadap urbanisasi
Isi sampingan	Hal ini berlaku akibat kemunculan sifat kemajmukan, serta tekanan dan pengaruh luar dalam mewujudkan solidariti antara rakyat.

- 7. Terangkan faktor-faktor yang mendorong pembangunan sektor sukarelawan?**

Isi utama	Gerakan sukarelawan turut berkait rapat lahir menerusi kemajuan sesuatu masyarakat serta kebangkitan populis menentang kesan-kesan sampingan negatif sesebuah sistem kapitalis.
Isi sampingan	Di Amerika misalnya, para sukarelawan bertugas untuk segmen-segmen masyarakat yang semakin terhimpit oleh tekanan dan kesan negatif sistem kapitalis yang telah berakar umbi dalam masyarakat mereka.
Isi utama	Punca utama pembangunan sektor sukarelawan ini ialah akibat kegagalan sistem pasaran dan kerajaan dalam memperuntukan barangan dan perkhidmatan secara efektif kepada rakyat.
Isi sampingan	Sektor sukarelawan menjadi pelengkap kepada sistem peruntukan dan pengagihan sektor pemerintah terutamanya dari segi pendidikan, kesihatan dan perkhidmatan sosial.

- 8. Nyatakan bagaimanakah sektor sukarelawan memberi impak ekonomi sesebuah negara?**

Isi utama	Sektor ini membantu mengembangkan ekonomi melalui peningkatan perniagaan hasil permintaan barangan dan perkhidmatan yang diniagakan
Isi sampingan	Hal ini berlaku kerana adanya pembelian dan pendermaan barang makanan dan keperluan harian kepada golongan miskin, dan khidmat pengajaran yang disediakan secara percuma kepada anak-anak kurang bernasib baik.
Isi utama	Malah sektor ini turut mewujudkan peluang pekerjaan bagi rakyat sesebuah negara itu.
Isi sampingan	Contohnya di Singapura, sektor keusahawanan sosial berkembang sebanyak 32 peratus dalam tempoh setahun lalu, dengan sebanyak 401 keusahawanan sosial didaftarkan - naik

	dari 303 pada 2016, menurut Pusat Pusat Singapura bagi Keusahawanan Sosial (raiSE) hari ini (19 Ogos).
--	--

9. Jelaskan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh sektor kesukarelawan untuk menjadi sektor yang kukuh dan berpengaruh?

Isi utama	masyarakat sivil bertindak dalam gerakan yang kecil dan terpecah, menyebabkan mereka sukar didengari dan kurang berpeluang memberi pengaruh yang kukuh.
Isi sampingan	Jika semua gerakan-gerakan ini berpeluang bergerak bersama sekalipun, kualiti sebenar peluang itu dan kebolehan untuk mencanangkan perubahan masih boleh dipertikaikan
Isi utama	Sukar untuk mencapai keseimbangan dalam usaha menyatukan kepelbagaian dan meningkatkan keberkesanan dalam memenuhi aspirasi tersebut.
Isi sampingan	Malah usaha untuk menyatukan kepelbagaiaan itu sendiri boleh menjadi halangan ke arah pembentukan satu sektor yang kukuh dan berpengaruh

10

- a) berakar umbi = menjadi asas yang kukuh, sudah kukuh
- b) penawar = sesuatu yang dijadikan penyelesaian/ mengurangkan kesan buruk
- c) mekar = berkembang, maju

AJC JC2 H2MLL Prelim 2017 Kertas 3 : Cadangan Jawapan

BAHAGIAN A : Novel RESTU oleh Ismail Kassan

1. Usaha membina masyarakat yang cemerlang memerlukan gabungan utuh generasi muda dan generasi tua. Jelaskan sejauh manakah kebenaran kenyataan ini berdasarkan novel **Restu**, karya Ismail Kassan. (25 markah)

definisi masyarakat cemerlang: berjaya dalam pendidikan dan kerjaya/ bergerak maju
Setuju:

Generasi muda	Generasi tua
Merancang kemajuan – pembinaan prasarana Jalil/ Ikram	Memberi sokongan dan kerjasama Leman Fail
Mendapatkan kelulusan terbaik/ cemerlang dlm pelajaran Ikram	Memberi dorongan dan nasihat/ bantuan kewangan Ibu Ikram Pak usop Cg Maimunah

Tidak setuju – generasi muda menerajui gerakan/usaha memajukan masyarakat.

Berusaha gigih membina nasib Kegigihan ikram sendiri Tanpa bantuan ibu dan bapa tirinya Berdikari mencari nafkah/ biaya utk melanjutkan pelajaran
Warga muda perlu saling membantu dan mendorong kejayaan satu sama lain serta bergiat untuk kemajuan masyarakat Hasnah Jalil & Ikram
warga muda perlu sama-sama membantu memajukan masyarakat – elak rasa dendam dan dengki Rozali dan rakan-rakannya yang melambatkan proses pembinaan tali air

2. Ismail Kassan menggunakan pelbagai teknik plot bagi menjadikan **Restu** sebuah novel yang menarik. Pada pendapat kamu teknik plot manakah dapat memberi kesan kepada pembacanya? Jelaskan dengan memberi contoh-contoh yang sesuai dari novel tersebut. (25 markah)

Teknik plot	Kesan kepada pembaca
Kejutan – Keputusan undian bagi menentukan pemilik tanah / Ikram membuat keputusan utk meninggalkan kampung dan berpindah ke Johor	Merasakan kekecewaan Ikram – untuk membuat keputusan yg terbaik bagi diri dan masa hadapannya serta keluarganya. Mesej: Perlu membuat perubahan dan mengambil risiko utk berjaya dalam hidup
Suspens - Pertarungan silat antara Rozali dan Ikram di majlis perkahwinan anak Hj Kodri	Pengajaran: - Perlu menggunakan akal/ kebijaksanaan ketika berhadapan dengan musuh/ Utk memenangi sesuatu pertandingan kita perlu mempunyai strategi bagi mengalahkan lawan.
Tok Leman ditikam dan Yazid dituduh sbg pembunuhnya	Rasa simpati pembaca terhadap nasib Yazid dan kemudian pemergiannya menambahkan lagi penderitaan Ikram sekeluarga selepas ayahnya meninggal dunia

Monolog dalaman – 'Hasnah itu bukan muhrim kamu....Ya Allah ampunilah kesilapanku.....insan yang lemah. (ms 215)	Pengajaran – menjaga batasan dalam pergaulan itu adalah tuntutan agama.
Konflik – Rozali dan kawan2nya menyerang dan percubaan membunuh Ikram	Terlerailah segala pertanyaan pembaca – memberi kepuasan kpd pembaca Segala perbuatan jahat akan mendapat balasannya

BAHAGIAN B : Cerpen – Begitulah Kata-Kata

- 2 Cerpen **Yang** diakhiri dengan watak Simpati menolak tawaran Ketua Jabatan. Andainya Simpati menerima tawaran Ketua Jabatan apakah mungkin mesej yang pembaca peroleh melalui cerpen beliau itu? (25 markah)

Mesej negatif:

- Manusia akan berasa megah kerana dapat mencapai kesempurnaan dalam hidupnya dan dengan ini juga bermakna mereka tidak perlu bermuhasabah diri bagi menilai kelemahan yang ada.
- Elitisme akan diterima oleh masyarakat/ Elitisme akan terus berkembang dalam masyarakat kerana masyarakat elit telah dapat mencapai kesempurnaan.
- Manusia akan terus bersikap sombong akan pencapaiannya dan tidak dapat benar-benar sedar akan pentingnya sifat/nilai simpati dalam hidup. (Setia Urus tidak mungkin akan sedar betapa pentingnya Simpati dalam usaha mereka mencapai kesempurnaan)
- Nilai simpati boleh dijual beli hanya dengan memberi pangkat dan ganjaran. (Ketua Jabatan memberi seluruh lantai utk Simpati)
- Kita dapat memperbetul kekurangan dalam masyarakatnya dengan cara yang begitu mudah/ Segala kesilapan yang kita buat dengan mudah dapat diselesaikan secara material
- Kita akan perlu sentiasa mengharapkan bantuan orang lain untuk mencapai kejayaan / kesempurnaan yg diinginkan – tidak mampu berdikari

Mesej positif:

- Nilai simpati sebagai penawar kepada kelemahan dalam diri manusia
- Tanpa nilai simpati, masyarakat tidak akan dapat capai kesempurnaan.
- Walaupun masyarakat sudah maju namun nilai simpati dan nilai kemanusiaan tidak terhakis malah terus diamalkan dan dihargai

- 3 Manusia sentiasa dipengaruhi oleh orang-orang yang wujud dalam persekitarannya. Jelaskan bagaimanakah orang-orang tersebut mempengaruhi perjalanan hidup watak Alif berdasarkan cerpen **Suatu Perjalanan Sebuah Peta Sebuku Roti** karya Basiran Hj Hamzah. (25 markah)

Orang-orang yang wujud dalam sekitar kita sentiasa mempengaruhi

Orang2	Bagaimana mereka mempengaruhi perjalanan hidup Alif.
Ahli keluarga – Abang Alif	Memberi nasihat/ mengingatkan dan memastikan Alif terus berada di jalan yang betul dan tidak melencong mengikut rakan-rakannya yang hanya pentingkan keseronokan hidup (ms55)
Orang tua	Berkongsi ilmu tentang pentingnya menjaga hati - Alif tidak pernah dididik tentang hal itu Pentingnya mencari ilmu – agar peta perjalanan tidak rosak

	Adanya ilmu yang baik dan kurang bermanfaat Perlu mencari ilmu pada drp guru yang mursyid Dgn ilmu manusia akan lebih dapat membuat keputusan yg betul bagi dirinya (ms50-53) Orang tua sekeluarga sebagai contoh teladan untuk Alif – gigih meneruskan perjalanan
Mereka yg melalui pelbagai jalan – yang berkerikil tajam, penuh selut, penuh najis namun mereka tidak menyedarinya terus lalai tertawa riang (ms49)	Memberi iktibar/ peringatan – apa yang akan berlaku sekiranya hati sudah rosak/ peta perjalanan sudah rosak
Rakan2 sebaya	Mengajak sama ada kpd kebaikan/ keburukan (ms53-54)

BAHAGIAN C : Sajak – Begitulah Kata-Kata

- 5 Dengan penggunaan gaya bahasa yang berkesan, Saeda Buang berjaya membawa pembaca mengalami pelbagai pengalaman yang dilaluinya dalam proses pencarian ilmu melalui sajak beliau, **Pustakaku dalam Remang Senja**. Buktikan. (25 markah)

- **Pencarian ilmu itu merupakan satu nikmat**

Pencarian ilmu itu digambarkan sebagai satu nikmat – rasa seronok mencari ilmu/ menelaah pelbagai catatan

Lazat dan nikmat mengalahkan sungai madu & susu (R1B5) Tetapi ketidakpastian adalah mangkin pencarian & pencarian adalah kenikmatan yang berpanjangan(R3B9-10)

- **Merasai kesuntukan masa/ Keterbatasan waktu** – pembaca dapat alami kebimbangan penulis tentang singkatnya waktu yang ada padanya membuat pembaca sedar akan singkatnya masa kita dalam kehidupan ini.

Walaupun malam mendesak datang (R2B8) Namun, malam menghimpit datang (R3B11) Dan malam pasti datang (R4B5) kerana malam mengetuk tiba(R5B5)

- **Pembaca seperti diajak penyajak utk sama-sama meneliti dan memikirkan semula akan kerelevanan teori-teori yang telah dihasilkan oleh para pemikir**
Satu pengalaman yang menyedarkan pembaca untuk sentiasa menilai apa sahaja pengetahuan yang mereka peroleh

Di lipatan jilid-jilid ini aku merenungi kembali teori, pro-teori, anti-teori, pasca-teori yang kuhelus manja (R2B1-2)

- **Pembaca seperti dapat bertemu dengan tokoh-tokoh terkenal dalam usaha membuat kajian**

Kita dapat sama-sama dengan penyajak bertemu pemikir-pemikir penting yg belum kita kenali sebelum ini

*Senja ini aku bertemu al_Ghazali, Aristotle & berlaksa pemikir lagi (R1B1-2)
Bisik al-Farabi & Mannheim (R2B4)*

•Kesabaran penting dalam pencarian ilmu

Pencarian ilmu itu selalunya memakan masa. Seperti seorang anak kecil yang merangkak meniti kedewasaan, begitu jugalah pencarian ilmu yang memerlukan kesabaran – begitu jugalah pembaca dapat merasai kesabaran penyajak dalam proses pencarian ilmu yang bukan mudah ini.

*Berkat kedewasaan yang masih merangkak
Sabarlah! Bisik al-Farabi & Mannheim (R2B3-4)*

6. Sajak **Menjaring Mentari Hidupku** karya Abdul Kadir Pandi menyerlahkan pelbagai kelemahan manusia masa kini. Jelaskan dengan memberi contoh-contoh yang sesuai berdasarkan sajak tersebut.

(25 markah)

Kelemahan manusia	bukti
Tidak bermuhasabah diri/ Menyalahkan orang lain	<i>Orang sering salahkan mentari kerana terlalu terik seperti manusia lain yang sering menyalahkan orang lain kerana mereka tidak pernah melihat cermin hati (R5 b1-6)</i>
Manusia yang menzalimi diri – namun ini akan hanya oleh manusia yang sentiasa bermuhasabah diri – dapat melihat nikmat dan pesanan Allah	<i>Mungkin di situ nanti aku akan terlihat cermin kehidupanmu pula Kerana Allah tidak zalim yang zalim itu manusia (R4, b</i>
Bersikap sombong dan tidak tahu akan kesannya	<i>Kalau sering mendabik dada Cermin kehidupan akan tetak seribu (R7, b1-2)</i>
cuba menutup kesilapan yg dilakukan namun manusia tidak menyedari bahawa berkelakuan sedemikian sebenarnya membawa padah kepada diri sendiri	<i>Kalau gunakan kesilapan orang lain sebagai senjata untuk menutup kelemahan, ia adalah senjata yang akan menikam diri sendiri (R7, b5-9)</i>
Lalai akan tanggungjawab sbg umat tuhan – adakah manusia sering bertanya kpd diri sendiri dan menilai kehidupan mereka?	<i>Di cermin kehidupan yang besar itu tanyalah pada diri apakah kehangatan kesalahanku? apakah aku manusia sempurna? apakah aku telah menjalankan tanggungjawabku? (R6, b1-6)</i>
Manusia yang berpura-pura tidak sedar bahawa suatu hari nanti akan terbongkarlah semua kesalahan mereka ini.	<i>Dan hari esok pasti menentukan Setiap kepura-puraan akan terbongkar Kerana mata mentari tidak pernah buta (R8, b4-6)</i>

BAHAGIAN D : Drama – Begitulah Kata-Kata

- 7 Drama **Titik Pertemuan**, tulisan Rohman Munasip, memberikan tumpuan kepada persoalan tentang perhubungan antara manusia. Dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai daripada drama tersebut, jelaskan apakah yang dapat dijadikan renungan oleh pembaca. (25 markah)

Perhubungan antara manusia	Renungan pembaca
Hubungan kekeluargaan	Kasih sayang antara seorang bapa terhadap anak berkekalan – tidak terputus walaupun (Yusman selalu berdoa agar diketemukan dgn anaknya Lina) Hubungan erat antara ibu dan anak (Umi Sumirah dengan anaknya Adam)
Hubungan antara generasi muda dan tua	Perhubungan yang baik antara golongan muda dan tua akan bantu golongan muda menepis stereotaip negatif mereka terhadap golongan tua Perhubungan yang baik antara dua generasi memanfaatkan golongan muda kerana mereka dapat menimba ilmu dan pengalaman daripada yang tua Pentingnya membaca dan mencari ilmu – generasi tua menjadi contoh teladan kpd yang muda agar berterusan menimba ilmu sepanjang hayat (Yusman yg sentiasa membaca walaupun sudah lanjut usia)
Hubungan antara penulis dan pembacanya	Penulis dapat melihat pandangan pembaca dan membantunya menilai karya dan penulisannya. Perbincangan antara mereka dapat membantu menghuraikan pelbagai persoalan dan memperbetul pandangan masing-masing terhadap sesebuah karya itu Menyedarkan pembaca bahawa pelbagai perspektif dapat ditonjolkan apabila sesebuah karya itu dapat dibincangkan bersama penulisnya sendiri. (Yusman dan Adam)
Hubungan antara lelaki dan perempuan	penerimaan takdir akan jodoh di tangan Tuhan/ berbaik sangka terhadap orang lain Cinta antara Yusman dan Umi Sumirah – Yusman bersedia mengorbankan cintanya terhadap Umi Sumirah apabila Umi dijodohkan Umi dgn lelaki pilihan keluarga

- 8 Drama **Anjing untuk Diplomat** karya Hamed Ismail memaparkan kisah-kisah manusia yang terperangkap oleh tindakan mereka dalam usaha untuk memenuhi keinginan masing-masing. Nyatakan pendapat kamu dengan memberi contoh-contoh yang sesuai. (25 markah)

Tindakan utk memenuhi keinginan	Terperangkap oleh tindakan mereka
Tan Ah Kim – ingin terlibat sama dalam perjuangan menentang pihak British, golongan kapitalis - Keluar drp kemiskinan dgn mendapat ganjaran drp Pierre	Namun kurang memahami perjuangannya itu hingga dipergunakan oleh Pierre utk kepentingan Pierre dan pihak Perancis

	Akhirnya menjadi pembunuh Pierre dan diburu kerajaan – rakan2 seperjuangannya sudah ditangkap
Pierre – keuntungan material dan kedudukan	Dibunuh oleh Tan Ah Kim - disangkanya Pierre bersubahat dgn T Kamarudin menyokong British
Sonja – meningkatkan status dan keluar drp dunia pelacuran	Dipergunakan oleh kaum lelaki spr Pierre dan Tengku Kamarudin
Sally – keluar drp kemiskinan/ menyara hidup diri dan ibunya	Dipergunakan oleh Pierre dengan janji manis yg kosong semata-mata
Tengku Kamarudin – ingin mendapatkan Sonja	Dipergunakan oleh pihak Perancis untuk mendapatkan izin membuka estet getah di tanah Melayu



**ANDERSON JUNIOR COLLEGE
JC2 PRELIMINARY EXAM 2017
BAHASA DAN KESUSASTERAAAN MELAYU
H2 MLL 9565 PAPER 2**

Tarikh : 13 Sept 2017

Masa : 1 hr

Arahan:

- 1 Kertas peperiksaan ini mengandungi dua sumber dan empat soalan.
- 2 Baca setiap sumber dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan dengan menggunakan ayat kamu sendiri.
- 3 Apabila pengawas peperiksaan memberikan isyarat, klik 'Start'.

SUMBER A

Kesatuan dalam kepelbagaian

Oleh Dr Alauddin Sidal bhrencana@bh.com.my

Kesatuan dalam kepelbagaian

Semangat 'camaraderie' atau kebersamaan menjadi antara teras penting meningkatkan kebahagiaan manusia kerana semangat ini membantu menyelesaikan apa juga permasalahan dan perselisihan menerusi perundingan dan toleransi dalam hidup bermasyarakat dan bernegara.

Faktor kebersamaan merupakan antara faktor pendukung kebahagiaan selain faktor kepercayaan, kebaikan dan tadbir urus cemerlang. Dalam laporan Kebahagiaan Dunia 2017 (The World Happiness Report 2017), Norway mengungguli carta teratas.

Semangat kebersamaan ini juga mewujudkan titik keseimbangan dalam perhubungan antara pelbagai golongan dalam masyarakat. Dalam lanskap demografi kita yang semakin beragam dengan kehadiran warga asing, semangat ini menjadi benteng ampuh bagi menghindari ancaman liberalisme, radikalisme dan terorisme.

Bagi mengatasi persaingan sengit global ini, semangat kebersamaan menjadi faktor penyatuan minda dan hati setiap golongan rakyat untuk memacu negara ke arah kejayaan. Maka dalam usaha kita mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan, **penyuburan semangat kebersamaan perlu dipergiat lagi.**

SUMBER B

Jangan 'jaga tepi kain orang'.

Oleh Amirah Syazwani Baderol Sham@DS

Sikap begitu yakin bahawa diri dan ahli keluarga masing-masing terlalu sempurna dan tidak memerlukan bantuan orang lain mengakibatkan masyarakat moden gagal mempertahankan konsep kehidupan berjiran. Malah kita diajar jangan 'jaga tepi kain orang agar' tidak dikatakan mencero boh privasi atau menjajakan keburukan orang lain.

Namun, kegagalan membina semangat kejiranan dan sikap kepedulian terhadap satu sama lain ini mengundang pelbagai masalah. Eratnya hubungan kejiranan dan kebertanggungjawaban bersama sebenarnya sangat-sangat dituntut kini. Persekitaran kehidupan kita sekarang bukanlah seaman dan seselamat seperti dahulu. Apabila kita saling peduli, kita menjadi mata dan telinga kepada perlakuan setiap entiti masyarakat.

Senario bagaikan enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing yang melanda hidup kita menyebabkan semakin terhakisnya sikap kepedulian. Jadi bagaimanakah dapat kita capai visi negara inklusif agar tiada yang ketinggalan dalam usaha memajukan negara? Oleh itu tidak salah 'jaga tepi kain orang', asalkan bertempat dan berpada-pada.

- 1 Berdasarkan Sumber A, nyatakan bagaimanakah semangat kebersamaan menjadi faktor penentu kebahagiaan dalam hidup bermasyarakat dan bernegara?
(4 markah)

- 2 Berdasarkan Sumber B, mengapakah sikap kepedulian dalam masyarakat kita kurang menyerlah kini?
(4 markah)

- 3 Kandungan petikan Sumber A dan Sumber B saling menyokong. Jelaskan.
(7 markah)

- 4 Pada pendapat kamu sejauh manakah **penyuburan semangat kebersamaan dapat kita pergiatkan lagi?**
(Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan.)
(15 markah)

SELESAI

Cadangan jawapan:

1 Berdasarkan Sumber A, nyatakan bagaimanakah semangat kebersamaan menjadi faktor penentu kebahagiaan dalam hidup bermasyarakat dan bernegara?

(4 markah)

- Semangat kebersamaan menjadi faktor penentu kebahagiaan dalam hidup bermasyarakat kerana semangat ini membantu menyelesaikan apa juga permasalahan dan perselisihan menerusi perundingan dan toleransi dalam hidup bermasyarakat dan bernegara.
- Semangat ini juga mewujudkan titik keseimbangan dalam perhubungan antara pelbagai golongan dalam masyarakat.

2 Berdasarkan Sumber B, mengapakah sikap kepedulian dalam masyarakat kita kurang menyerlah kini?

(4 markah)

- sikap kepedulian kurang menyerlah dalam masyarakat kita kerana kita begitu yakin bahawa diri dan ahli keluarga masing-masing terlalu sempurna dan tidak memerlukan bantuan orang lain
- kita tidak mahu dikatakan menceroboh privasi dan menjajakan keburukan orang lain.

3 Kandungan petikan Sumber A dan Sumber B saling menyokong. Jelaskan.

(7 markah)

Semangat kebersamaan menjadi benteng menjaga keselamatan negara/ bahaya tiada semangat kebersamaan

SA – lanskap demografi kita yang semakin rencam dengan kehadiran warga asing, semangat ini menjadi benteng ampuh bagi menghindari ancaman liberalisme, radikalisme dan terorisme.

SB – Apabila kita saling peduli, kita menjadi mata dan telinga kepada perlakuan setiap entiti masyarakat dan amalan ini merupakan benteng menjaga kesejahteraan semua.

Sikap kepedulian membantu memajukan negara

SA- Bagi mengatasi persaingan sengit global ini semangat kebersamaan menjadi faktor penyatuan minda dan hati setiap golongan rakyat untuk memacu negara ke arah kejayaan

SB - kita capai visi negara inklusif agar tiada yang ketinggalan dalam usaha memajukan negara - kepedulian menjadikan negara lebih inklusif

4. Pada pendapat kamu sejauh manakah **penyuburan semangat kebersamaan dapat kita pergiatkan lagi?**
(Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan.)


(15 markah)

Dapat dipergiat kerana

- disebabkan populasi kita semakin rencam terutamanya dengan kehadiran warga asing dan juga persekitaran kehidupan kita kini yang diselubungi ancaman, maka pelbagai usaha sedang dan perlu diteruskan utk meningkatkan lagi kesedaran dan kerjasama utuh antara ahli-ahli masyarakat demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan negara
- memandangkan memang menjadi visi negara untuk membentuk masyarakat yang inklusif, tentunya memerlukan kerjasama pelbagai golongan untuk sama-sama membantu masyarakat maju. Dengan demikian penyuburan semangat kebersamaan pastinya dapat dipergiatkan lagi
- semangat kebersamaan ini semakin penting dengan keadaan persaingan sengit dalam dunia kini. Dengan adanya kesedaran ini maka tentunya ada pelbagai usaha untuk menyuburkan lagi semangat ini di pelbagai peringkat

Namun, masih sukar kerana

- kita begitu sibuk dan pentingkan diri sendiri – sukar untuk menuntut agar semua orang benar-benar komited mengubah sikap akibat persaingan sengit dalam masyarakat hari ini.



INNOVA JUNIOR COLLEGE

JC 2 PRELIMINARY EXAM

in preparation for General Certificate of Education Advanced Level

Higher 2

CANDIDATE'S
NAME

CG

INDEX NUMBER

BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU

9565/1

Kertas 1 (Bahagian 1)

(Part 1)

MALAY LANGUAGE AND LITERATURE

29 August 2017

Paper 1 (Part 1)

2 hours 15 minutes

(Total Time for Part 1 and Part 2)

Additional Materials: Writing Paper


ARAHAN UNTUK CALON

1. Kertas ini tercetak dalam dua bahagian yang berasingan: Bahagian 1 dan Bahagian 2.
2. Jawapan kepada Bahagian 1 dan Bahagian 2 hendaklah ditulis di Kertas Jawapan yang disediakan.
3. a. Bahagian 1: Kamus yang diluluskan boleh digunakan bagi bahagian ini.
Masa yang diperuntukkan bagi penggunaan kamus: 1 jam 15 minit.
b. Bahagian 2: Kamu tidak dibenarkan menggunakan kamus.
4. Baca arahan yang diberikan bagi setiap bahagian dengan teliti dan jawab soalan seperti yang diarahkan.
5. Lampirkan kertas halaman ini di hadapan kertas jawapan kamu. Tuliskan nombor soalan yang dijawab di ruangan yang disediakan di bawah.

Soalan	Markah	
	Isi	/17
	Bahasa	/18
	Jumlah	/35

This document consists of 2 printed pages.





INNOVA JUNIOR COLLEGE
JC 2 PRELIMINARY EXAMINATION
in preparation for General Certificate of Education Advanced Level
Higher 2

CANDIDATE'S
NAME

CG

INDEX NUMBER

BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU

9565/1

Kertas 1 (Bahagian 2)

(Part 2)

MALAY LANGUAGE AND LITERATURE

29 August 2017

Paper 1 (Part 2)

2 hours 15 minutes
(Total Time for Part 1 and Part 2)

Additional Materials: Writing Paper

ARAHAN UNTUK CALON

1. Sila lihat arahan yang terdapat dalam Bahagian 1.
2. Jawab **SEMUA** soalan dalam bahagian ini.
3. Jawapan kamu hendaklah ditulis di Kertas Jawapan yang disediakan.
4. Tulis nama dan CG kamu dengan jelas pada kertas ini dan kertas jawapan kamu.
5. Lampirkan kertas soalan ini di hadapan kertas jawapan kamu (Bahagian 2)

Markah	
Bahagian 1	/ 35
Bahagian 2	/ 35
Total	/ 70

This document consists of 4 printed pages.



BLANK PAGE

ARAHAN : Jawab SEMUA soalan.

BAHAGIAN A (5 markah)

Arahan : Dalam petikan karangan di bawah ini, terdapat 5 tempat kosong. Isi setiap tempat kosong ini dengan perkataan yang sesuai, mengikut konteks petikan karangan tersebut. Kemudian, tulis jawapan kamu mengikut susunan perkataan dalam petikan karangan.

Kala kita memperkatakan tentang kesusasteraan, hal itu tidak dapat dipisahkan dengan manusia dan masyarakat. Sastera hidup kerana adanya **(1)** _____ ini. Erti kesusasteraan kepada kehidupan manusia dilihat melalui **(2)** _____ dari segi bentuk, jenis dan fungsinya mengikut perubahan zaman dan tuntutananya. Keadaan ini memberi kesan terhadap erti sastera kepada kehidupan manusia.

Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu mula diperkenalkan pada 1957. Matlamatnya untuk membolehkan pelajar **(3)** _____ unsur dan nilai murni dari segi kerohanian, kemanusiaan, kemasyarakatan, kebudayaan, kewarganegaraan, menanam perasaan bangga dan cinta kepada tanah air. Ini searus dengan deras wawasan budaya kebangsaan yang **(4)** _____. Peranan utama sastera ialah membina insaniah dalam kehidupan manusia.

Dalam masyarakat berasaskan sains dan teknologi, **(5)** _____ mata pelajaran sastera sangat bererti. Tanpa sastera, masyarakat maju kehilangan unsur penting dalam kehidupannya. Oleh itu usaha harus terus digiatkan bagi memastikan sastera terus menjadi sebahagian daripada kurikulum di sekolah-sekolah.

(dipetik dan diubah suai daripada <http://www.theborneopost.com/2011/06/22/kepentingan-sastera-dalam-masyarakat-1malaysia/>)

BAHAGIAN B (30 markah)

Arahan : Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Pembulian siber berlaku apabila pembuli dan mangsa berusia di bawah 18 tahun dan secara hukum belum dianggap dewasa. Apabila salah satu pihak yang terlibat (atau kededuanya) sudah berusia melebihi 18 tahun, maka perkara yang terjadi akan dikategorikan sebagai jenayah siber atau gangguan siber.

Bentuk dan kaedah tindakan pembulian siber boleh berupa pesanan ancaman melalui e-mel, memuatnaikkan gambar yang **mengaibkan** mangsa, membuat laman sesawang untuk menyebarkan fitnah dan mengejek-ejek mangsa sehingga mengakses akaun media sosial orang lain untuk mengancam mangsa dan membuat kacau. Motivasi pembuli juga pelbagai. Ada yang melakukannya kerana marah, geram dan ingin membalas dendam. Ada pula yang menjadikannya sekadar hiburan pengisi waktu senggang iaitu sekadar bergurau ataupun kerana ingin mencari perhatian atau mendapatkan reaksi. Namun ada yang melakukannya secara tidak sengaja kerana terlalu mengikut emosi ataupun secara **impulsif**.

Pembuli sendiri biasanya merupakan kanak-kanak yang ingin berkuasa atau suka **mendominasi**. Kanak-kanak ini biasanya berasa lebih hebat, berstatus sosial lebih tinggi dan lebih popular dalam kalangan teman-teman sebayanya. Mereka memilih mangsa yang dianggap lebih lemah, tidak suka melawan dan tidak mampu membela diri. Mangsa sering diejek dan dimalukan kerana penampilan mereka, warna kulit, latar belakang keluarga mereka atau cara mereka bertingkah laku di sekolah.

Pembulian siber lebih mudah dilakukan daripada kekerasan konvensional kerana si pembuli tidak perlu bersemuka dengan orang lain yang menjadi sasarannya. Mereka boleh mengatakan hal-hal yang buruk dan dengan mudah menakut-nakutkan mangsa kerana mereka berada di belakang layar komputer atau menatap layar telefon selular tanpa harus melihat akibat yang ditimbulkan pada diri mangsa. Peristiwa pembulian siber juga tidak mudah dikenal pasti orang lain seperti orang tua atau guru kerana selalunya kanak-kanak atau remaja ini juga mempunyai kod-kod berupa singkatan kata atau emoticon internet yang tidak dapat dimengerti selain oleh mereka sendiri. Harus diwaspadai bahawa masalah atau kes pembulian siber ibarat fenomena hujung bongkah ais (*tip of the iceberg*). Mangsa sendiri malas mengaku kerana apabila mereka mengaku, biasanya akses mereka kepada internet ataupun telefon bimbit akan dibatasi serta kesukaran mencari si pembuli atau membuktikan bahawa si pembuli benar-benar bersalah.

Pembulian siber yang berpanjangan selalunya akan menimbulkan simptom-simptom sama ada yang berbentuk fizikal atau psikologi. Bantuan pakar seharusnya didapatkan dengan segera apabila simptom-simptom timbul. Pembulian siber yang berlarutan mampu mematikan rasa percaya diri kanak-kanak, sehingga menjadi murung, kluatir, selalu berasa bersalah atau tidak mampu mengatasi sendiri gangguan yang menyimpannya. Bahkan ada juga mangsa pembulian siber yang ingin mengakhiri hidupnya kerana tidak tahan dengan gangguan yang tiada hentinya. Selain itu, mangsa tidak berani bertindak kerana kluatir akan juga menjadi mangsa pembulian serta dilanda perasaan malu yang teramat sangat. Selain masalah psikologi, mangsa juga akan mengalami masalah kesihatan secara fizikal

seperti kehilangan selera makan, kesukaran tidur/gangguan tidur, masalah kulit, pencernaan dan jantung berdebar-debar.

Cara terbaik menghadapi dan mengurangi risiko pembulian siber adalah dengan usaha pencegahan sejak dini lagi. Pengguna muda harus menyedari atau disedarkan bahawa kehadiran dalam talian iaitu mempunyai alamat e-mel, profil dalam talian, kiriman di senarai mel atau forum, menulis di blog atau laman web pada dasarnya sama seperti kita berada di tempat umum. Mereka harus pandai menjaga diri dan memastikan keselamatan data peribadi yang bersifat sensitif seperti nombor telefon selular, alamat e-mel, kata laluan, nombor pin rahsia dan alamat rumah kerana informasi-informasi tersebut boleh digunakan orang yang tidak bertanggungjawab di internet.

(dipetik dan diubah suai daripada <http://cyberbullying126e27.blogspot.sg/2012/05/cyberbullying.html>)

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 3 dan 4, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di kertas tulisan yang disediakan.

6. Jelaskan profil seorang pembuli siber. (6 markah)

7. Nyatakan sebab-sebab pembuli siber berani melakukan pembulian siber. (6 markah)

8. Nyatakan sebab-sebab mangsa buli boleh dikatakan menyumbang kepada masalah pembulian siber menjadi ibarat fenomena hujung bongkah ais. (6 markah)

9. Apakah yang boleh dilakukan orang dewasa untuk menangani masalah pembulian siber? (6 markah)

10. Terangkan maksud perkataan-perkataan berikut mengikut konteks petikan karangan yang diberikan. (6 markah)
 - (a) mengaibkan
 - (b) impulsif
 - (c) mendominasi

Selesai.

Peperiksaan Prelim 2017 JC2 H2MLL Kertas 1 Bahagian 2/IJC

Skema Pemarkahan

Bahagian A

1. hubungan/ pertalian
2. perkembangan/ evolusi
3. menjiwai/menghayati
4. dihasratkan/diimpikan
5. kehadiran

Bahagian B

6. Jelaskan profil seorang pembuli siber.

Isi Utama 1:

Pembuli berusia 18 tahun ke bawah.

Isi Sampingan 1:

Mereka merupakan kanak-kanak yang ingin berkuasa atau suka mendominasi,

Isi Utama 2:

Mereka berasa lebih hebat, berstatus sosial lebih tinggi dan lebih popular dalam kalangan teman-teman sebayanya.

Isi Sampingan 2:

Mereka memilih mangsa yang dianggap lebih lemah, tidak suka melawan dan tidak mampu membela diri.

7. Nyatakan sebab-sebab pembuli siber berani melakukan pembulian siber.

Isi Utama 1:

Pembuli tidak perlu bersemuka dengan orang lain yang menjadi sasarannya.

Isi Sampingan 1:

Mereka boleh mengatakan hal-hal yang buruk dan dengan mudah menakut-nakutkan mangsa kerana mereka berada di belakang layar komputer atau menatap layar telefon selular tanpa harus melihat akibat yang ditimbulkan pada diri mangsa

Isi Utama 2:

Pembuli sukar dicari atau sukar dibuktikan bahawa mereka benar-benar bersalah.

Isi Sampingan 2:

Peristiwa pembulian siber tidak mudah dikenal pasti orang lain, seperti orang tua atau guru kerana selalunya kanak-kanak atau remaja mempunyai kod-kod berupa singkatan kata atau emoticon internet yang tidak dapat dimengerti selain oleh mereka sendiri

8. Nyatakan sebab-sebab mangsa buli boleh dikatakan menyumbang kepada masalah pembulian siber menjadi ibarat fenemona hujung bongkah ais.

Isi Utama 1:

Mereka malas untuk mengaku bahawa mereka telah menjadi mangsa

Isi Sampingan 2:

Mereka tidak mahu akses mereka kepada internet ataupun telefon bimbit dibatasi

Isi Utama 2:

Mereka takut untuk mengambil tindakan

Isi Sampingan 2:

Mereka terlalu malu dan khuatir akan menjadi mangsa pembulian juga

9. Apakah yang boleh dilakukan orang dewasa untuk menangani masalah pembulian siber?

Isi Utama 1:

Mengenal pasti simptom-simptom sama ada yang fizikal atau psikologi

Isi Sampingan 1:

Mendapatkan bantuan pakar untuk mengatasi simptom-simptom ini.

Isi Utama 2:

Melakukan usaha pencegahan sejak dini lagi dengan menyedarkan pengguna muda bahawa kehadiran dalam talian pada dasarnya sama seperti kita berada di tempat umum.

Isi Utama 2:

Mereka harus pandai menjaga diri dan memastikan keselamatan data peribadi yang bersifat sensitif

10. Terangkan maksud perkataan-perkataan berikut mengikut konteks petikan karangan yang diberikan.

(a) mengaibkan: memalukan

(b) impulsif: bersifat tergesa-gesa mengikut dorongan hati

(c) mendominasi: menguasai, mengenakan atau menimpakan kekuasaan terhadap sesuatu.

Selesai.

SUMBER A

Kesenian rakyat adalah lambang cara hidup sesuatu bangsa yang mempunyai nilai-nilai murni dan mencerminkan adat resam serta budaya kehidupan harian mereka. Kesenian bangsa bukan sahaja perlu terus diperkukuh, malah harus disemai dalam kalangan generasi muda yang akan menjadi pewaris kepada kesenian bangsa sendiri.

Selaras dengan pelestarian kesenian rakyat, Koperasi Dikir Barat Kelantan Berhad akan memastikan seni permainan tradisional di negeri Kelantan seperti silat, dikir barat dan wau terus dikembangkan dengan mengekalkan keasliannya tanpa dipengaruhi oleh unsur-unsur luar.

Pengaruh unsur-unsur moden terutama muzik dan pakaian yang menjolok mata tidak boleh diadaptasi ke dalam seni tradisional ini kerana bukan sahaja bertentangan dengan agama tetapi mencemarkan nilai keaslian itu. Penjagaan nilai keaslian seni itu amat penting kerana merupakan satu warisan yang telah menjadi khazanah budaya masyarakat Melayu negeri itu sejak turun temurun lagi dan harus dikekalkan.

Hasrat untuk mengekalkan kesenian rakyat khususnya permainan tradisional dapat dijayakan dengan sokongan semua pihak terutama para penggiat seni yang boleh memainkan peranan sebagai penghubung masyarakat melalui aktiviti masing-masing dengan lebih berkesan.

Selain lambang kebanggaan masyarakat sesebuah negeri, kesenian dan kebudayaan juga menjadi satu wahana untuk memupuk semangat perpaduan masyarakat setempat tanpa mengira agama, bangsa atau fahaman politik.

Beberapa permainan tradisional rakyat negeri Kelantan yang dipercayai semakin dilupakan boleh dihidupkan semula. Permainan tradisional yang lebih dikenali sebagai permainan rakyat seperti congkak, gasing, golek para, tikam seladang, kertuk dan rebana sebenarnya mempunyai keunikannya tersendiri. Selain berpotensi sebagai produk pelancongan, khazanah warisan budaya dapat dihidupkan dan dikumpulkan serta menjadi tatapan umum.

(dipetik dan diubah suai daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/Timur/20131031/wt_02/Keaslian-seni-budaya-perlu-dijaga#ixzz4pFVlvYDX)

SUMBER B

Adat ialah aturan kelakuan yang sudah menjadi kebiasaan sejak dahulu lagi. Adat juga boleh dikatakan peraturan kerana jika melanggar adat, sesuatu keturunan itu tidak akan berkekalan. Adat mewujudkan gagasan kebudayaan yang terdiri atas nilai-nilai budaya, norma, hukum, dan aturan yang dipercayai oleh setiap manusia dalam sesuatu masyarakat. Adat bukan agama, akan tetapi adat adalah amalan bagi mengekalkan sesuatu budaya, generasi, bangsa dan lain-lain.

Namun pada era globalisasi ini adat mula dilupai kerana ada yang berpendapat bahawa adat tidak perlu diikuti lagi kerana dianggap sebagai satu perkara yang kolot, tidak penting dan remeh. Budaya luar telah membawa masuk unsur-unsur negatif yang mencemarkan adat Melayu dan memadamkan idealogi, kepercayaan dan budaya bangsa Melayu sehingga dianggap tidak diperlukan.

Sebagai contoh, adat melayu mempunyai pelbagai peraturan, kepercayaan namun apabila zaman berubah dan semakin moden adat tidak diambil kira lagi. Contoh adat melayu yang tercemar pada masa kini ialah adat dalam perkahwinan Melayu yang tidak lagi diikuti sebagai contoh adat merisik, bertunang, berkhatam Al-quran sebelum bernikah, bernai dan bersanding. Malah banyak majlis perkahwinan Melayu semakin kebarat-baratan.

Masyarakat diseru supaya memelihara adat dan budaya Melayu yang semakin terpinggir terutama dalam kalangan generasi muda bagi memastikan warisan kebanggaan orang Melayu dapat dikekalkan.

Budaya dan sifat sopan santun, kehalusan budi bahasa, semangat bergotong-royong dan saling membantu yang menjadi amalan orang Melayu juga perlu disuburkan. Nilai-nilai sebegini perlu dipertahankan kerana merupakan kekuatan identiti orang Melayu dan masyarakat tidak boleh membiarkan budaya murni ini dilupakan. Remaja harus mempelajari adat-adat yang ada supaya ianya mampu memimpin remaja ke jalan yang lebih positif, serta remaja mengetahui tradisi nenek moyang mereka dahulu kala. Biar mati anak jangan mati adat.

(dipetik dan diubah suai daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/Utara/20140106/wu_01/Kesenian-adat-budaya-Melayu-perlu-terus-kekal-dipelihara dan <http://pencemaran-pencemaran.blogspot.my/2010/08/pencemaran-adat-di-dalam-adat-melayu.html>)

Arahan: Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri

1. Berdasarkan Sumber A, mengapa penting untuk melestarikan kesenian rakyat? (4 markah)
2. Berdasarkan Sumber B, huraikan pencemaran budaya yang berlaku? (4 markah)
3. Huraikan kaitan yang wujud antara Sumber A dan Sumber B. (7 markah)
4. Usaha melestarikan adat dan budaya Melayu merupakan tugas yang sukar dilaksanakan. Berikan komen kamu. Jawapan kamu tidak boleh melebihi 160 patah perkataan. (15 markah)

Selesai.

Peperiksaan Prelim 2017 JC2 H2MLL Kertas 2/IJC

Skema Pemarkahan

1. Berdasarkan Sumber A, mengapa penting untuk melestarikan kesenian rakyat? (4 markah)

- Kesenian rakyat adalah lambang cara hidup sesuatu bangsa yang mempunyai nilai-nilai murni dan mencerminkan adat resam serta budaya kehidupan harian mereka
- Kesenian dan kebudayaan juga menjadi satu platform untuk memupuk semangat perpaduan masyarakat setempat tanpa mengira agama, bangsa atau fahaman politik.

2. Berdasarkan Sumber B, huraikan pencemaran budaya yang berlaku? (4 markah)

- Budaya luar telah membawa masuk unsur-unsur negatif yang mencemarkan adat melayu dan memadamkan ideologi, kepercayaan dan budaya bangsa Melayu sehingga dianggap tidak diperlukan
- Pelbagai peraturan dan kepercayaan dalam adat Melayu sudah tidak diambil kira lagi

3. Huraikan kaitan yang wujud antara Sumber A dan Sumber B. (7 markah)

- Adat dan tradisi merupakan kebanggaan masyarakat yang perlu dikekalkan.
 - Sumber A: Penjagaan nilai keaslian seni itu amat penting kerana merupakan satu warisan yang telah menjadi khazanah budaya masyarakat Melayu negeri itu sejak turun temurun
 - Sumber B: Budaya dan sifat sopan santun, kehalusan budi bahasa, semangat bergotong-royong dan saling membantu yang menjadi amalan orang Melayu juga perlu disuburkan. Nilai-nilai sebegini perlu dipertahankan kerana merupakan kekuatan identiti orang Melayu dan
- Kepentingan Remaja mengenali dan meneruskan adat dan warisan Melayu.
 - Sumber A: malah harus disemai dalam kalangan generasi muda yang akan menjadi pewaris kepada kesenian bangsa sendiri
 - Sumber B: ianya mampu memimpin remaja ke jalan yang lebih positif, serta remaja mengetahui tradisi nenek moyang mereka dahulu kala. Biar mati anak jangan mati adat.

4. Usaha melestarikan adat dan budaya Melayu merupakan tugas yang sukar dilaksanakan Berikan komen kamu. Berikan komen kamu. Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan. (15 markah)

- Pengaruh barat/ budaya-budaya lain yang begitu kuat
- tuntutan kehidupan masa kini yang begitu mendesak menyebabkan masyarakat terlalu sibuk dan inginkan yang ringkas sahaja
- boleh dilaksanakan sekiranya semua orang memainkan peranan.

Selesai.

Maktab Rendah Innova

Skema jawapan bagi Prelim – P3 Sastera 2017

Soalan 1

Kepercayaan dalam sesuatu perhubungan mengundang kebahagiaan. Berdasarkan novel *Restu* oleh Ismail Kassan, sejauh manakah kamu bersetuju?

(25 markah)

Skema soalan 1

Tuntutan: *Calon harus memilih sama ada lebih bersetuju atau sebaliknya (3:1 atau 1:3). Dalam setiap isi perlu nyatakan dan seterusnya hujahkan bahawa kepercayaan dalam sesuatu perhubungan mengundang kebahagiaan atau sebaliknya. Calon perlu terangkan bagaimana kepercayaan itu membawa ketidakbahagiaan dan jika bahagia, bagaimana kepercayaan itu bawa kegembiraan atau ketenangan itu.*

Takrif kebahagiaan

Definisi : keadaan hidup yg aman damai serta gembira; kesenangan hidup (menurut DBP)

Takrif hubungan/perhubungan – pertalian antara dua pihak.

1. Hasnah dan Ikram
2. Ibu Ikram dan Ikram
3. Ayah ikram dan Tok Leman
4. Ikram dan Pak Nawī
5. Pak Usop dan Yazid
6. Ibu Ikram dan Pak Leh

(Mana-mana perhubungan yang terdapat dalam novel *Restu* yang berkait dengan soalan)

*Jika pelajar menyatakan perhubungan yang maha ESA dan manusia dari segi kepercayaan terhadap takdir, ini boleh diterima juga. (Tambah nilai bagi jawapan – menunjukkan keupayaan calon melihat perhubungan itu dari sudut yang lebih luas.)

Bersetuju /mengundang kebahagiaan

1. Perhubungan ibu Ikram dan Ikram
 - Ibu Ikram amat mempercayainya. Bahkan meletakkan sepenuh kepercayaan pada Ikram untuk menjaga tanah kebun mereka apabila dia mengikut Pak Leh ke Mersing bersama anak-anak yang lain.”(hlm 98)
 - Kepercayaan dalam perhubungan ini membawa kesenangan(kebahagiaan) kpd kedua-dua pihak. Kita ditunjukkan bagaimana pada akhirnya Ikram membawa kebahagiaan kpd ibunya apabila berjaya menjadi A.D.O dan dapat menyumbang balik kepada keluarga
2. Perhubungan Hasnah dan Ikram
 - Kepercayaan Hasnah terhadap Ikram sebagai seorang sahabat yang baik dan kekasih untuk dirinya
 - “...jika ada tempat dalam hati Has buat seorang lelaki, sejak lebih sepuluh tahun lalu ianya telah pun terisi sewaktu Has terasa begitu gembira dengan kejayaan Ikram dalam peperiksaan. Sejak itu tak ada seorang lelaki pun yang mampu menggantikannya. Hanya Ikramlah lelaki itu.”
 - “Secara jujur Ikram sebenarnya cukup meyakini setiap kenyataan dari Hasnah. Secara peribadi Ikram memang pernah menguji kejujuran dan pandangan Hasnah tentang persoalan keluarga mereka.”(hlm 100)
 - Biar pun badai melanda perhubungan mereka, mereka saling percaya akan ada ruang bagi mereka bersama pada akhirnya. Di akhir novel, Ikram menyatakan hasrat untuk meminang Hasnah.
3. Perhubungan ibu Ikram dan Pak Leh
 - Ibu ikram meletakkan kepercayaan pada Pak Leh bahawa dia mampu menjadi seorang suami yang baik buatnya. “Tindakan keluarga bersepakat untuk menjodohkan emak dengan Pak Leh adalah atas dasar kasihan belas. Memang agak sukar bagi seorang duda untuk membesarkan nak-anak sendirian.”(hlm 98)

- Kepercayaan tersebut membawa kebahagiaan padanya kerana Pak Leh merupakan suami yang baik yang kemudiannya menggunakan bantuan Ikram sebaik mungkin untuk mengubah nasib keluarga mereka.

Tidak bersetuju/ tidak mengundang kebahagiaan

1. Perhubungan Ayah Ikram dan Tok Leman
 - Kepercayaan ayah ikram bahawa Tok Leman akan menyerahkan wang tunai untuk harga tanah yang dibeli kepada Pejabat Tanah dan buat permohonan rasmi bagi geran tanah itu.
"Malam itu Ikram telah menjadi saksi tidak rasmi kepada suatu perjanjian tidak bertulis yang bakal mencorakkan masa hadapan diri dan keluarganya"(hlm 47)
 - Kepercayaan itu mengundang masalah kepada keluarga Ikram kerana geran tanah yang dijanjikan tidak diperolehi mereka.
2. Perhubungan Ikram dan Pak Nawi
 - Ikram percaya pada Pak Nawi, Setiausaha Persatuan Peladang Penarik Hulu untuk menempah lori persatuan bagi mengangkut buah nenas pada masa yang ditetapkan. Amatlah penting bagi nenas-nenas tersebut diambil segera
"Buah nenas yang sudah terlalu masak akan jatuh harganya. Ini kerana buah itu akan cepat membusuk dan tidak sesuai untuk ditinkan oleh pihak kilang"(hlm 111).
 - Maka itu, Ikram mempercayai Pak Nawi utk pastikan lori datang mengikut masa yang diberi semasa tempahan. Kepercayaan itu mengundang kemarahan dan ketidaksenangan kerana tindakan Pak Nawi menukar jadual Ikram dengan Ramli tanpa memberitahu Ikram.
" "Ramli ! Ramli yang paksa aku mengubah jadual tu. Dia nak gunakan lori tu untuk mengangkut papan dan kayu beluti dari Pontian."Suara Pak Nawi tersekat-sekat oleh semput nafasnya, bercampur dengan rasa sakit, sebak, hampa dan takut."(hlm 121)
3. Perhubungan Yazid dan Pak Usop
 - Pak Usop punyai kepercayaan terhadap Yazid. Maka itu, mempercayai bahawa Yazid akan tunggu berita daripadanya untuk kembali ke kampung apabila keadaan reda dan orang kampung tahu bahawa dia berada di pihak yang benar.
 - Malangnya, Yazid tidak menanti berita tersebut dan telahpun berpindah ke tempat lain hingga menyebabkan keluarga Yazid terpisah dengan dirinya. Hanya wujud dalam mimpi Ikram saja. Hal ini menjadikan Ikram agak terkilan.

(Mana – mana jawapan yang munasabah boleh diterima)

Soalan 2

Dorongan dan sokongan seorang wanita merupakan tunjang kekuatan Ikram. Berdasarkan novel *Restu* oleh Ismail Kassan, siapakah pada kamu yang boleh dianggap sebagai wirawati terunggul?
(25 markah)

Skema soalan 2

Tuntutan: *Calon harus memilih seorang watak wanita dalam novel yang dianggap sebagai wanita terunggul. Berikan 4 sebab berpandangan sedemikian. (4:0). Dalam hujahan perlu dikemukakan ciri-ciri(perwatakan) yang menjadikan watak itu terbaik berakarkan peristiwa. Peristiwa tersebut harus tonjolkan bagaimana dorongan dan sokongannya itu menjadi tunjang kekuatan Ikram dan menonjolkan wirawati itu sebagai yang terunggul dibandingkan dengan yang lain.*

Takrif tunjang

sesuatu yg menjadi asas dan menopang sesuatu yg lain

Makna terunggul

melebihi yg lain, terulung, terbaik, teristimewa

Senarai wirawati

- Cikgu Maimunah
- Ibu Ikram
- Hasnah

Sebab-sebab Hasnah sebagai wirawati yang terunggul :

1. jujur dan teguh pendirian

- Dalam kes yang melibatkan Yazid dan ayahnya, dia tidak pernah menyebelahi ayahnya malah dia mengkritik tindakan ayahnya terhadap orang kampung. Dia pasti Yazid tidak terlibat dalam cubaan membunuh ayahnya setelah meneiti dengan rasional kronologi peristiwa di malam ayahnya ditikam.
- Hal tersebut menjadi tunjang kekuatan Ikram kerana ia memberi Ikram keyakinan bahawa Hasnahlah wirawati dalam hidupnya yang berinya sokongan dan dorongan untuk terus berjuang tanah keluarganya biarpun tanpa Yazid di sisi. Tambahan, bila mendapat tahu Hasnah menanti kepulangannya lebih daripada sepuluh tahun menguatkan lagi semangat Ikram.

2. pemurah dan baik hati

- Berkongsi bekalan makanan bersama Ikram semasa di sekolah kerana tahu bahawa Ikram jarang atau tidak bersarapan di waktu pagi.
- Sikap Hasnah ini menjadi dorongan dan sokongan buat Ikram untuk pastikan dia tetap fokus pada pelajarannya dan tidak leka. Hasnah juga merupakan tempat Hasnah boleh berbicara dan berkongsi perasaan tika ibu Ikram tiada di sisinya.

3. penyayang

- Sifat penyayang Hasnah menjadi dorongan dan sokongan pd Ikram pada saat-saat yang sukar dalam kehidupan Ikram. Hasnahlah orangnya yang bersusah-payah melalui lorong ke rumah Ikram untuk mengetahui keadaan Ikram setelah Ikram tidak hadir ke sekolah selama empat hari.
- Hal ini merupakan sokongan padu Ikram dan menjadi bantuan yang sangat diperlukan Ikram tika itu bagi memastikan Ikram dapat terus tabah hadapi kehidupan hariannya.

4. Tidak mementingkan diri sendiri.

- Bersimpati dengan kepayahan hidup yang harus dilalui Ikram semasa mereka di sekolah
- Bersusah payah membantu Ikram walaupun keluarganya orang senang.
- Sikap Hasnah ini memberi dorongan buat Ikram agar tidak mengecewakan Hasnah dan menjadi tunjang kekuatan Ikram

Sebab-sebab ibu Ikram sebagai wirawati yang terunggul :

1. bertanggungjawab dan tabah

- Terpaksa membesarkan anak-anaknya yang masih kecil setelah kematian suaminya dengan membuat kerja-kerja lebih bersama Yazid kerana kebun mereka belum mengeluarkan hasil.
- Sering memberi nasihat dan menyabarkan anak-anaknya
- Hal tersebut menjadi dorongan untuk Ikram buat yang terbaik bagi membalas budi ibunya itu.

2. mementingkan pelajaran anak-anak

- Sentiasa menasihati Ikram agar meneruskan pelajaran. Mahu Ikram masuk Universiti dan berpotensi mengubah nasib mereka.
- Ingin Ikram menghargai pengorbanan Yazid untuk adik-adiknya.
- Kepentingan terhadap pendidikan ini merupakan salah satu faktor yang menarik Ikram keluar daripada kampung bagi “medan perjuangan” yang lebih besar(hlm 176). Dorongan tersebut sangat kuat hingga merupakan tunjang kekuatan Ikram bagi membuat keputusan genting itu.

3. penyayang

- Walaupun berkahwin lain, masih mengikut perkembangan Ikram dan Kamal
- Biarpun jauh, ibu Ikram merupakan sokongan dalaman yang dirasai Ikram apabila Ikram sedih di kampungnya.
- Sifat penyayangannya itu merupakan asas pengertian cinta kepada seseorang itu pada Ikram. Walau jauh tidak semestinya seseorang itu tidak menyayangi kita. Wirawati yang mengajar erti kasih saying yang luarbiasa bagi Ikram.

4. insaf akan kesalahan diri

- Seetelah pulang dari Mekah, sedar akan kesilapan diri, mula insaf dan mengampunkan segala dosa orang kepadanya termasuk Tok Leman.
- Perkembangan Ikram yang baru ini merupakan sokongan terpenting bagi Ikram untuk merealisasikan impian hatinya selama ini iaitu untuk hidup bersama Hasnah selamanya. Dari hal itu, beliau wirawati terunggul yang merupakan tunjang kekuatan Ikram.

Sebab-sebab ibu Ikram sebagai wirawati yang terunggul :

1. murah hati

- merupakan sokongan terpenting buat Ikram yakin kembali terhadap dirinya. (hlm 60.) "Ikram biarlah satu kampung ini menghina awak. Awak tak akan jadi hina. Tapi kalau awak sendiri yang menghina diri sendiri, awak memang akan jadi hina. Lagipun awak bukan mencuri harta sesiapa."
- Kemurahan hati Cikgu Maimunah merupakan sokongan bagi Ikram untuk mengubah pandangannya tentang kemurahan hati orang lain/ menerima bantuan orang lain.

2. berhati mulia

- "Cikgu Maimunah muncul sebagai seorang dewi penyelamat yang amat mengagumkan" (hlm 61)
- Sokongan dari segi kewangan iaitu ikhtiar untuk menguasai agar Ikram mendapat PIGB amat bermakna buat Ikram tika itu. INi tunjang kekuatan Ikram.

3. lemah lembut

- "Lembut suara Cikgu Maimunah memujuk Ikram yang tertunduk lesu" (hlm 59)
- "Lembut dan semakin sayu wajah Cikgu Maimunah. Sekurang-kurangnya Ikram tidak lagi berasa terhina dengan layanan yang lemah lembut begitu" (hlm 59)
- Dorongan bagi Ikram tika itu untuk membuka hati Ikram memberitahu keperitan kehidupannya pada ketika itu yang selama ini dirahsiakan.

4. optimistik

- "Ikram hanya mendiamkan diri selepas itu. Tetapi dalam hatinya dia mula menanam tekad. Biar apapun yang akan terjadi, dia akan terus belajar dan berjaya" (hlm 61)
- Sifat optimistik Cikgu Maimunah tersebut menjadi dorongan bagi Ikram yang secara langsung asas yang kukuh bagi kekuatan Ikram untuk berjaya dalam pelajarannya.
- "Ikram berjaya menamatkan pelajaran di sekolah rendah. Keputusan peperiksaan hujung tahunnya agak cemerlang" (hlm 63)

Soalan 3

Jamal Ismail menyajikan pelbagai isu yang mencengkam masyarakat moden dalam cerpen *Yang*. Huraikan. (25 markah)

Skema soalan 3

Tuntutan: Calon harus membuktikan soalan (4:0). Perlu ada penghujahan akan aspek apa yang mencengkam masyarakat. Bagaimanakah isu tersebut mencengkam masyarakat moden perlu ditonjolkan.

Takrif mencengkam:

berkuasa atas sesuatu; menguasai; menindas

Isu pokok/isi sampingan :

1. Pengertian 100 peratus **kesempurnaan dalam pembentukan peribadi dan masyarakat**

Dalam cerpen **Yang** penulis memaparkan usaha masyarakat moden (yang dilambangkan oleh bangunan itu) untuk mencapai kesempurnaan dalam pembentukan peribadi atau sahsiah. Maka watak Simpati dipanggil untuk ditemu duga oleh Ketua Jabatan. Simpati ditawarkan seluruh tingkat 101 demi mencapai tahap yang lebih daripada sempurna.

2. **Keangkuhan manusia kerana menganggap diri serba sempurna**

Melalui watak 'urusetia' yang mewakili golongan pekerja dalam bangunan tersebut, jelas terpancar sikap:

(i) sombong dan memandang rendah terhadap orang lain.

'urusetia' bangga dengan kejayaan yang mereka capai di bangunan itu. Malahan menurutnya, mereka tidak pernah mengalami kehampaan. 'urusetia' juga memandang rendah terhadap kebolehan Simpati (hal.39,41).

(ii)menghakimi

'urusetia' cepat menilai/mengkritik Simpati walaupun mereka baru sahaja berkenalan (hal.39).

2. **Eksklusif/Elitis**

Dalam cerpen ini bangunan 101 tingkat itu merupakan bangunan yang paling tinggi. Dengan warna hitam pekat, tidak ada jendela dan lif yang bercermin sehala. Bangunan itu memberikan gambaran sebuah bangunan yang eksklusif, yang lain daripada yang lain (hal.36).

Begitu juga dengan kumpulan masyarakat di dalam bangunan itu. Masing- masing mempunyai peranan khusus dan merupakan lambang kesempurnaan (hal.38-39).

3. **Muhasabah diri**

Cerpen *Yang* menyelitikan aspek muhasabah diri sebagai sesuatu proses penting dalam pembentukan keperibadian manusia dan masyarakat. Penulis menggambarkan proses ini dalam diri Simpati apabila dia mempersoalkan keadaan luar dan dalam bangunan itu (hal.37).

Ketua Jabatan ingin mencapai kesempurnaan dan dia sedar akan kekurangan pekerja-pekerjanya. Maka itu Simpati dipanggil untuk temu duga.

Hal ini dapat dikukuhkan dengan perlambangan lif yang bergerak secara perlahan yang memberi maksud bahawa muhasabah diri itu proses yang perlahan yang memerlukan kesabaran dan ketelitian (hal.37)

(mana-mana jawapan yang munasabah boleh diterima)

Soalan 4

Sesuatu karya itu terhasil daripada cetusan gabungan daya rasa, kepekaan dan keprihatinan penulis terhadap apa yang diamati dan dialami oleh masyarakat. Sejauh manakah ini dapat disampaikan dengan baik menerusi watak-watak dalam cerpen *Ruang* oleh Ismail Wardi?(25 markah)

Skema soalan 4

Tuntutan: Calon harus memilih sama ada lebih bersetuju atau sebaliknya (3:1 atau 1:3). Penekanan haruslah pada aspek persoalan. (Yang diamati dan dialami masyarakat = isu/persoalan). Maka calon menghujahkan bagaimana watak-watak tersebut mengangkat persoalan cerpen. Isi sebaliknya perlu membuktikan unsur sastera lain yang kdpapat menyampaikan persoalan dengan baik selain watak & perwatakan.

Watak-watak :

Aku

i). Seorang yang mementingkan diri sendiri

Apabila Aku dicemuh oleh seorang lelaki bersuara garau, berwajah lembut.

"Manusia macam engkau hanya pentingkan diri sendiri. Tak pernah mahu melihat kepentingan orang lain! Dan bila sudah begini baru minta pertolongan orang!" (hal.74).

ii). Seorang yang telah lanjut usia

"Benar. Dia sudah lama mereguk ruang yang luas. Dia sudah tua. Ruang untuknya semakin menipis." (hal. 75).

iii). Seorang manusia yang alpa dengan perintah agama

'Aku' akur akan keesaan Allah dan kerasulan Muhammad, S.A.W., namun 'Aku' hidup bergelumang dengan noda dan dosa yang telah menjerumuskannya ke kancah kebinasaan dan kekufuran.

2. Orang-orang berjubah hijau; lelaki bersuara garau, berwajah lembut & Ketua kumpulan

I). Berkelakuan agak aneh dan ganjil.

Tindak-tanduk mereka sering mengecutkan hati 'Aku' seperti yang disuarakannya:

"Semua biji mata menghala serentak ke arahku. Mereka yang mundar-mandir, turut terhenti kaku. Pandangan mereka sinis. Mata mereka tak berkerdip." (hal. 73).

II). Malaikat atau makhluk ghaib

"Mereka" mungkin merupakan para malaikat. Hal. ini boleh disahkan melalui beberapa insiden yang terdapat di dalam cerpen ini. Kejadian yang pertama adalah apabila lelaki bersuara garau, berwajah lembut berkata kepada Aku bahawa:

"Setiap kita terikat oleh ruang. Tidak ada satu pun makhluk yang memiliki kebebasan mutlak dalam hidupnya. Kita hanyalah kumpulan hari-hari. Setiap hilang satu hari dalam kehidupan kita, semakin berkurang bahagian diri kita. Dan semakin sempitlah ruang kita." (hal. 74).

Kejadian kedua yang lebih mensahkan fakta bahawa watak-watak ini merupakan para malaikat adalah apabila ketua kumpulan mereka bersuara:

"Kitalah umat akhir zaman. Ramai umat akhir zaman ini yang telah mencampakkan ajaran Rasul S.A.W. lalu mereka terbenam dalam lumpur kehinaan..." (hal. 76)

Sekali lagi, kata-kata ini hanya bisa dilontarkan oleh seorang makhluk Allah yang tinggi darjat dan martabatnya, selain manusia. Dan makhluk itu tidak lain hanyalah malaikat.

Akhir sekali, terdapat satu kejadian aneh yang berlaku dalam cerpen ini, yang meyakinkan pembaca bahawa watak-watak yang dikatakan di atas ini lebih merupakan malaikat daripada watak-watak cereka biasa. Hal. ini berlaku ketika titik cecair dititiskan ke dalam mata Aku (hal.76). Ketika aku “*meronta-ronta menerjang kepedihan*”, sekonyong-konyong “*...mereka hilang dari pandangan. Hilang dari pendengaran*” (hal. 76). Selepas kejadian itu, tiada lagi disebut tentang watak-watak tersebut. Fenomena ini lebih meyakinkan pembaca bahawa watak-watak yang diperkatakan di atas ini, sesungguhnya, bukanlah watak-watak manusia biasa, melainkan mereka merupakan para malaikat yang telah menyerupai manusia.

Persoalan :

1. Penyesalan di ambang kematian

Apabila seseorang itu semakin hampir dengan kematian, mulalah dia menyesali segala tindak-tanduk yang dilakukannya sepanjang hidupnya.

2. Keserakahan manusia

Manusia sudah tidak lagi mempedulikan perintah agama. Sebaliknya, mereka lebih seronok hidup bergelumang dosa tanpa sedikitpun rasa malu.

3. Peluang kedua

Peluang kedua diberikan untuk memperbaiki kehidupan. Pada ketika itu, manusia mahu hidup lama agar dapat memperbaiki kehidupan.

4. Melakukan amalan baik yang berlandaskan agama sebagai bekalan hidup

Perbanyakkan amalan yang baik kerana hidup itu singkat dan tidak seharusnya disia-siakan dengan melakukan dosa.

Isi sebaliknya – unsur sastera lain

(mana-mana jawapan yang munasabah boleh diterima)

Soalan 5

Keberkesanan pemilihan kata oleh penyajak Kamariah Buang dalam sajak *Anak Tetangga Kelantan Lane* menghidupkan kenangan kehidupan masyarakat Bawean pada satu ketika. Huraikan.

(25 markah)

Skema soalan 5

Tuntutan: *Calon harus menjelaskan keberkesanan pemilihan kata (diksi) (4:0) dalam menonjolkan kehidupan masyarakat Bawean. Aspek bagaimana kehidupan masyarakat Bawean dihidupkan perlu ada dalam hujahan calon.*

Pemilihan kata :

1. Diksi

- Diksi yang digunakan terdiri daripada imej-imej yang sesuai menggambarkan kehidupan masyarakat Bawean/Boyan

- *longkang (R1B2)*
- *baju selekeh (R1B4)*
- *gelang berkarat-karat (R2B6)*
- *amben (R1B4)*

(mana-mana jawapan yang munasabah yang dapat menggambarkan pemilihan kata berkesan bagi menghidupkan kehidupan masyarakat Bawean)

Soalan 6

Kualiti seorang pelajar contoh diselongkar dengan berkesan dalam sajak *Pendakian* oleh Taha Jamil. Jelaskan.
(25 markah)

Skema soalan 6

Tuntutan: Calon harus menghuraikan 4 kualiti pelajar contoh berdasarkan teks (4:0). Calon perlu buktikan bagaimana penulis memaparkan kualiti tersebut menerusi kepengarangannya.

Kualiti seorang pelajar (aspek nilai dalam sajak):

1. Kegigihan

Penyair ingin mengejar cita-citanya dan beliau tidak akan berputus asa untuk mendapatkan apa yang diinginkan (segulung ijazah). Penyair meneruskan pendakiannya mengejar impian untuk mendapatkan ilmu kerana penyair tidak membenarkan hal-hal sebegini mematahkan semangatnya, setelah melalui pelbagai kesukaran dan kepayahan dalam hidup.

*tapi sekali mengorak langkah
aku tidak akan berpatah hati (R1, B3 – B4)
kerana aku bukan tidak pernah
mengalami kegetiran dan kepayahan
tapi pendakian ini belum berhenti (R2, B6 – B8)*

2. Kesabaran

Walaupun berkali-kali menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran, penyair tetap meneruskan perjuangannya untuk mencapai keinginannya (dalam menggenggam segulung ijazah).

*meski rintangan dan halangan
muncul dan menonjol setiap kali (R1, B5 – B6)
aku cuba menghela nafas yang
ada masanya begitu sebak dan sesak (R1, B7 – B8)*

3. Kejujuran

Seseorang yang jujur sering bersemangat kental. Penyair mempunyai niat yang baik apabila melanjutkan pelajaran di luar negara. Beliau tidak mudah menyerah kalah dan berputus asa apabila berhadapan dengan rintangan, cabaran dan kendala. Malah, semua ini membuatnya lebih berazam untuk berjaya.

*tapi sekali mengorak langkah
aku tidak akan berpatah hati...
aku cuba menghela nafas
pada masanya begitu sebak dan sesak (R1, B1 – B8) 48*

4. Kesediaan untuk meneroka

Kesediaan untuk meneroka perlu disemai dalam hidup agar diri tidak mudah menyerah kalah dan kecewa dengan cabaran atau rintangan. Penyair sentiasa bersikap positif terhadap segala masalah yang dihadapinya kerana mempunyai kekuatan mental. Segala masalah yang dihadapi dapat diatasi dengan saksama. Hakikatnya, segala usaha dan penat-lelah berbalas akhirnya.

*bukit di sini begitu tinggi
untuk kudaki
tapi sekali mengorak langkah
aku tidak akan berpatah hati
meski rintangan dan halangan
muncul dan menonjol setiap kali (R1, B1 - B6)*

(mana-mana jawapan yang munasabah)

Soalan 7

Berdasarkan drama *Anjing untuk Diplomat* karya Hamed Ismail, bincangkan pedoman yang bermanfaat untuk membentuk masyarakat madani. Jelaskan.

(25 markah)

Skema soalan 7

Tuntutan: Calon harus nyatakan dan hujahkan pengajaran atau perutusan yang dapat diraih bagi membentuk masyarakat madani (4:0). Hujahan calon perlu ada dengan jelas bagaimana pengajaran tersebut boleh memberi kesan terhadap wujudnya masyarakat madani.

Takrif pedoman:

sesuatu yg digunakan sbg pegangan atau ikutan utk melakukan sesuatu; panduan

Takrif masyarakat madani :

Masyarakat yang maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan

*Jika calon dapat memecahkan 3 aspek masyarakat madani kepada 3 isi yang berbeza, merupakan nilai tambah pada jawapan.

PENGAJARAN :

1. Janganlah kita mementingkan diri sendiri sehingga mengabaikan tanggungjawab umum.
2. Janganlah kita bersikap tamak dan tidak menepati janji.
3. Dalam melakukan sesuatu, janganlah kita bertindak terburu-buru.
4. Kita hendaklah menyusun strategi dalam rangka tindakan agar berjaya dan membuahkan hasil yang dikehendaki.
5. Kita mestilah berani menghadapi kebenaran dan menegakkan kebenaran.
6. Kita hendaklah selalu bersabar dalam apa jua yang dilakukan.
7. Kita hendaklah menguatkan semangat untuk mencapai cita-cita.
8. Kita hendaklah ikhlas berkhidmat untuk negara dan bangsa.
9. Kita hendaklah prihatin akan sejarah dan politik negara.
10. Kita hendaklah berani berhijrah atau mengubah cara hidup kepada yang lebih baik.
11. Kita hendaklah sentiasa menolong mereka yang memerlukan bantuan secara ikhlas.

PERUTUSAN

1. Kehidupan itu dipenuhi dengan pelbagai jenis perjuangan.
2. Untuk mencapai cita-cita, seseorang itu harus menanam semangat kental dalam dirinya.
3. Kesilapan manusia yang membawa bencana.
4. Manusia berazam dan tidak menyerah kalah.
5. Manusia yang tiada harga diri boleh dijual-beli dengan janji atau kedudukan atau wang.
6. Tanpa pegangan hidup yang kukuh, manusia mudah dipergunakan.
7. Keadaan terdesak memaksa sesetengah manusia melakukan sesuatu di luar jangkaan.
8. Berfikir dengan bijaksana sebelum bertindak memberi kesan yang baik.
9. Golongan bawahan yang menuntut keadilan dan kesaksamaan sosial.
10. Masalah timbul akibat pemimpin yang tidak bertanggungjawab.
11. Setiap orang mempunyai tanggungjawab terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara.

(mana-mana jawapan yang munasabah)

Soalan 8

Lukisan latar yang rencam dalam drama *Titik Pertemuan* oleh Rohman Munasip berjaya menganjurkan sastera sebagai alat penghubung manusia. Sejauh manakah kamu bersetuju?

(25 markah)

Skema soalan 8

Tuntutan: Calon harus memilih sama ada lebih bersetuju atau sebaliknya (3:1 atau 1:3). Calon perlu membuktikan bagaimana pelbagai latar dalam drama TP memperlihatkan sastera sebagai alat penghubung manusia (hubungan kemanusiaan). Isi sebaliknya pula memaparkan bagaimana sebaliknya berlaku; iaitu bagaimana latar kurang memaparkan hal tersebut tetapi unsur sastera lain yang dapat menonjolkan hal tersebut.

Takrif rencam:

Terdiri drpd bermacam-macam atau berbagai-bagai.

Tafsiran sastera sebagai alat penghubung manusia :

Hubungan manusia dengan sastera ditampilkan melalui dua bentuk. Watak Adam dan Lina mewakili peranan golongan anak muda dalam melestarikan sastera Melayu (hal.204). Manakala penampilan Yusman sebagai karyawan memperlihatkan peranan penulis dalam mengetengahkan soal adat dan santun dalam masyarakat (hal.225). Secara tidak langsung, sastera menjadi wadah yang menghubungkan kesemua individu dalam drama ini.

Latar:

Latar Masa

Latar masa melebihi 23 tahun.

Latar Tempat

Kafe di lapangan terbang

Sebuah acara bicara karya di perpustakaan

Tempat meletak kereta

Lapangan terbang

Rumah Adam

Latar Masyarakat

Pencinta sastera

Pengkritik sastera

Penggiat dalam persatuan sastera

Penulis bahan kesusasteraan

Masyarakat yang gemarkan majlis ilmu

Beragama Islam

Masyarakat perpendidikan

Masyarakat suka berseimbang

Masyarakat yang menghormati orang tua


Warga tua yang gemar membaca

Isi kontra :

Unsur sastera lain

(mana-mana jawapan yang munasabah)

Selesai



INNOVA JUNIOR COLLEGE

JC 2 PRELIM

in preparation for General Certificate of Education Advanced Level

Higher 2

CANDIDATE NAME

CLASS

INDEX NUMBER

BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU

Kertas 3

9565 / 03

MALAY LANGUAGE AND LITERATURE

Paper 3

13 September 2017

3 hour

Candidates answer on the Writing Paper.

ARAHAN

1. Baca arahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan seperti yang diarahkan.
2. Tulis jawapan kamu pada kertas yang diberikan. Tuliskan nombor soalan dengan jelas dan mulakan setiap soalan pada muka surat yang baru.
3. Tuliskan nama dan CG kamu dengan jelas pada kertas ini dan kertas jawapan kamu.
4. Tuliskan nombor soalan yang kamu jawab di dalam kotak yang sesuai.
5. Lampirkan kertas soalan ini pada kertas jawapan kamu.

H2MLL		
Bahagian	Soalan	Markah
A		/ 25
B		/ 25
C		/ 25
D		/ 25
Total Paper 3		/ 100
% / Gred		

This document consists of 2 printed page and 1 blank page.



Innova Junior College

[Turn over]

ARAHAN: Jawab **EMPAT** soalan kesemuanya. Calon hendaklah menjawab **SATU** soalan daripada Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.

**BAHAGIAN A
NOVEL – RESTU**

1. Kepercayaan dalam sesuatu perhubungan mengundang kebahagiaan. Berdasarkan novel *Restu* oleh Ismail Kassan, sejauh manakah kamu bersetuju?
(25markah)

2. Dorongan dan sokongan seorang wanita merupakan tunjang kekuatan Ikram. Berdasarkan novel *Restu* oleh Ismail Kassan, siapakah pada kamu yang boleh dianggap sebagai wirawati terunggul?
(25 markah)

**BAHAGIAN B
CERPEN – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA**

3. Jamal Ismail menyajikan pelbagai isu yang mencengkam masyarakat moden dalam cerpen *Yang*. Huraikan.
(25 markah)

4. Sesuatu karya itu terhasil daripada cetusan gabungan daya rasa, kepekaan dan keprihatinan penulis terhadap apa yang diamati dan dialami oleh masyarakat. Sejauh manakah ini dapat disampaikan dengan baik menerusi watak-watak dalam cerpen *Ruang* oleh Ismail Wardi?
(25 markah)

BAHAGIAN C
SAJAK – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

5. Keberkesanan pemilihan kata oleh penyajak Kamariah Buang dalam sajak *Anak Tetangga Kelantan Lane* menghidupkan kenangan kehidupan masyarakat Bawean pada satu ketika. Huraikan.
(25 markah)
6. Kualiti seorang pelajar contoh diselongkar dengan berkesan dalam sajak *Pendakian* oleh Taha Jamil. Jelaskan.
(25 markah)

BAHAGIAN D
DRAMA – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

7. Berdasarkan drama *Anjing untuk Diplomat* karya Hamed Ismail, bincangkan pedoman yang bermanfaat untuk membentuk masyarakat madani. Jelaskan.
(25 markah)
8. Lukisan latar yang rencam dalam drama *Titik Pertemuan* oleh Rohman Munasip berjaya menganjurkan sastera sebagai alat penghubung manusia. Sejauh manakah kamu bersetuju?
(25 markah)

Selesai



BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU

9565/1

Kertas 1 (Bahagian 1)

MALAY LANGUAGE AND LITERATURE

Paper 1 (Part 1)

12 SEPTEMBER 2017

2 hours 15 mins

(Total Time for Part 1 and Part 2)

Time : 08:00 – 09:15 hrs

Additional Materials: Writing Papers

ARAHAN UNTUK CALON

1. Kertas ini tercetak dalam dua bahagian yang berasingan: Bahagian 1 dan Bahagian 2.
 2. Semua jawapan hendaklah ditulis di Kertas Jawapan yang sama.
 3. **PENGGUNAAN KAMUS**
Bahagian 1 (Karangan: Soalan 1 – 4): Kamus yang diluluskan boleh digunakan bagi bahagian ini. Tulis nama kamus yang digunakan di sudut atas sebelah kanan Kertas Jawapan.
Masa diperuntukkan bagi penggunaan kamus: 1 jam 15 minit.
Bahagian 2 (Bahagian A dan Bahagian B) : Kamu tidak dibenarkan menggunakan kamus.
Masa diperuntukkan bagi Bahagian 2 : 1 jam.
 4. Baca arahan yang diberikan bagi setiap bahagian dengan teliti dan jawab seperti yang diarahkan.
-

Kertas ini mengandungi 2 halaman bercetak.

BAHAGIAN 1 (35 markah)

ARAHAN: Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada **460** patah perkataan mengenai satu daripada tajuk di bawah ini.

(Dalam pemberian markah, gaya bahasa, isi karangan dan susunannya akan dipertimbangkan.)

1. *“Dia yang gagal merancang, merancang untuk gagal”.*
(Benjamin Franklin-salah seorang bapa pengasas Amerika Syarikat)
Berikan pendapat kamu terhadap pandangan ini.
2. Dengan keadaan ekonomi yang berubah-ubah, rakyat Singapura patut digalakkan bekerja di luar negara untuk seketika waktu. Sejauh manakah kamu bersetuju dengan pernyataan ini?
3. Baru-baru ini, kamu telah menghadiri sebuah simposium berkenaan alam sekitar. Pengalaman itu telah mengubah persepsi kamu tentang kesan pembangunan terhadap alam sekitar. Ceritakan pengalaman dan terangkan bagaimana persepsi kamu berubah kesan dari simposium tersebut.
4. Tulis sebuah karangan berdasarkan rangsangan yang dipaparkan di bawah ini.



SELESAI



JURONG JUNIOR COLLEGE
J2 PRELIMINARY EXAMINATION 2017
General Certificate of Education Advanced Level Higher 2

BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU

9565/1

Kertas 1 (Bahagian 2)

MALAY LANGUAGE AND LITERATURE

Paper 1 (Part 2)

12 SEPTEMBER 2017

2 hours 15 mins

(Total Time for Part 1 and Part 2)

Time : 09:30 – 10:30 hrs

Additional Materials: Writing Papers

ARAHAN UNTUK CALON

1. Semua jawapan hendaklah ditulis di Kertas Jawapan yang sama.
 2. PENGGUNAAN KAMUS
Bahagian 2 (Bahagian A dan Bahagian B) : Kamu tidak dibenarkan menggunakan kamus.
Masa diperuntukkan bagi Bahagian 2 : 1 jam.
 3. Baca arahan yang diberikan bagi setiap bahagian dengan teliti dan jawab seperti yang diarahkan.
-

Kertas ini mengandungi 4 halaman bercetak.

ARAHAN: Jawab **SEMUA** soalan.

BAHAGIAN A (5 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat 5 tempat kosong. Isi setiap tempat kosong ini dengan perkataan yang sesuai mengikut konteks petikan karangan tersebut. Kemudian, tulis jawapan kamu mengikut susunan perkataan dalam petikan pada kertas yang diberikan.

Menjual produk tiruan merupakan satu kesalahan! Malah, terdapat peruntukan undang-undang yang jelas, jika sabit kesalahan, mereka yang menjual produk tiruan boleh dikenakan saman atau dipenjarakan. Ironinya, hukuman tersebut langsung tidak _____(1)_____ rasa takut kepada segelintir pihak. Mungkinkah hukuman tersebut terlalu ringan _____(2)_____ pulangan yang mereka peroleh sehinggakan kegiatan ini begitu sukar dibanteras di pasaran terbuka? _____(3)_____ mungkin kegiatan ini dilindungi orang-orang tertentu sehingga menyebabkan peniaga produk tiruan terus berani melakukannya? Yang jelas, _____(4)_____ mengenai bahaya dan akibat menggunakan barangan tiruan masih di tahap rendah kerana produk tiruan mendapat _____(5)_____ tinggi daripada pengguna yang tidak sensitif kepada bahaya dan akibat perdagangan barangan tiruan. Tegasnya, masyarakat perlu diingatkan bahawa membeli produk palsu boleh menyumbang kepada operasi jenayah!

BAHAGIAN B (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Bila anak terlalu montel oleh Dina Rahman

Banyak risiko yang timbul jika kanak-kanak gendut tidak dibantu atasi masalah berat badan berlebihan! Realitinya, masalah berat badan berlebihan atau obesiti sudah menjadi satu **gejala** meluas di dunia yang boleh mengancam kesihatan kanak-kanak. Singapura juga tidak terkecuali.

Dek rasa kasihan dan sayang, ibu bapa membiarkan anak-anak mereka makan sesuka hati dan tidak bergiat dalam aktiviti jasmani. Ramai ibu bapa menggunakan makanan sebagai tanda kasih sayang. Ada yang melihat kanak-kanak montel ini comel tetapi ironinya tidak terlintaskah di fikiran mereka jika kemontelan ini berkekalan sehingga dewasa? Tabiat ibu bapa mengizinkan anak-anak kecil menghabiskan masa yang terlalu banyak menatap *iPad*, televisyen dan telefon bijak menyebabkan anak-anak menjadi malas untuk keluar rumah dan melibatkan diri dalam aktiviti yang mengeluarkan peluh. Ibu bapa tidak perasan bahawa mereka telah menyediakan satu spekturm pendidikan gaya hidup tidak sihat secara formal.

Selain itu, kanak-kanak yang gendut lebih cenderung untuk diejek rakan sebaya. Ini akan menimbulkan tekanan dan kurang keyakinan diri terhadap penampilan diri. Jelaslah, masalah obesiti tidak harus dilihat dari segi estetik luaran sahaja. Obesiti dalam kanak-kanak tidak dapat menyokong tumbesaran yang baik dan selanjutnya **mendedahkan** kanak-kanak kepada risiko penyakit-penyakit kronik. Pendek kata, ia merupakan satu musibah yang harus dielakkan. Kajian sains juga telah membuktikan wujudnya hubungkait antara saiz otak yang lebih kecil dengan peningkatan risiko demensia dengan aras lemak yang lebih tinggi dalam badan. Maka, wujud

kemungkinan jika seseorang yang mengalami masalah berat badan, daya ingatan dan penumpuan juga akan berkurangan.

Atas kesedaran ini, tindakan pencegahan tidak boleh **ditangguhkan**. Satu cara adalah melalui bersukan di mana kesihatan fizikal dan mental akan mempengaruhi kesihatan mental kanak-kanak itu. Tidak dapat dinafikan, apabila seseorang itu sihat dari segi fizikal dan mental, badannya sihat dan otaknya cerdas. Yang penting sekali, dia dapat menjalankan tugas dengan baik dan seterusnya membantu dalam pembangunan negara. Melalui sukan juga, ini dapat mengelakkan anak itu daripada membuang masa dengan perkara yang tidak berfaedah dan amalan negatif seperti gejala sosial lantaran melahirkan golongan anak muda yang berkualiti. Jelaslah, melalui amalan gaya hidup aktif, kehidupan yang lebih bermakna dapat dicapai.

Inisiatif revolusi makanan oleh sekolah-sekolah di bawah naungan Kementerian Pendidikan (MOE) sudah dilancarkan. Semua kantin sekolah diwajibkan menyediakan pilihan makanan dan minuman yang lebih sihat di bawah Program Makanan Sihat di Sekolah-sekolah. Para penjual di kantin perlu mengikut garis panduan pemakanan – iaitu kurang lemak dan banyak sayur-sayuran. Siri kegiatan yang melibatkan ibu bapa juga dianjurkan demi menyebarkan mesej gaya hidup sihat. Ini termasuk bengkel yoga di mana ibu bapa mengambil bahagian dan jemputan cef terkenal untuk mendidik ibu bapa tentang teknik penyediaan makanan sihat. Pendek kata, sokongan ibu bapa diperlukan untuk menggalak kanak-kanak menerima inisiatif gaya hidup sihat ini.

Kesimpulannya, kerjasama semua pihak diperlukan demi mengelak kewujudan masalah kronik dalam kalangan kanak-kanak.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di kertas jawapan yang disediakan.

- 6 *Ibu bapa punca masalah kegemukan dalam kalangan kanak-kanak.* Jelaskan tanggapan ini. (6 markah)
- 7 Mengapakah kegemukan dianggap sebagai satu 'musibah' kepada kanak-kanak itu? (6 markah)
- 8 Manfaat bersukan kepada pembangunan kanak-kanak tidak boleh diremehkan. Huraikan. (6 markah)
- 9 Bagaimanakah pihak kementerian menyokong galakan pemakanan dan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan kanak-kanak? (6 markah)
- 10 Berikan maksud perkataan-perkataan berikut mengikut konteks petikan karangan yang diberikan. (6 markah)
 - i) gejala
 - ii) mendedahkan
 - iii) ditangguhkan

SELESAI

CADANGAN JAWAPAN / SUGGESTED ANSWER

Kertas 1

1. menimbulkan
2. berbanding
3. Adakah
4. kesedaran
5. permintaan

- 6 *Ibu bapa punca masalah kegemukan dalam kalangan kanak-kanak. Jelaskan tanggapan ini.* (6 markah)

IU	Ibu bapa membiarkan anak mereka makan sesuka hati dan tidak bergiat dalam aktiviti jasmani kerana makanan dikaitkan dengan lambang kasih sayang
H	Anak-anak diizinkan menghabiskan masa di dalam rumah dan bukan dalam aktiviti yang mengeluarkan peluh.
IU	Ibu bapa melihat kemontelan sebagai sesuatu yang comel.
H	Ibu bapa gagal melihat kesan jangka pangjang daripada kegemukan kanak-kanak.

- 7 Mengapakah kegemukan dianggap sebagai satu 'musibah' kepada kanak-kanak itu? (6 markah)

IU	Ini mendedahkan mereka kepada bahan ejekan rakan sebaya dan mampu menimbulkan tekanan terhadap penampilan diri
H	Keyakinan diri terjejas dek kegemukan.
IU	ini mendedahkan kepada kepada risiko penyakit-penyakit kronik dan menyebabkan masalah tumbesaran.
H	Kajian sains menunjukkan hubungkait antara saiz otak dengan risiko demensia / daya tumpuan dan ingatan yang berkurangan.

- 8 Manfaat bersukan kepada pembangunan kanak-kanak tidak boleh diremehkan. Huraikan. (6 markah)

IU	Produktiviti dapat meningkat dengan adanya badan yang sihat dan otak yang cerdas / kesihatan mental dan fizikal dapat diraih.
H	Maka itu, kehidupan yang lebih bermakna dapat diraih.
IU	Dengan melibatkan diri dalam sukan, ini dapat mengelakkan anak itu daripada membuang masa dengan perkara yang tidak berfaedah
H	Lantaran, gejala sosial yang negatif dapat dielakkan dan ini melahirkan golongan anak muda yang berkualiti.

- 9 Bagaimanakah pihak kementerian menyokong galakan pemakanan dan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan kanak-kanak? (6 markah)

IU	Melancarkan garis panduan pemakanan sihat dari aspek sajian makanan dan minuman yang wajib dipatuhi oleh pegerai –pegerai kantin sekolah.
H	Ini dilakukan melalui Program Makanan Sihat di sekolah-sekolah.
IU	Menganjurkan siri kegiatan untuk seisi keluarga demi menyebarkan mesej gaya hidup sihat memandangkan sokongan ibu bapa perlu untuk menggalak kanak-kanak menerima inisiatif gaya hidup sihat ini.
H	Sebagai contoh, bengkel yoga dan jemputan cef terkenal untuk mendidikan ibu bapada tentang teknik penyediaan makanan sihat diadakan.

- 10 Berikan maksud perkataan-perkataan berikut mengikut konteks petikan karangan yang diberikan. (6 markah)

i) gejala - keadaan yang menjadi petanda

ii) mendedahkan - membawa kepada sesuatu akibat / menyebabkan kelihatan

iii) ditangguhkan - ditunda



JURONG JUNIOR COLLEGE
J2 PRELIMINARY EXAMINATION 2017
General Certificate of Education Advanced Level
Higher 2

BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU

9565/3

Kertas 3

MALAY LANGUAGE AND LITERATURE

25 AUGUST 2017

Paper 3

Duration : 3 hours

Additional Materials: Writing Papers

ARAHAN UNTUK CALON

1. Baca arahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan seperti yang diarahkan.
2. Semua jawapan hendaklah ditulis di Kertas Jawapan yang sama.
3. Kamu dibenarkan untuk merujuk kepada teks yang ditetapkan.

Kertas ini mengandungi 3 halaman bercetak.

Jawab **EMPAT** soalan kesemuanya. Kamu hendaklah menjawab **SATU** soalan daripada setiap Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.

BAHAGIAN A
NOVEL – RESTU

1. Tajuk yang diberikan kepada novel *Restu* tulisan Ismail Kassan ini memang sesuai kerana isu-isu yang diketengahkan menggarap sepenuhnya konsep 'restu'. Berikan pandangan kamu berkenaan pendapat ini.
(25 markah)

2. *Seorang ketua itu dimuliakan kerana kepimpinannya dan keperibadiannya.* Buktikan pernyataan ini dengan merujuk kepada watak-watak ketua yang sesuai dalam novel *Restu* karya Ismail Kassan.
(25 markah)

BAHAGIAN B
CERPEN – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

3. Kekuatan cerpen *Yang* terletak pada keberkesanan Jamal Ismail menggunakan unsur konflik dalam menggerakkan plot ceritanya. Bincangkan pernyataan ini.
(25 markah)

4. Salah satu fungsi karya sastera adalah untuk menyindir kepincangan yang berlaku dalam masyarakat tidak kira lapisan. Berdasarkan cerpen *Ruang* tulisan Ismail Wardi, buktikan pernyataan ini.
(25 markah)

BAHAGIAN C

SAJAK – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

5. Gaya bahasa yang digunakan Sa'eda Buang dalam sajak *Pustakaku dalam Remang Senja* berjaya dalam menonjolkan nilai sebenar ilmu pengetahuan. Buktikan pernyataan ini.
(25 markah)

6. Penyair Masuri S.N menggunakan sajak *Begitulah Kata-Kata* sebagai saluran untuk memaparkan rasa kecewanya terhadap sikap-sikap negatif sekumpulan manusia. Apakah pengajaran yang dapat diraih pembaca daripada sajak ini agar pembaca dapat terus mencapai kemajuan?
(25 markah)

BAHAGIAN D

DRAMA – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

7. Drama *Titik Pertemuan* karya Rohman Munasip sebenarnya mengajak masyarakat menilai semula pandangan mereka berkenaan isu membaca dan kesusasteraan. Buktikan pernyataan ini.
(25 markah)

8. Drama *Anjing Untuk Diplomat* karya Hamed Ismail memaparkan cabaran dan pergolakan hidup yang dilalui masyarakat dalam era pasca penjajahan. Huraikan.
(25 markah)

SELESAI

CADANGAN JAWAPAN

BAHAGIAN A NOVEL – RESTU

1. Tajuk yang diberikan kepada novel *Restu* tulisan Ismail Kassan ini memang sesuai kerana isu-isu yang diketengahkan menggarap sepenuhnya konsep 'restu'. Berikan pandangan kamu berkenaan pendapat ini.

(25 markah)

Maksud 'restu' – keizinan/ kebenaran / berkat/ mengurniakan kebaikan

Setuju / Sesuai

Persoalan berkisar mendapat restu dari Tuhan

- Dengan restu Tuhan, Ikran berjaya mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan yang dihadapinya (dari isu kesihatan / pendidikan / rezeki untuk hidup)

Persoalan berkisar restu dari Ibu

- Ikram akur tidak meneruskan hubungannya dengan Hasnah tanpa mendapat restu daripada Ibunya. Ibunya melarang Ikram daripada menjalin sebarang hubungan dengan ahli keluarga Tok Leman.

Persoalan berkisar restu orang- orang yang lebih tua/ orang-orang yang memiliki hak.

- Isu pengambilan tanah untuk membuat kunci air. Tanpa keizinan/ restu daripada pemilik tanah, projek tidak dapat diselesaikan.
- Ikram meminta restu daripada Pak Usop sebelum keluar dari kampung itu dan kemudiannya dia kembali sebagai orang berjaya.

Tidak Setuju/ Tidak Sesuai

Persoalan berkisar tanggungjawab lebih menonjol berbanding restu.

Tanggungjawab ketua keluarga / tanggungjawab pemimpin masyarakat/ tanggungjawab pendidik/ tanggungjawab terhadap diri sendiri dalam pendidikan

2. *Seorang ketua itu dimuliakan kerana kepimpinannya dan keperibadiannya. Buktikan pernyataan ini dengan merujuk kepada watak-watak ketua yang sesuai dalam novel Restu karya Ismail Kassan.*

(25 markah)

Watak	Kepimpinan & Keperibadian
Pak Usop – Wakil orang kampung / bertanggungjawab menguruskan hal geran tanah	Warak, tenang dan sabar. Sentiasa menasihati orang kampung agar tidak terburu-buru dan bersabar dalam melakukan sesuatu.
Yazid – Pengganti bapa/ ketua keluarga	Bertanggungjawab dan rajin. Dia telah mengambil alih semua tugas bapanya, termasuk pergi ke kedai Siew Yap untuk membeli barang-barang dapur. Tekun mengusahakan kebun.
Jalil – Pegawai Daerah Pontian	Seorang ketua yang merendah diri/ tidak suka diraikan oleh orang kampung (Majlis Pelancaran Kempen Kemajuan Kampung) Tegas dan bersikap profesional dalam urusan kerja.
Ibu – emak Ikram	Gigih dan tabah menanggung keluarga walaupun suaminya sudah meninggal. Mementingkan pelajaran anak dan sentiasa menasihati Ikram.

BAHAGIAN B

CERPEN – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

3. Kekuatan cerpen *Yang* terletak pada keberkesanan Jamal Ismail menggunakan unsur konflik dalam menggerakkan plot ceritanya. Bincangkan pernyataan ini.

(25 markah)

Soalan teknik plot dan kesan plot.

Pelajar perlu menerangkan fungsi/ peranan dan kesan konflik dalam mengembangkan jalan cerita dalam cerpen ini.

- konflik luaran antara Urusetia dan Simpati. Urusetia memandang rendah terhadap Simpati.
- Konflik dalaman yang dialami Simpati. Keresahan yang dialami Simpati semasa berada di dalam bangunan tersebut.

Selain penggunaan unsur plot. Penggunaan unsur luaran yang lain dapat menggerakkan plot

- Watak-watak yang sesuai. Lambang watak Simpati dan Urusetia berkesan.
- Paparan latar tempat yang jelas melalui teknik pemerian.

4. Salah satu fungsi karya sastera adalah untuk menyindir kepincangan yang berlaku dalam masyarakat tidak kira lapisan. Berdasarkan cerpen *Ruang* tulisan Ismail Wardi, buktikan pernyataan ini.

(25 markah)

Pelajar perlu mengemukakan jenis-jenis kepincangan yang didedahkan dalam cerpen ini. Pelajar perlu menjelaskan bagaimana kepincangan-kepincangan ini ditonjolkan (melalui paparan watak/ latar masyarakat)

- a. Sikap manusia yang mensia-siakan masa hidup. Hanya sedar apabila di ambang kematian.
- b. Tiada rasa segan dan silu. Perlakuan zina di khalayak ramai secara terang-terangan
- c. Tidak mempedulikan ajaran agama.
- d. Mementingkan diri sendiri. Hanya memandang maksiat yang berlaku dan berdiam sahaja tanpa menegur.

BAHAGIAN C

SAJAK – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

5. Gaya bahasa yang digunakan Sa'eda Buang dalam sajak *Pustakaku dalam Remang Senja* berjaya dalam menonjolkan nilai sebenar ilmu pengetahuan. Buktikan pernyataan ini.

(25 markah)

Pelajar perlu kaitkan penggunaan unsur-unsur gaya bahasa tertentu dalam mengungkapkan nilai ilmu pengetahuan.

Unsur Gaya Bahasa	Nilai Pengetahuan
Hiperbola	'mengalahkan sungai madu & susu' <ul style="list-style-type: none"> - pencarian ilmu itu amat berharga dan bernilai tinggi - nikmat dari ilmu itu taraf tinggi (proses mendalami ilmu itu satu nikmat)
Metafora	'zamrud pengertian & pualam kehidupan' <ul style="list-style-type: none"> - pencarian ilmu memberi

	kesedaran tentang erti sebenar kehidupan. - memberikan erti kepada kehidupan
Personifikasi	'kedewasaan yang masih merangkak' - ilmu itu luas dan dalam, semakin dalam kita belajar banyak lagi yang belum kita diketahui - ilmu menjadikan seseorang merendah diri dan dapat membuang keegoan diri.
simbol alam	senja, malam - pencarian ilmu pengetahuan tidak mengira usia (selagi kita hidup, selagi itulah kita patut berusaha mencari ilmu)

6. Penyair Masuri S.N menggunakan sajak *Begitulah Kata-Kata* sebagai saluran untuk memaparkan rasa kecewanya terhadap sikap-sikap negatif sekumpulan manusia. Apakah pengajaran yang dapat diraih pembaca daripada sajak ini agar pembaca dapat terus mencapai kemajuan?

(25 markah)

Pengajaran kepada pembaca

- Kita perlu bersikap terbuka dalam menerima pembaharuan dan elak bersikap puas hati/ takut pada perubahan
- Kita perlu tabah dalam menghadapi rintangan dan cabaran dari orang sekeliling
- Kita perlu bersabar dalam memperjuangkan sesuatu walaupun kurangnya sokongan daripada orang di sekeliling
- Dalam mencari kehidupan yang bermakna, pencarian itu tidak harus dipaksakan kepada kebendaan semata.

BAHAGIAN D

DRAMA – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

7. Drama *Titik Pertemuan* karya Rohman Munasip sebenarnya mengajak masyarakat menilai semula pandangan mereka berkenaan isu membaca dan kesusasteraan. Buktikan pernyataan ini.

(25 markah)

Penilaian tentang isu-isu membaca dan kesusasteraan.

- a. Aktiviti membaca bukan sekadar untuk mengisi masa lapang. Ia mampu mendidik pembaca menjadi lebih kritis
 - b. Membasmi stereotaip bahawa orang tua tidak membaca buku novel.
 - c. Hubungan persahabatan antara golongan tua dengan golongan muda boleh terjalin melalui aktiviti membaca – perkongsian pendapat
 - d. Golongan muda aktif dalam melestarikan budaya membaca buku bahasa Melayu
8. Drama *Anjing Untuk Diplomat* karya Hamed Ismail memaparkan cabaran dan pergolakan hidup yang dilalui masyarakat dalam era pasca penjajahan. Huraikan. (25 markah)


Pelajar perlu mengemukakan cabaran dan pergolakan hidup yang dihadapi oleh masyarakat.

- a. isu kemiskinan
- b. mangsa penindasan golongan yang berada dan berkuasa
- c. Isu keruntuhan moral dan akhlak
- d. Isu kepimpinan yang lemah.

SELESAI

Candidate Name: _____

--	--



2017 Preliminary Examination 2 Pre-university 3

BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU
Kertas 1 (Bahagian 1)

9565/1
(Part 1)

MALAY LANGUAGE AND LITERATURE
Paper 1 (Part 1)

29 August 2017

1 hour 15 min

Additional Materials: Answer Paper
 String

ARAHAN UNTUK CALON

1. Jawapan hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang diberikan.

2. PENGGUNAAN KAMUS

Bahagian 1 (Karangan: Soalan 1-4): Kamus yang diluluskan boleh digunakan bagi bahagian ini.

Masa yang diperuntukkan bagi penggunaan kamus ialah 1 jam 15 minit.

3. Baca arahan yang diberikan dengan teliti dan jawab seperti yang diarahkan.

BAHAGIAN 1 (35 markah)

Arahan : Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 460 patah perkataan, berdasarkan salah satu tajuk berikut.

(Dalam pemberian markah, gaya bahasa, isi karangan dan susunannya akan dipertimbangkan.)

1. Sebuah program anjuran sekolah telah memberi kamu peluang untuk menimba pengalaman bekerja di sebuah tempat pilihan sendiri. Suatu peristiwa yang berlaku semasa bertugas telah menyedarkan kamu tentang kepentingan sikap inklusif dalam kalangan masyarakat. Ceritakan pengalaman dan perasaan kamu.
2. Sikap tidak mengenang budi semakin ketara dalam kalangan masyarakat hari ini. Berikan pendapat kamu tentang pernyataan ini.
3. 'Berkata-katalah hanya sekiranya kata-katamu itu lebih indah daripada diam.'
- Pepatah Arab

Sejauh manakah kamu bersetuju dengan pernyataan ini?

4. Berikan pendapat kamu berdasarkan grafik berikut.



SELESAI

ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.

BAHAGIAN A (5 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat 5 tempat kosong. Isi setiap tempat kosong ini dengan perkataan yang sesuai mengikut konteks petikan karangan tersebut. Kemudian, tulis jawapan kamu mengikut susunan perkataan dalam petikan karangan pada kertas jawapan yang disediakan.

Kejadian penganasan yang berlaku di beberapa tempat di dunia kebelakangan ini menekankan bahawa penganasan kekal sebagai ancaman sejagat. (1)_____ sebuah hab kewangan dan peserta pergabungan antarabangsa menentang penganasan, negara ini merupakan sasaran nilai tinggi. Pemerintah Singapura semakin giat mempertingkatkan (2)_____ bagi menyedarkan masyarakat tentang risiko keselamatan. Salah satu daripadanya ialah gerakan nasional SGSecure yang telah (3)_____, bagi mempersiapkan rakyat Singapura untuk mencegah dan menangani kejadian penganasan sekiranya ia (4)_____. Warga Singapura digalakkan memuat naik dan membiasakan diri menggunakan aplikasi SGSecure, dan memanfaatkannya sebagai alat bantuan utama semasa kecemasan. Jumlah penangkapan berhubung penganasan yang telah meningkat di negara ini juga membuktikan bahawa pemerintah mengambil pendekatan yang sangat (5)_____. Jelasnya, kerjasama semua pihak adalah sangat penting dalam kita menghadapi ancaman penganasan pada zaman serba canggih ini.

BAHAGIAN B (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Menghargai dan Menghormati Kepelbagaian Budaya

Oleh Noraziah Mohd Amin
Jun 2016

“Biar mati anak, jangan mati adat” merupakan peribahasa yang menekankan betapa adat resam dan amalan tradisi sangat dititikberatkan dalam masyarakat Melayu. Secara amnya, adat resam merupakan sebahagian daripada budaya bangsa atau etnik, yang turut melambangkan identiti sesebuah komuniti. Dalam kelompok sesebuah komuniti itu pula, budaya mencerminkan **jati diri** seseorang individu sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat tertentu.

Dalam kehidupan masyarakat berbilang kaum, setiap individu seharusnya peka dengan kewujudan budaya yang pelbagai dan tidak menggunakan alasan perbezaan sebagai punca yang menghalang pergaulan antara kaum. Malah, budaya sebenarnya dapat memainkan peranan sebagai medium untuk merapatkan hubungan masyarakat berbilang kaum melalui perkongsian. Perkongsian amalan tradisi dan adat resam, terutamanya bagi kaum yang serumpun, dapat mengurangkan jurang perbezaan, seandainya hal ini dihayati. Sebagai contoh, pengantin Melayu dan India mempraktikkan amalan memakai inai di jari dan mengunyah sirih pada waktu senggang. Persamaan yang wujud dalam perbezaan ini mampu menyemaikan semangat kekitaan dalam kalangan masyarakat. Hal ini mampu menghapuskan sikap etnosentrik, iaitu kecenderungan untuk menganggap masyarakat dan budaya sendiri lebih unggul daripada yang lain. Sikap individualistik sebegini hanya akan menghalang toleransi.

Setiap individu perlu membuang rasa prejudis atau persepsi negatif terhadap kaum lain. Syak wasangka yang berlandaskan perkauman boleh mewujudkan diskriminasi kaum yang seterusnya mengundang perbalahan dalam kalangan masyarakat. Sikap berkaitan xenofobia ini, iaitu rasa fobia, takut atau benci terhadap orang asing, termasuk yang berlainan kaum, dapat membunuh kepercayaan terhadap bangsa lain. Keadaan ini akan menyulitkan perpaduan kaum.

Sekitaran sosial yang kondusif adalah perlu bagi menggalakkan interaksi antara pelajar pelbagai kaum, agama dan budaya. Hal ini dapat direalisasikan melalui penubuhan pelbagai kelab dan aktiviti kokurikular yang bercirikan kebudayaan di sekolah-sekolah dan institusi pendidikan. Pertandingan tarian tradisional, seni kraf tangan, permainan alat muzik tradisional dan pameran seni masyarakat tempatan yang dianjurkan dapat memberikan pendedahan kepada para pelajar tentang variasi budaya dan rasa ingin tahu untuk lebih memahaminya. Kita seringkali terlepas perhatian bahawa variasi budaya juga menjadi sumber pendapatan negara sebagai daya tarikan pelancong asing untuk berkunjung ke negara ini. Sebagai rakyat, kita harus sentiasa menjaga keharmonian tanah air agar negara akan terus muncul menarik sebagai negara berbilang budaya yang berjaya mengekalkan keharmonian dan kesejahteraannya.

Pihak media perlu lebih versatil untuk **menggalas** tanggungjawab menerajui usaha memupuk penghayatan dan penghargaan terhadap budaya masyarakat setempat. Menayangkan filem dan drama pelbagai bahasa dan bangsa yang mengandungi mesej tentang kepentingan menjaga hubungan baik dan menghormati budaya kaum lain, boleh diusahakan secara lebih kerap. Masyarakat akan mendapat pendedahan yang lebih banyak mengenai budaya dan cara hidup kaum lain, di samping saling mempelajari tentang budaya.

Harus diakui bahawa usaha yang konsisten ke arah memupuk rasa hormat terhadap budaya yang pelbagai menjadi semakin genting kini. Dewasa ini, terdapat salah faham dalam kalangan generasi muda yang telah dikelirukan dan diracuni pemikirannya dengan ideologi agama yang **terpesong**. Demi mengekalkan keamanan sejagat, generasi muda terutamanya, perlu mengamalkan cara pemikiran yang matang tentang kehidupan di sebuah negara berbilang kaum dan tidak terikut-ikut dengan pengaruh golongan pelampau.

(dipetik dan diubah suai daripada 'Menghargai dan Menghormati Kepelbagaian Budaya' oleh Noraziah Mohd Amin, DS, Jun 2016)

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 3, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu pada kertas jawapan yang disediakan.

6 Apakah fungsi budaya dalam sesebuah masyarakat?

(6 markah)

7 Setiap anggota masyarakat perlu mengikis sikap-sikap negatif yang boleh menghalang integrasi kaum. Jelaskan.

(6 markah)

8 Bagaimanakah seni dapat dimanfaatkan sebagai alat memupuk pemahaman terhadap budaya kaum lain?

(6 markah)

9 'Sikap menghormati kepelbagaian budaya dapat menjamin kestabilan sesebuah negara'. Huraikan pernyataan ini.

(6 markah)

10 Terangkan maksud perkataan-perkataan berikut menurut konteks petikan yang diberikan :

(6 markah)

(a) jati diri

(b) menggalas

(c) terpesong

SELESAI

H	Singapore – Cambridge General Certificate of Education Advanced Level Duration 1h 0m 0s
<p><u>Sumber A</u></p> <p style="text-align: center;">Hobi Harus Dikembangkan <i>Oleh Haziah Che Husin</i></p> <p>Setiap manusia mempunyai hobi tersendiri bagi memenuhi minat dan mendapatkan keseronokan. Pada era milenium ini, setiap individu mempunyai jadual waktu yang amat padat bagi memenuhi tanggungjawab dan peranan serta mencapai matlamat. Namun begitu, masyarakat perlu sedar bahawa manusia memerlukan rehat untuk meredakan tekanan. Kadar tekanan yang terkawal akan dapat menyumbang kepada kesihatan mental dan fizikal. Kehidupan kita juga akan menjadi lebih bermakna dan menarik untuk diteruskan dari hari ke hari. Maka, hobi itu penting dalam kehidupan manusia.</p> <p>Sejak kecil lagi, kita sering diajukan soalan tentang hobi. Jika dahulu, ramai yang akan memberikan jawapan yang biasa kita dengar seperti bermain bola sepak, memancing dan membaca. Namun begitu, fenomena hobi generasi baru lebih berbentuk kegilaan yang bersesuaian dengan zaman. Malah, terdapat hobi yang bersifat pelik atau ekstrem.</p> <p>Pada tahun-tahun 1950-an hingga 1980-an, hobi dapat dilakukan dengan mudah melalui komunikasi yang ringkas. Inilah generasi yang mempunyai kelompok dan rakan hobi yang sama, tanpa kemudahan telefon bimbit atau pesanan ringkas tetapi mampu berkumpul dan melakukan kegiatan yang sama. Contohnya, hobi yang berbentuk kegiatan riadah seperti</p>	<p><u>Sumber B</u></p> <p style="text-align: center;">Kenali Personaliti Melalui Hobi <i>Oleh Nizar Parman</i></p> <p>Generasi muda harus bijak memilih hobi yang sesuai dengan diri dan personaliti mereka. Seseorang yang berfikiran jauh akan mengembangkan hobinya kerana sedar bahawa ia dapat memberikan pulangan yang lumayan suatu hari nanti. Contohnya, hobi membuat kek atau menjahit pakaian yang mampu dikembangkan sebagai satu perniagaan pada masa hadapan.</p> <p>Sekali air bah, sekali pantai berubah. Hobi generasi muda turut berubah mengikut peredaran zamannya. Berbanding mengumpul setem atau menulis surat kepada sahabat pena, remaja kini lebih gemar mengumpul koleksi watak adiwira atau memuatnaik video aksi mereka ke platform Youtube. Dalam hal ini, ramai remaja yang menempah kejayaan dalam kerjaya melalui hobi. Bermula dengan hobi bernyanyi secara suka-suka dan dimuatnaikkan ke Youtube, siapa sangka bintang seperti Justin Bieber mampu menjadi selebriti terkemuka pada hari ini.</p> <p>Tidak keterlaluan jika kita menganggap seseorang yang mempunyai hobi tertentu sebagai unik dan menarik. Hobi ini membolehkan seseorang membina rangkaian persahabatan dengan kenalan di dalam atau luar negara dan tidak semestinya dengan mereka yang mempunyai hobi yang sama. Berkenalan dan berteman dapat memberikan keceriaan dalam hidup.</p>

bermain gasing dan sepak takraw.

Jelas berbeza pula dengan hobi generasi masa kini yang menikmati kemudahan memuat turun filem dan memainkan pelbagai permainan melalui kemudahan teknologi. Interaksi antara penggemar hobi yang sama lebih tertumpu pada platform media sosial tanpa perlu bersemuka.

Bagi remaja yang mempunyai hobi positif seperti melukis, bersukan dan bermain alat muzik, mereka akan dipupuk dengan sifat sabar dan tekun serta jarang terlibat dengan kegiatan tidak berfaedah atau tidak bermoral. Mereka memanfaatkan masa lapang dengan melakukan aktiviti yang berkaitan dengan hobi. Maka itu, remaja harus digalakkan mempunyai hobi positif yang bersesuaian dengan diri mereka.



BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU
KERTAS 2

9565/2

!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!

Name :	
Class:	
Admin No :	
Thumb Drive No :	
Signature :	

! ! ! ! !

Arahan : Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu pada ruang jawapan yang disediakan.


H	Singapore – Cambridge	
	General Certificate of Education Advanced Level	Duration 1h 0m 0s
1.	Berdasarkan Sumber A, hobi mampu mengeratkan hubungan antara anggota masyarakat. Jelaskan. (4 markah)	
2.	Berdasarkan Sumber B, apakah jaminan masa hadapan yang dapat diraih oleh seseorang melalui hobinya? (4 markah)	
3.	Bagaimanakah kandungan Sumber A dengan Sumber B saling menyokong? (7 markah)	

4. Berikan komen kamu mengenai pernyataan bahawa hobi menyumbang kepada pembangunan diri seseorang. Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan.

(15 markah)

Candidate Name: _____

--	--



2017 Preliminary Examination 2 Pre-university 3

MALAY LANGUAGE AND LITERATURE**9565/3**
(Paper 3)

Paper 3

18th September 2017**3 hours**Additional Materials: Writing Paper
String

ARAHAN UNTUK CALON

- 1 Baca arahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan seperti yang diarahkan.
- 2 Tulis jawapan kamu di dalam Kertas Jawapan yang disediakan.

BLANK PAGE

Jawab EMPAT soalan kesemuanya. Calon hendaklah menjawab SATU soalan daripada setiap Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.

BAHAGIAN A

NOVEL – RESTU

- 1 Baca nukilan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan yang mengikutinya.

“Awak berjaya Ikram!” Suara Cikgu Jalal terhenti. Rasa sebak terus menyekat suara di kerongkong. Suasana hening seketika.

“Awak adalah pelajar terbaik di sekolah ini, tahniah!” Cikgu Jalal mengeluarkan sapu tangan dari poket seluar lalu menyeka air matanya.

(*Restu*, halaman 161)

Mengapakah Cikgu Jalal begitu terharu dengan pencapaian Ikram? Jelaskan.

(25 markah)

- 2 Novel *Restu* karya Ismail Kassan cuba memberikan peluang untuk pelajar merenung keadaan diri mereka sendiri sebagai seorang remaja dalam menelusuri hidup ini. Berikan pandangan kamu.

(25 markah)

BAHAGIAN B

CERPEN – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

- 3 Cerpen *Yang* karya Jamal Ismail merupakan satu pendekatan kreatif penulis dalam menggunakan perlambangan bagi menyampaikan motif penulisannya. Huraikan.

(25 markah)

- 4 Cerpen *Ruang* karya Ismail Wardi memerikan kejayaan penulis menerusi unsur visual. Jelaskan bagaimana unsur tersebut direalisasikan.

(25 markah)

BAHAGIAN C**SAJAK – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA**

- 5 Sajak *Pendakian* karya Taha Jamil sesuai dijadikan panduan kepada para pemuda dalam mengejar cita-cita. Berikan komen kamu.

(25 markah)

- 6 Sajak *Pustakaku di Remang Senja* karya Saedah Buang menggunakan unsur gaya bahasa dalam menyampaikan persoalan-persoalannya. Huraikan.

(25 markah)

BAHAGIAN D**DRAMA – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA**

- 7 Drama *Anjing Untuk Diplomat* karya Hamed Ismail menggambarkan pegangan penulis bahawa manusia sanggup melakukan apa sahaja demi mencapai apa yang diinginkan. Buktikan.

(25 markah)

- 8 Penulis yang baik adalah seorang yang sering membuat penilaian terhadap karya yang dihasilkan. Bincangkan perwatakan Yusman yang menepati ciri penulis yang baik itu dalam drama *Titik Pertemuan* karya Rohman Munasip.

(25 markah)

SELESAI

**MILLENNIA INSTITUTE
PRELIM 2/H2MML 2017
SKEMA JAWAPAN KERTAS 1 BAHAGIAN ii**

BAHAGIAN A (5 markah)

- (1) Sebagai
- (2) usaha
- (3) dilancarkan
- (4) berlaku/terjadi
- (5) serius/berkesan/efektif

BAHAGIAN B (30 markah)

6. Apakah fungsi budaya dalam sesebuah masyarakat? (6m)	
IU1	Budaya bangsa atau etnik, khususnya adat resam, melambangkan identiti sesebuah komuniti. (2m)
IS1	Dalam kelompok sesebuah komuniti itu pula, budaya mencerminkan jati diri seseorang individu sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat tertentu. (1m)
IU2	Budaya dapat memainkan peranan sebagai medium untuk merapatkan hubungan masyarakat berbilang kaum melalui perkongsian. (2m)
IS2	Perkongsian amalan tradisi dan adat resam, terutamanya bagi kaum yang serumpun, dapat mengurangkan jurang perbezaan, seandainya hal ini dihayati ATAU Persamaan yang wujud dalam perbezaan budaya mampu menyemaikan semangat kekitaan dalam kalangan masyarakat. (1m)
7. Setiap anggota masyarakat perlu mengikis sikap-sikap negatif yang boleh menghalang integrasi kaum. Jelaskan. (6m) *Jawapan = Set 1 & (2 atau 3)	
IU1	Setiap anggota masyarakat perlu mengikis sikap etnosentrik, iaitu kecenderungan untuk menganggap masyarakat dan budaya sendiri lebih unggul daripada yang lain. (2m)
IS1	Sikap individualistik sebegini hanya akan menghalang toleransi antara kaum yang berbeza. (1m)
IU2	Setiap individu juga perlu mengikis sikap berkaitan xenofobia, iaitu rasa fobia, takut atau benci terhadap orang asing, termasuk yang berlainan kaum. (2m)
IS2	Keadaan ini dapat membunuh kepercayaan terhadap bangsa lain dan akan menyulitkan perpaduan kaum. (1m)
IU3	Setiap anggota masyarakat juga perlu membuang sikap prejudis atau berfikiran negatif terhadap kaum lain.
IS3	Syak wasangka yang berlandaskan perkauman boleh mewujudkan diskriminasi kaum yang seterusnya mengundang perbalahan dalam kalangan masyarakat.

8. Bagaimanakah seni dapat dimanfaatkan sebagai alat memupuk pemahaman terhadap budaya kaum lain? (6m)	
IU1	Seni dapat dimanfaatkan sebagai alat memupuk pemahaman terhadap budaya kaum lain melalui penubuhan pelbagai kelab dan aktiviti kokurikular yang bercirikan kebudayaan di sekolah-sekolah dan institusi pendidikan. (2m)
IS1	Pertandingan tarian tradisional, seni kraf tangan, permainan alat muzik tradisional dan pameran seni masyarakat tempatan yang dianjurkan dapat memberikan pendedahan kepada para pelajar tentang variasi budaya dan rasa ingin tahu untuk lebih memahaminya. (1m)
IU2	Tayangan filem dan drama pelbagai bahasa dan bangsa yang mengandungi mesej tentang kepentingan menjaga hubungan baik dan menghormati budaya kaum lain, boleh diusahakan secara lebih kerap (oleh pihak media). (2m)
IS2	Masyarakat akan mendapat pendedahan yang lebih banyak mengenai budaya dan cara hidup kaum lain, di samping saling mempelajari tentang budaya. (1m)
9. 'Sikap menghormati kepelbagaian budaya dapat menjamin kestabilan sesebuah negara'. Huraikan pernyataan ini. (6m)	
IU1	Keharmonian kaum dan budaya yang diwujudkan melalui sikap menghormati kepelbagaian yang ada dapat menjadi sumber pendapatan sesebuah negara. (2m)
IS1	Keharmonian negara ini akan menjadikannya terus muncul menarik sebagai negara berbilang budaya dan dapat menarik pelancong asing untuk berkunjung ke negara itu. (1m)
IU2	Sikap menghormati kepelbagaian budaya dapat menjamin keamanan sesebuah negara daripada pengaruh golongan pelampau. (2m)
IS2	Demi mengekalkan keamanan sejagat, generasi muda terutamanya, perlu mengamalkan cara pemikiran yang matang tentang kehidupan di sebuah negara berbilang kaum dan tidak terikut-ikut dengan pengaruh golongan pelampau. (1m)
10 Terangkan maksud perkataan-perkataan berikut menurut konteks petikan karangan yang diberikan. (6m)	
(i)	jati diri – identiti, sifat atau ciri istimewa yang menjadi lambang keperibadian (2m)
(ii)	menggalas – menanggung, memikul (2m)
(iii)	terpesong – menyeleweng, menyimpang dari tujuannya (2m)

**MILLENNIA INSTITUTE
PRELIM 2/H2MLL 2017
SKEMA JAWAPAN KERTAS 2**

SOALAN 1 (4 markah)

Berdasarkan Sumber A, hobi mampu mengeratkan hubungan antara anggota masyarakat. Jelaskan.

SET 1 :

Anggota masyarakat pada tahun-tahun 1950-an hingga 1980-an mempunyai kelompok dan rakan hobi yang sama. Mereka mampu berkumpul untuk melakukan kegiatan riadah (seperti bermain gasing dan dan sepak takraw), melalui komunikasi yang ringkas. (2m)

SET 2 :

Hobi juga mampu mengeratkan hubungan generasi masa kini dengan adanya interaksi antara penggemar hobi yang sama (penggemar filem, penggemar permainan dalam talian dsb) melalui platform media sosial, tanpa perlu bersemuka. (2m)

SOALAN 2 (4 markah)

Berdasarkan Sumber B, apakah jaminan masa hadapan yang dapat diraih oleh seseorang melalui hobinya?

SET 1 :

Hobi yang dikembangkan dapat memberikan pulangan yang lumayan suatu hari nanti. (1m)

Contohnya, hobi membuat kek atau menjahit pakaian yang mampu dikembangkan sebagai satu perniagaan pada masa hadapan. (1m)

SET 2 :

Ramai remaja yang menempah kejayaan dalam kerjaya melalui hobi yang dimuatnaik ke platform Youtube. (1m)

Contohnya, bintang seperti Justin Bieber yang mampu menjadi selebriti terkemuka pada hari ini, bermula dengan hobi bernyanyi secara suka-suka dan dimuatnaikkan ke Youtube. (1m)

SOALAN 3 (7 markah)

Bagaimanakah kandungan Sumber A dengan Sumber B saling menyokong?

SET 1 :

Kedua-dua sumber menekankan tentang impak positif hobi terhadap diri seseorang penggemar. (1m)

Menurut Sumber A, hobi dapat memberikan kerehatan kepada seseorang dan meredakan tekanan yang dirasakan (akibat jadual yang padat) dan ini dapat menyumbang kepada kesihatan mental dan fizikalnya. (1m)

Menurut Sumber B, hobi memberikan keceriaan kepada seseorang kerana ia membolehkan seseorang membina rangkaian persahabatan dengan kenalan di dalam atau di luar negara, dan tidak semestinya dengan mereka yang mempunyai hobi yang sama **ATAU** Menurut Sumber B, hobi seperti melukis, bersukan dan bermain alat muzik dapat memupuk diri penggemar dengan sifat sabar dan tekun serta menjauhkan diri mereka daripada terlibat dengan kegiatan tidak berfaedah/tidak bermoral.

SET 2 :

Kedua-dua sumber menjelaskan tentang trend hobi yang telah berubah mengikut peredaran zaman. (1m)

Menurut Sumber A, dahulu, ramai yang mempunyai hobi yang biasa didengar seperti bermain bolasepak, memancing dan membaca. Pada zaman ini, hobi lebih berbentuk kegilaan yang bersesuaian dengan zaman dan ada juga yang bersifat pelik atau ekstrem. (1m)

Menurut Sumber B, berbanding mengumpul setem atau menulis surat kepada sahabat pena, remaja kini lebih gemar mengumpul koleksi watak adiwira atau memuatnaik video aksi mereka ke Youtube. (1m)

+ 1 markah bonus bagi pelajar yang tiada kesilapan bahasa yang besar/ketara

SOALAN 4 (15 markah)

Berikan komen kamu mengenai pernyataan bahawa hobi menyumbang kepada pembangunan diri seseorang. Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan.

SET 1 :

AT : Hobi menyumbang kepada kesihatan tubuh dan minda seseorang.

Huraian : Hobi merupakan sumber rehat dan dapat meredakan tekanan yang dirasakan. Hal ini menyumbang kepada kesihatan minda dan fizikalnya.

Contoh : Contohnya, jadual sekolah atau kerja yang padat menimbulkan tekanan dalam kehidupan. Seseorang yang mempunyai hobi memancing atau membaca akan berasa lebih seronok, santai dan kurang tertekan.

SET 2 :

AT : Hobi memperbaiki kemahiran interaksi/sosial seseorang.

Huraian : Hobi meluaskan jaringan persahabatan seseorang dan melatihnya berinteraksi secara bersemuka ataupun sebaliknya.

Contoh : Contohnya, mempunyai hobi unik dan menarik seperti mengumpul koleksi adiwira membolehkan seseorang menjalin persahabatan dengan kenalan dari dalam atau luar negara melalui media sosial. Kelompok yang mempunyai hobi seperti bermain bolasepak pula boleh melakukan kegiatan hobi dengan orang lain.

SET 3 :

AT : Hobi membentuk peribadi mulia dalam diri seseorang.

Huraian : Hobi memupuk sikap positif dalam diri dan mengelakkan seseorang daripada terjebak dalam kegiatan-kegiatan negatif.

Contoh : Hobi melukis, bersukan dan bermain alat muzik memupuk sifat sabar dan tekun. Masa lapang dimanfaatkan dengan melakukan aktiviti hobi maka terhindar daripada perkara-perkara tidak bermoral seperti pergaulan bebas dan perlakuan jenayah.

SKEMA JAWAPAN

1 Jawapan perlu menunjukkan mengapa Cikgu Jalal merasa sedih kerana beliau tahu latarbelakang kehidupan Ikram yang serba kekurangan itu tidak menjadi penghalang kepada pencapaian Ikram. Berikut merupakan fakta-fakta yang membuktikan kemampuan dan latarbelakang Ikram:

- Jarang ke sekolah kerana tidak menepati jumlah hari minimum yang ditetapkan oleh kementerian. Namun demikian, diizinkan juga untuk menduduki peperiksaan.
- Benar-benar belajar hanya dalam jangka masa satu minggu sahaja.
- Mengalahkan para pelajar yang jarang atau tidak pernah ponteng sekolah.
- Ikram mampu dan berjaya mengendalikan kehidupan hariannya dengan adiknya setelah pemergian ibunya ke Mersing, dalam usia remaja.
- Dia mengerjakan ladang.
- Dia menyediakan makan pakai adiknya dan dirinya sendiri.
- Dia berurusan dengan para pemborong hasil tanamannya.
- Dia ke sekolah untuk belajar.

2 Jawapan perlu menunjukkan perwatakan Ikram yang sesuai dengan watak seorang remaja dalam mencapai cita-citanya untuk kecemerlangan melalui berbagai cabaran dan dugaan:

- Cabaran dalam alam pendidikan.
 - Jarang ke sekolah kerana tidak menepati jumlah hari minimum yang ditetapkan oleh kementerian. Namun demikian, diizinkan juga untuk menduduki peperiksaan
 - Benar-benar belajar hanya dalam jangka masa satu minggu sahaja.
 - Mengalahkan para pelajar yang jarang atau tidak pernah ponteng sekolah.
 - Membuktikan bahawa tiada yang mustahil dalam hidup ini dan setiap tekad itu boleh membawa kepada kejayaan.
- Cabaran kehidupan setelah ketiadaan ibunya.
 - Dia mengerjakan ladang
 - Dia menyediakan makan pakai adiknya dan dirinya sendiri
 - Dia berurusan dengan para pemborong hasil tanamannya
 - Dia ke sekolah untuk belajar
 - Membuktikan bahawa sikap positif dan kepercayaan diri akan membantu seseorang itu mengatasi cabaran dan dugaan hidup dengan berkesan.
- Cabaran dalam menjalankan tugasnya:
 - Dia setuju menjadi ADO bukan kerana pangkat dan harta tetapi berhasrat membantu orang kampungnya.
 - Dia berusaha memperbaiki kehidupan orang kampung
 - Dia tumpaskan kumpulan petualang yang menyerang Tok Leman dan mencuri barang-barang di kawasan binaan

- Cara Ikram pastinya menjadi inspirasi kepada pembaca yang ingin memasuki alam kepimpinan agar mempunyai tekad untuk berjaya dan membantu orang lain.
 - Cabaran menghadapi musuh:
 - Ikram berjaya dalam mempertahankan dirinya apabila diserang oleh Pak Nawawi dan Ramli.
 - Ikram berjaya dalam pertarungan dengan Rozali di dalam majlis kenduri yang mempunyai adegan silat.
 - Ikram berjaya menumpaskan serangan oleh empat orang yang diketuai Rozali. Rozali cuba menyerang Ikram kerana perasaan benci dan setelah Ikram dapat tahu rahsianya sebagai petualang yang menyerang Tok Leman dan mencuri barang-barang di kawasan binaan.
 - Upaya dan pencapaian seumpama ini merangsang pembaca untuk mempunyai upaya ketahanan diri agar dapat menegakkan kebenaran dalam perjuangan memperbaiki hidup sendiri dan orang lain.
- 3 Jawapan perlu memberikan motif penulis kemudian membincangkan bagaimana nilai kemanusiaan terjejas akibat mengejar kesempurnaan. Berikut merupakan beberapa fakta:

Motif penulisan ialah menunjukkan bagaimana nilai kemanusiaan terjejas dalam manusia mengejar kesempurnaan. Ia ditunjukkan melalui:

- Keangkuhan manusia kerana menganggap diri serba sempurna - Melalui watak 'urusetia' yang mewakili golongan pekerja dalam bangunan tersebut, jelas terpancar sikap sombong dan memandang rendah terhadap orang lain serta menghakimi orang lain.
- Manusia menjadi lebih eksklusif/elitis - Dalam cerpen ini bangunan 101 tingkat itu merupakan bangunan yang paling tinggi. Dengan warna hitam pekat, tidak ada jendela dan lif yang bercermin sehala. Bangunan itu memberikan gambaran sebuah bangunan yang eksklusif, yang lain daripada yang lain (hal.36).
- Manusia sentiasa tidak berpuas hati dengan pencapaian mereka. Pencapaian teknikal atau kebendaan sahaja tidak bermakna pencapaian sebenar. Dapat dilihat dalam hasrat membina bangunan yang melewati norma seperti 101 tingkat yang melambangkan 101%.
- Manusia meninggi diri menganggap diri mereka paling hebat dan sempurna. Cemin sehala melambangkan manusia yang tidak mahu menerima kritikan dan teguran orang lain dan hanya hidup dalam alamnya sendiri.
- Masyarakat tidak bermuhasabah untuk memperbaiki kelemahan.

- Manusia ingin mencapai kesempurnaan hidup tetapi lupa pada nilai simpati dan nilai-nilai kemanusiaan seperti itu. Watak simpati adalah lambang nilai yang hilang dan perlu dibawa kembali ke dalam bangunan tersebut.
4. Jawapan perlu menunjukkan bagaimana penulis memaparkan unsur visual melalui penggunaan 2 unsur gaya bahasa seperti di bawah ini. Namun demikian, calon juga boleh memberikan lain-lain aspek yang dirasakan sesuai:
- Personifikasi
 - a. Rasa loya melonjak-lonjak di kerongkong (hal. 73).
 - b. Cemasku meregang bukan kepalang (hal. 75).
 - c. Jantungku bertalu liar. Tapi jeritanku hilang dimamah kecurangan, kepalsuan dan penipuan yang menari di tengah ruang. Keserahan pun menyerang dimensi kehidupan (hal. 76).
 - d. Lalu virus zina menyerang terang-terangan di tempat-tempat terbuka; di jalanan umum, dalam MRT, bas, malah dalam rumah sendiri!
 - e. Bumi tempat berpijak mula menunjukkan kebencian. Sekonyong-konyong angin lembut dingin, mendesir halus menyapu ruang. Menyapu sama nyawa setiap yang bernyawa (hal. 77).
 - f. Pandangan mataku pun berlabuh kembali pada kenyataan. Bola mataku
 - g. menyusur sekitar ruang yang lepas luas tak berdinding (hal. 78).
 - Hiperbola
 - a. Fikiranku sedang bersimpang-siur memikirkan tentang darah yang tidak berhenti-henti keluar membasahi tubuh dan pakaianku.
 - b. Tubuhku menggigil melihat darah berbuih terus keluar perlahan-lahan dari setiap liang roma tubuh dan wajahku (hal. 72).
 - c. Dan aku terlunta-lunta sendirian lagi dengan darah yang keluar tak henti-henti
 - d. (hal. 74).
 - e. Cemasku meregang bukan kepalang. Detak jantungku bertingkah rentak apabila melihat mata mereka tertumpu pada alat tersebut dengan wajah terkejut. Lama (hal. 75).
 - f. "Kitalah umat akhir zaman. Ramai umat zaman ini yang telah mencampakkan
 - g. ajaran Rasul S.A.W. lalu mereka terbenam dalam lumpur kehinaan..."
 - h. Jantungku bertalu liar. Gementar.
 - i. Aku meronta-ronta menerjang kepedihan, tapi kabur di mana-mana.
 - j. Peluh mengguyur bercampur darah (hal. 76).

- k. “Apakah yang berlaku ini? Selamatkan diri...!” Suara jeritan ramai, bertingkah
- l. Riu. Semuanya lari bertempiaran. Yang mengandung terus terberanak. Yang berzina mata terbelalak. Laki pun hilang bini. Emak hilang anak. Dan aku pun mencari diriku yang hilang di tengah ruang, tapi tak berjumpa. Aku dan mereka kehilangan (hal. 77)

5 Jawapan perlu mampu menunjukkan bagaimana sajak itu mampu memberikan motivasi kepada pembaca:

- Kegigihan dalam memastikan cita-cita menjadi kenyataan - Dalam menjadikan cita-cita itu kenyataan, kegigihan memainkan peranan yang penting. Penyair menunjukkan contoh yang baik, iaitu menunjukkan sikap kegigihannya dalam mengejar ilmu walaupun menghadapi pelbagai dugaan, cabaran dan kendala yang muncul sepanjang pencariannya itu.
- Sikap positif dan tidak berputus asa amat digalakkan - Penyair seorang yang sentiasa bersikap positif dan tidak berputus asa sepanjang perjuangannya untuk mencapai cita-citanya. Ini dapat dilihat walaupun penyair terpaksa menghadapi pelbagai cubaan dan dugaan, beliau tetap mengejar cita-citanya.
- Mengatasi rintangan atau halangan dengan bijaksana - Dalam usaha mencapai matlamat atau cita-cita, pelbagai rintangan dan cabaran akan muncul, maka itu perlu diatasi dengan bijaksana.
- Terus mengejar kejayaan - Setiap kejayaan merupakan kesan daripada usaha yang dijalankan tanpa mengenal erti menyerah kalah atau mahu mengundur diri walaupun terpaksa melalui pelbagai rintangan atau cubaan yang muncul

6 Pelajar perlu membincangkan mana-mana aspek keindahan bahasa dengan merujuk kepada persoalan yang cuba dikemukakan penulis:

- Asonansi
 - Kealpaan racun penakatan (R4B4)
- Aliterasi
 - Namun malam menghimpit datang (R3B11)
- Anafora
 - Senja ini aku bertemu al Ghazali, Aristotle dan berlaksa pemikir lagi (R1B1) Senja di bilik pustaka penuh dupa nan wangi (R2B1)
- Epifora
 - Walaupun malam mendesak datang (R2B7)

- Namun, malam menghimpit datang (R3B9) Dan malam pasti datang (R4B5)
 - Personifikasi
 - ...kedewasaan yang masih merangkak (R2B3)
 - ...malam menghimpit datang (R3B9)
 - ...malam mengetuk tiba (R5B4)
 - Metafora
 - zamrud pengertian (R2B5)
 - pualam kehidupan (R2B5)
 - fikiran kontang (R2B6)
 - gergasi pena (R3B9)
 - racun penakatan (R4B4)
 - Hiperbola
 - ...mengalahkan sungai madu & susu (R1B5)
 - ...menumpahkan zamrud pengertian dan pualam kehidupan (R2B6)
 - Penuh kewangian gaharu dan cendana ilmu (R4B2)
 - ...kuserap wangianmu dalam cembul tinta (R5B2)
- 7 Jawapan perlu membuktikan perkara yang dilakukan oleh watak-watak yang terlibat dalam mendapatkan apa yang mereka inginkan:
- Pierre Blanc ingin mendapatkan tanah di Malaya dengan mempergunakan Sonya, Tengku, dan Ah Kim.
 - Sonya ingin mendapatkan darjat yang lebih baik dengan mengizinkan dirinya dipergunakan oleh Pierre dan memenuhi kehendak Tengku.
 - Ah Kim sanggup membuat kacau di negaranya demi memenuhi keperluannya untuk berjuang menghapuskan kuasa British.
 - Sally sanggup mengikuti kehendak Pierre demi mendapat kehidupan yang lebih baik.
- 8 Jawapan perlu menunjukkan bagaimana Yusman membuat refleksi terhadap karyanya menerusi perbualan kritikal dengan Adam:
- Yusman sengaja memberikan pandangan bahawa novel tulisannya itu mengundang kontroversi. Dengan cara ini dia akan mendapatkan pandangan jujur daripada Adam.
 - Yusman memeriksa dirinya sendiri dengan mempersoalkan aspek cinta yang terlalu ketara dalam ceritanya sehingga kluatir ia akan memberi kesan negatif kepada pembaca.
 - Yusman mengatakan bahawa novel yang baik tidak seharusnya mengandungi unsur lucu, lebih-lebih lagi jika ia merupakan novel berunsurkan Islam.

- Yusman menerima pandangan dan kritikan Adam secara profesional dan sabar.
- Yusman tidak merendahkan kemampuan seseorang itu berdasarkan usia tetapi berdasarkan ilmunya. Ini merupakan satu faktor penting dalam dia merefleksi karya dan dirinya.



MERIDIAN JUNIOR COLLEGE
JC2 Preliminary Examination
Higher 2

Malay Language and Literature

9565/1
(Part 1)

Paper 1 (Part 1)

15 Sep 2017

2 hours 15 mins

(Total time for Part 1 and Part 2)

Additional Materials: Writing Papers

ARAHAN UNTUK CALON

- 1 Kertas ini tercetak dalam dua bahagian yang berasingan. Bahagian 1 dan Bahagian 2.
- 2 Jawapan kepada Bahagian 1 dan Bahagian 2 hendaklah ditulis di dalam Kertas Jawapan yang sama.
- 3
 - a Bahagian 1 : Kamus yang diluluskan boleh digunakan bagi bahagian ini.
Masa yang diperuntukkan bagi penggunaan kamus : 1 jam 15 minit.
 - b Bahagian 2 : Kamu tidak dibenarkan menggunakan kamus.
- 4 Baca arahan yang diberikan bagi setiap bahagian dengan teliti dan jawab soalan seperti yang diarahkan.

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak.

This document consists of 3 printed pages.

BAHAGIAN A (35 markah)

Arahan : Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 460 patah perkataan mengenai satu daripada tajuk di bawah ini.

(Dalam pemberian markah, gaya bahasa, isi karangan dan susunannya akan dipertimbangkan.)

- 1 Menurut Albert Einstein, imaginasi itu lebih penting daripada pengetahuan. Sejauh manakah kamu setuju dengan pendapat ini?
- 2 Manusia menggadaikan alam sekitar demi kemajuan. Bincangkan.
- 3 Kegagalan bukan bererti terjatuh tetapi menolak kita untuk bangkit. Ceritakan pengalaman kamu berdasarkan pernyataan ini.

- 4 Tulis sebuah karangan berdasarkan rangsangan yang dipaparkan di bawah ini.



Selesai



MERIDIAN JUNIOR COLLEGE
JC2 Preliminary Examination
Higher 2

Malay Language and Literature

9565/1
(Part 2)

Paper 1 (Part 2)

15 Sep 2017

2 hours 15 mins

(Total time for Part 1 and Part 2)

Additional Materials: Writing Papers

ARAHAN UNTUK CALON

Sila lihat arahan yang terdapat dalam Bahagian 1.

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

This document consists of 4 printed pages.

ARAHAN : Jawab SEMUA soalan.

BAHAGIAN A (5 markah)

Arahan : Dalam petikan di bawah ini terdapat 5 tempat kosong. Isi tempat kosong tersebut dengan perkataan yang sesuai mengikut konteks petikan karangan tersebut. Tulis jawapan kamu di dalam Kertas Jawapan yang disediakan.

Sikap tidak menghormati antara satu sama lain menjadikan media sosial sebagai satu medan peperangan bagi sesetengah pihak untuk memporak-perandakan keharmonian sejagat. Seperti memalu ular dalam benih, ular biar mati, benih jangan rosak, perkara ini haruslah ditimbangkan sewajarnya dengan menggunakan kebijaksanaan yang ada dalam _____(1)_____ masalah ini. Apa yang perlu dilakukan adalah menjemput kesedaran dari setiap individu tentang _____(2)_____ pendedahan penulisan negatif di media sosial. Di samping itu, satu rangka undang-undang harus _____(3)_____ demi memudahkan perkara ini dibawa ke muka pengadilan. _____(4)_____ pantas harus dilaksanakan dan setiap lelaman yang disiarkan haruslah ditutup bagi _____(5)_____ isu itu menular dan menjadi perbalahan antara satu sama lain. Selain hukuman penjara, denda dan sebagainya, pihak pesalah haruslah menjalani satu sesi psikologi bagi memberi pendedahan rohani dan mencapai kesedaran sivik.

BAHAGIAN B (30 markah)

Arahan : Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan yang mengikutinya.

Drama Rantaian Asia : Wanita Melayu, Gelagat Menonton, dan Idea Kemodenan

Oleh : Md Azalanshah Md Syed & Mohd Nazri Ibrahim

Perubahan zaman memperlihatkan cara untuk melibatkan diri dengan kemodenan telah melalui pelbagai proses dan terkini menerusi drama rantaian yang membuka ruang peribadi wanita Melayu. Drama rantaian Melayu mula diterbitkan pada era 1980-an dan 1990-an untuk menangkis kebimbangan dan kekhawatiran terhadap kesan daripada program televisyen Barat. Maka itu drama rantaian Melayu bertajuk *PJ* yang meniru format, gaya penceritaan dan kandungan *Dallas*, sebuah drama rantaian Barat yang terkenal suatu ketika dulu, telah diterbitkan. Malangnya, drama rantaian Melayu ini gagal untuk menarik perhatian penonton kerana mempunyai tema yang berulang dan penerbitan yang buruk. Akibatnya, drama rantaian dari negara-negara Asia digalakkan tayangannya kerana dilihat sebagai penyelesaian masalah kepada ketidakupayaan penerbit tempatan bersaing dengan rancangan televisyen Barat, di samping mengurangkan kesan dan pengaruh televisyen Barat.

Seterusnya, lebih banyak rancangan televisyen dari Jepun dan Korea Selatan telah diimport dengan tujuan untuk menyebarkan nilai-nilai dan cara hidup masyarakat Timur seperti menghormati orang tua, semangat kekeluargaan yang tinggi dan sebagainya kepada para penonton, sama ada dalam ruang awam mahupun peribadi. Hal ini disokong oleh persepsi umum terhadap orang Jepun dan Korea Selatan yang disifatkan sebagai rajin bekerja dan mempunyai nilai keusahawanan tinggi, walaupun konservatif dan tradisional dari segi penampilannya. Maka itu, ciri-ciri positif pada bangsa Korea Selatan dan Jepun ini diharap dapat menjadi model ke arah pemodenan negara.

Antara drama rantaian Jepun yang memberi kesan signifikan ialah *Oshin* yang ternyata berbeza dengan gaya hidup konsumerisme golongan kelas pertengahan yang sering dipaparkan dalam drama rantaian barat, kerana menceritakan tentang seorang gadis petani miskin Jepun yang menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan pada sepanjang hidupnya. Menjelang awal tahun 2000, gelombang pengaruh drama rantaian Korea Selatan juga tidak ketinggalan dengan drama *Winter Sonata* yang berjaya menarik lebih sejuta penonton setiap episod. Jalan cerita yang menarik, pemandangan indah, tema sejagat dan barisan pelakon yang kacak dan jelita disifatkan sebagai resipi utama kejayaan drama rantaian Korea Selatan. Drama rantaian dari Indonesia pula berjaya **mengungguli** rating penontonan yang sangat tinggi menerusi drama *Bawang Merah Bawang Putih*. Dikenali sebagai sinetron, popularitinya dikatakan akibat kedekatan budaya dan mutu penerbitan yang terbaik. Jalan cerita yang berasaskan alam mistik dan persamaan versi cerita dongeng yang dikongsi antara rakyat Nusantara merupakan penyebab utama kejayaan drama ini.

Ketekalan dan kesetiaan minat para penonton drama rantaian ini sememangnya menakjubkan. Maka timbul juga kerisauan tentang keupayaan genre televisyen ini menyebabkan penglibatan yang berlebihan hingga mampu meleakakan wanita Melayu. Mereka dikhuatiri tidak dapat menghalang pengaruh trend sosial yang tidak sihat kerana pemaparan konflik keluarga, keganasan, budaya kepenggunaan dan daya hidup urban dalam genre itu. Ternyata, wanita Melayu memiliki kemahiran menonton yang boleh dianggap sebagai suatu bentuk perundingan taktikal terhadap drama rantaian dan membantu mereka mengenal pasti potensi konflik yang mungkin wujud berdasarkan sumber budaya dan ideologi mereka seperti adat Melayu dan Islam.

Dengan menggunakan kemahiran menonton, wanita Melayu mungkin berminat dengan imej-imej antarabangsa dan cara kemodenan pengguna tetapi mentafsirkannya semula bersesuaian dengan sudut pandangan mereka yang memberikan keutamaan pada budaya Melayu, terutama dalam ruang peribadi mereka. Mereka tetap utuh **bernaung** dengan nilai-nilai

Melayu malah melihat konflik yang dipaparkan sebagai perkara yang perlu dielakkan dengan apa cara sekalipun demi keutuhan keluarga. Dengan taktik nilai-nilai kekeluargaan, mereka mengangkat makna keibuan sejati dan mempertahankan komitmen terhadap kepentingan keluarga dalam ruang peribadi mereka. Mereka juga mentakrifkan pemaparan konflik dalam kehidupan keluarga kelas pertengahan dengan cara yang strategik untuk mengukuhkan keutamaan terhadap keutuhan keluarga. Kesimpulannya, wanita Melayu mampu bertolak ansur dalam memenuhi jangkaan terhadap tugas domestik mereka lalu dapat menonton drama rantaian Asia tanpa sebarang kecuaiian, di samping membuat penilaian yang wajar terhadap kemodenan.

Arahan : Berdasarkan petikan karangan di halaman 3, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di dalam Kertas Jawapan yang disediakan.

- 6 Jelaskan langkah mengatasi kekhuatiran dan kebimbangan terhadap kesan rancangan televisyen Barat. (6 markah)

- 7 Mengapakah drama televisyen dari Jepun dan Korea Selatan dipilih sebagai pengganti kepada drama rantaian Melayu? (6 markah)

- 8 Apakah ciri-ciri drama rantaian Asia sehingga mampu menarik jutaan penonton? (6 markah)

- 9 Sejauh manakah kemahiran menonton wanita mampu mengawal pengaruh genre drama rantaian? (6 markah)

- 10 Berikan maksud perkataan berikut menurut penggunaannya dalam teks. (6 markah)
 - (a) mengungguli
 - (b) ketekalan
 - (c) bernaung

SELESAI

SKEMA JAWAPAN

BAHAGIAN A (5 markah)

1. menangani/menyelesaikan/menghuraikan
2. akibat/kesan
3. digubal/dilaksanakan
4. Tindakan
5. mengelakkan/mencegah

BAHAGIAN B (30 markah)

- 6 Jelaskan langkah mengatasi kekhuatiran dan kebimbangan terhadap kesan rancangan Barat. (6 markah)

Untuk menangkis kebimbangan dan kekhuatiran terhadap kesan drama rancangan televisyen Barat, beberapa langkah telah dilaksanakan.

- i) Pertama, drama rantaian Melayu bertajuk *PJ* yang meniru format, gaya penceritaan dan kandungan *Dallas*, sebuah drama rantaian Barat yang terkenal suatu ketika dulu, telah diterbitkan tetapi agak gagal untuk menarik perhatian penonton.
- ii) Kedua, drama rantaian dari negara-negara Asia digalakkan tayangannya kerana dilihat sebagai penyelesaian masalah kepada ketidakupayaan penerbit tempatan bersaing dengan rancangan televisyen Barat. Maka itu, drama rantaian dari Jepun dan Korea Selatan banyak ditayangkan di televisyen.

- 7 Mengapakah drama televisyen dari Jepun dan Korea Selatan dipilih sebagai pengganti kepada drama rantaian Melayu? (6 markah)

Drama televisyen dari Jepun dan Korea Selatan dipilih sebagai pengganti drama rantaian Melayu kerana

- i) drama-drama ini dapat menyebarkan nilai-nilai dan cara hidup masyarakat Timur seperti menghormati orang tua, semangat kekeluargaan yang tinggi dan sebagainya kepada para penonton, sama ada dalam ruang awam mahupun peribadi.
- ii) persepsi umum terhadap orang Jepun dan Korea Selatan yang disifatkan sebagai rajin bekerja dan mempunyai nilai keusahawanan tinggi, walaupun konservatif dan tradisional dari segi penampilannya.
 - ciri-ciri positif yang ada pada bangsa Korea Selatan dan Jepun ini diharap dapat menjadi model ke arah pemodenan negara

8 Apakah ciri-ciri drama rantaian Asia sehingga mampu menarik jutaan penonton? (6 markah)

- i) Jalan cerita yang menarik, pemandangan indah, tema sejagat dan barisan pelakon yang kacak dan jelita merupakan ciri-ciri yang menjadi resipi utama kejayaan drama rantaian Korea Selatan. Contohnya, *Winter Sonata* yang telah berjaya menarik lebih sejuta penonton setiap episod.
- ii) Kedekatan budaya dan mutu penerbitan yang terbaik serta jalan cerita yang berasaskan alam mistik dan persamaan versi cerita dongeng yang dikongsi antara rakyat Nusantara merupakan ciri-ciri utama kejayaan drama rantaian Indonesia. Contohnya, *Bawang Putih Bawang Merah* yang berjaya **mengungguli** rating penontonan yang sangat tinggi.

9 Sejauh manakah kemahiran menonton wanita mampu mengawal pengaruh genre drama rantaian? (6 markah)

Kemahiran menonton yang dimiliki wanita Melayu mampu mengawal pengaruh genre drama rantaian dengan amat bijaksana sekali

Perundingan taktikal

- i) imej-imej antarabangsa dan cara kemodenan pengguna tetapi mentafsirkannya semula bersesuaian dengan sudut pandangan mereka yang memberikan keutamaan pada budaya Melayu, terutama dalam ruang peribadi mereka. Mereka tetap utuh **bernaung** dengan nilai-nilai Melayu malah melihat konflik yang dipaparkan sebagai perkara yang perlu dielakkan dengan apa cara sekalipun demi keutuhan keluarga.
- ii) taktik nilai-nilai kekeluargaan, mereka mengangkat makna keibuan sejati dan mempertahankan komitmen terhadap kepentingan keluarga dalam ruang peribadi mereka. Mereka juga mentakrifkan pemaparan konflik dalam kehidupan keluarga kelas pertengahan dengan cara yang strategik untuk mengukuhkan keutamaan terhadap keutuhan keluarga.

10 Berikan maksud perkataan berikut menurut penggunaannya dalam teks. (6 markah)

- (a) mengungguli mengatasi/melebihi pihak lain
- (b) ketekalan keadaan yang tidak berubah-ubah/tetap/konsisten
- (c) bernaung berlindung



MERIDIAN JUNIOR COLLEGE
JC2 Preliminary Examination
Higher 2

Malay Language and Literature

9565/2

Paper 2

15 Sep 2017

1 hour

(Total time for Part 1 and Part 2)

Additional Materials: Writing Papers

ARAHAN UNTUK CALON

Jawab SEMUA soalan.

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

This document consists of 4 printed pages.

BAHAGIAN C (30 markah)

SUMBER A

Arahan: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

	<h1>Semangat Kejiranan Semakin Luntur</h1>
	<p>Oleh : Nurul Idayu Mohd Noor 18 Ogos 2017</p>
<p>Jiran ialah orang atau keluarga yang tinggal 40 buah rumah berhampiran dengan rumah kita sama ada di tepi, depan atau di belakang rumah kita. Dalam era globalisasi yang semakin canggih, kita dapat melihat hubungan kejiranan dalam kalangan masyarakat semakin kurang dititikberatkan.</p> <p>Perkara ini berlaku disebabkan masyarakat sekarang hanya mengambil kisah hal masing-masing tanpa mengambil berat dan peduli tentang hubungan sesama jiran tetangga sehinggakan tidak mengenali siapa jiran mereka. Pelbagai faktor punca kelunturan semangat kejiranan yang dapat kita lihat dalam masyarakat zaman ini termasuk impak daripada perkembangan teknologi canggih.</p> <p>Penggunaan peralatan elektronik seperti telefon pintar, gajet, televisyen, permainan video dan komputer riba yang memberi kemudahan untuk kita bersembang di alam maya seperti dalam aplikasi Facebook, WhatsApp, Twitter dan sebagainya. Ini menyebabkan kita merasakan tidak perlu keluar dari rumah untuk berjumpa dan bergaul dengan jiran tetangga malah tidak menghiraukan apa yang berlaku di luar pagar rumah masing-masing.</p> <p>Selain itu, budaya kunjung–mengunjungi dan mengenali jiran tetangga khususnya di musim perayaan juga semakin kurang diamalkan oleh masyarakat masa kini. Gaya hidup masyarakat yang terlalu sibuk dengan urusan kerja turut menyumbang kepada perkara ini. Tambahan pula kos sara hidup yang semakin tinggi, lebih banyak masa dihabiskan mencari pendapatan tambahan daripada menghabiskan masa bersama keluarga mahupun merapatkan hubungan jiran tetangga.</p> <p>Pada hujung minggu pula, kebanyakan daripada kita lebih suka berehat di rumah atau keluar beriadah bersama ahli keluarga. Tanpa disedari, tanggungjawab sesama jiran tetangga diabaikan sepenuhnya.</p>	

SUMBER B



Penduduk giat pupuk 'semangat kampung' menerusi kegiatan di estet perumahan

11 Jun 2017

Dalam satu kajian Gerakan Berbudu Singapura (SKM) baru-baru ini, penduduk Singapura didapati semakin jarang bergaul dengan jiran tetangga, dengan lebih ramai berkata mereka mahu menjaga privasi mereka dan tidak begitu menekankan semangat kejiranan. Tinjauan yang melibatkan 3,066 penduduk ini menunjukkan kemerosotan daripada 29 peratus kepada 23 peratus responden yang berkata mereka bertegur sapa dengan jiran lebih tiga kali seminggu.

Sejajar itu, usaha berterusan untuk memupuk kemesraan dalam kalangan penduduk giat dilaksanakan menerusi Program Pembentukan Semula Kejiranan. Salah satu cara untuk menggalak hubungan sosial lebih erat dalam kalangan penduduk adalah dengan mengadakan lebih banyak kegiatan di dalam estet-estet perumahan. Namun, untuk menganjurkan pelbagai kegiatan tidak begitu mudah tanpa infrastruktur yang sesuai.

Antaranya ialah pembinaan taman-taman permainan dan sudut kecergasan baru, plaza kegiatan yang dinaik taraf dan kemudahan-kemudahan lain yang dipertingkatkan di sekitar bandar dan estet perumahan. Sebagai contoh, Woodlands kini berwajah baru selepas selesai menjalani fasa kedua kerja-kerja naik taraf dan beberapa ruang masyarakat yang baru telah siap dibina.

Infrastruktur sebegini diharap dapat mendorong penduduk bergiat aktif dan memupuk 'semangat kampung' kerana mampu memenuhi keperluan mereka yang ingin mengadakan kegiatan-kegiatan seperti zumba dan sebagainya di ruang-ruang yang disediakan. Sekaligus, kepelbagaian kegiatan ini dapat menarik lebih ramai orang untuk saling mengenali dan memupuk kemesraan hidup bermasyarakat. Ruang plaza kegiatan ini dapat dijadikan tempat perhimpunan untuk mengeratkan ikatan sosial menerusi kegiatan-kegiatan yang dianjurkan.

Arahan: Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri

11. Berdasarkan Sumber A, huraikan sebab-sebab semangat kejiwaan semakin berkurangan dalam kalangan masyarakat pada hari ini. (4 markah)

12. Berdasarkan Sumber B, bagaimanakah hubungan sosial antara penduduk dapat dipertingkatkan? (4 markah)

13. Dengan menggunakan Sumber A dan Sumber B, huraikan cabaran yang harus ditangani untuk mewujudkan semangat kejiwaan dalam kehidupan masyarakat moden hari ini. (7 markah)

14. “Ruang plaza kegiatan ini dapat dijadikan tempat perhimpunan untuk mengeratkan ikatan sosial”. Berikan komen kamu. Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan. (15 markah)

Selesai

SKEMA JAWAPAN

11. Berdasarkan Sumber A, huraikan sebab-sebab semangat kejiranan semakin berkurangan dalam kalangan masyarakat pada hari ini.

(4 markah)

Semangat kejiranan semakin berkurangan dalam masyarakat hari ini kerana

- i) sikap masyarakat yang hanya mengambil kisah tentang hal masing-masing tanpa mempedulikan tentang hubungan sesama jiran tetangga sehinggakan tidak mengenali siapa jiran mereka.
 - ii) Impak daripada perkembangan teknologi, khususnya penggunaan applikasi media sosial telah menyebabkan masyarakat merasakan tidak perlu keluar dari rumah untuk berjumpa dan bergaul dengan jiran tetangga malah mereka juga tidak menghiraukan apa yang berlaku di luar pagar rumah masing-masing.
 - iii) gaya hidup yang terlalu sibuk mengurangkan masa untuk keluarga apatah lagi jiran tetangga lalu menyebabkan tanggungjawab sesama jiran diabaikan sepenuhnya.
12. Berdasarkan Sumber B, bagaimanakah hubungan sosial antara penduduk dapat dipertingkatkan? (4 markah)
- i) Mengadakan lebih banyak kegiatan di dalam estet-estet perumahan untuk memenuhi keperluan dan citarasa penduduk seperti kegiatan zumba dan sebagainya.
 - ii) Membina infrastruktur/ruang yang sesuai untuk dijadikan tempat perhimpunan bagi penduduk mengeratkan ikatan sosial antara mereka menerusi kegiatan-kegiatan yang dijalankan.
13. Dengan menggunakan Sumber A dan Sumber B, huraikan cabaran yang harus ditangani untuk mewujudkan semangat kejiranan dalam kehidupan masyarakat moden hari ini. (7 markah)
- i) Sikap masyarakat yang kian lebih mementingkan diri sendiri dan lebih suka menyendiri. Sumber A - hanya mengambil kisah hal masing-masing tanpa mempedulikan hubungan sesama jiran. Sumber B - mahu menjaga privasi mereka dan tak begitu menekankan semangat kejiranan.
 - ii) Perkembangan keadaan sekitaran yang telah menyulitkan lagi pergaulan antara jiran. Sumber A - perkembangan teknologi canggih menyebabkan masyarakat tiada rasa keperluan keluar rumah untuk berjumpa dan bergaul dengan jiran kerana boleh berkomunikasi secara dalam talian. Sumber B – kurangnya ruang terbuka untuk melakukan pelbagai kegiatan di kawasan perumahan.
14. “Ruang plaza kegiatan ini dapat dijadikan tempat perhimpunan untuk mengeratkan ikatan sosial”. Berikan komen kamu. Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan. (15 markah)

- i) Ruang plaza kegiatan memang sangat berguna jika dimanfaatkan oleh penduduk kawasan itu untuk menjalankan kegiatan-kegiatan yang melibatkan seramai mungkin penduduk kawasan itu. Berdasarkan sumber B, kegiatan zumba jika diadakan setiap minggu di ruang plaza sangat baik kerana popular dalam kalangan wanita lantas membuka peluang untuk saling mengenali .
- ii) Plaza kegiatan ini juga sangat berguna untuk mengadakan sambutan ulangtahun, majlis perkahwinan, sambutan perayaan pelbagai kaum dan sebagainya. Kegiatan seperti ini akan menarik perhatian penduduk-penduduk yang ingin mengetahui tentang budaya kaum-kaum lain. Maka itu, perhubungan berbilang kaum dan budaya dapat dieratkan.
- iii) Namun, ruang plaza belum tentu dapat mengeratkan ikatan sosial jika tiada kegiatan lanjutan atau promosi yang dianjurkan oleh pihak berwajib atau ketua dalam kumpulan akar umbi di situ. Walaupun Sumber A mengatakan media sosial punca kurang komunikasi antara jiran, ia sebenarnya boleh dimanfaatkan untuk menganjurkan kegiatan lanjutan. Contohnya, mereka boleh menggunakan facebook, instagram atau whatsapp mengikut kumpulan kegiatan untuk terus berhubung dan mengeratkan silaturrahim.



MERIDIAN JUNIOR COLLEGE
JC2 Preliminary Examination
Higher 2

Malay Language and Literature

9565/3

Paper 3

19 Sep 2017

3 Hours

Additional Materials: Writing Papers

ARAHAN UNTUK CALON

- 1 Baca arahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan seperti yang diarahkan.
- 2 Tulis jawapan kamu pada Kertas Jawapan yang disediakan.
- 3 Kamu dibenarkan merujuk teks yang ditetapkan sahaja.

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak.

This document consists of 3 printed pages.

Jawab **EMPAT** soalan kesemuanya. Calon hendaklah menjawab SATU soalan daripada setiap Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.

**BAHAGIAN A
NOVEL - RESTU**

- 1 Kepimpinan sebenar dilaksanakan lebih sebagai sikap dan tindakan nyata, bukan sekadar kata-kata. Huraikan pernyataan ini dengan merujuk kepada watak-watak tertentu dalam novel *Restu* karya Ismail Kassan.

(25 markah)

- 2 “Dia kalah. Ibarat soldadu yang kalah dalam pertempuran. Ikram terpaksa berhijrah ke medan peperangan yang lain. Medan peperangan yang lebih besar lagi.”

(Restu, halaman 176)

Sejauh manakah kamu bersetuju dengan keputusan Ikram untuk berhijrah? Jelaskan sebab-sebabnya.

(25 markah)

**BAHAGIAN B
CERPEN – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA**

- 3 Tanpa ‘Simpati’, manusia tidak akan mampu mencapai kesempurnaan yang diinginkan. Huraikan pernyataan ini dengan merujuk kepada cerpen *Yang* oleh Jamal Ismail.

(25 markah)

- 4 Ismail Wardi menerusi cerpennya *Ruang* bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan keinsafan pembaca. Jelaskan.

(25 markah)

BAHAGIAN C
SAJAK - ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

- 5 Keindahan bahasa dalam sajak *Pustakaku Dalam Remang Senja* karya Sa'eda Buang telah dapat mendukung tema kepentingan ilmu dengan berkesan. Huraikan.
(25 markah)
- 6 Kamaria Buang berusaha untuk memperbetulkan tanggapan masyarakat mengenai amalan hidup masyarakat Bawean dalam sajaknya *Anak Tetangga Kelantan Lane*. Jelaskan.
(25 markah)

BAHAGIAN D
DRAMA - ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

- 7 Pertemuan antara watak Yusman Anwar dan Adam dalam drama *Titik Pertemuan* tulisan Rohman Munasip merupakan detik yang kaya dengan pengajaran. Huraikan.
(25 markah)
- 8 Drama *Anjing Untuk Diplomat* karya Hamed Ismail ialah naskhah yang tajam kritikan sosialnya. Berikan pandangan kamu.
(25 markah)

Selesai

ANSWER SCHEME – MJC MYE 2017, H2MLL P3

1



NATIONAL
Junior College

PRELIMINARY EXAM
SH2 H2MLL

29 AUGUST 2017

BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU
MALAY LANGUAGE AND MALAY LITERATURE

H2 9565/1
KERTAS 1 (BAHAGIAN 1)
PAPER 1 (PART 1)

Duration: 1hr 15min

ARAHAN

- 1 Kertas ini tercetak dalam dua bahagian yang berasingan: Bahagian 1 dan Bahagian 2.
- 2 Jawapan kepada Bahagian 1 dan Bahagian 2 hendaklah ditulis di dalam Buku Jawapan yang sama.
- 3
 - a Bahagian 1: Kamus yang diluluskan boleh digunakan bagi bahagian ini.
Masa yang diperuntukkan bagi penggunaan kamus: 1 jam 15 minit
 - b Bahagian 2: Kamu tidak dibenarkan menggunakan kamus.
- 4 Baca arahan yang diberikan bagi setiap bahagian dengan teliti dan jawab soalan seperti yang diarahkan.

This question paper consist of 4 questions printed on 2 pages. (Including this cover sheet)

Arahan Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 460 patah perkataan mengenai satu daripada tajuk di bawah ini. (35 markah)

(Dalam pemberian markah, gaya bahasa, isi karangan dan susunan akan dipertimbangkan.)

1. Kamu terlibat dalam menganjurkan sebuah acara untuk membanteras keganasan dalam kalangan masyarakat. Ceritakan pengalaman kamu sebagai seorang wakil pelajar dan terangkan bagaimana acara itu telah menjadikan kamu lebih proaktif dalam menghulurkan bantuan.
2. Manusia semakin lupa untuk menghargai dan berbakti setelah mencapai kejayaan. Bincangkan.
3. Nilai kepimpinan berjaya disemai sepanjang zaman persekolahan. Sejauh manakah kamu bersetuju dengan pendapat ini?
4. Tulis sebuah karangan berdasarkan ransangan yang dipaparkan di bawah ini.



- SELESAI -



NATIONAL
Junior College

PRELIMINARY EXAM
SH2 H2MLL

BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU
MALAY LANGUAGE AND MALAY LITERATURE

H2 9565/1
KERTAS 1 (BAHAGIAN 2)
PAPER 1 (PART 2)

Duration: 1hr

ARAHAN

- 1 Baca arahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan seperti yang diarahkan.
- 2 Tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

BAHAGIAN A (5 markah)

Dalam petikan karangan ini terdapat 5 tempat kosong. Isi setiap tempat kosong ini dengan perkataan yang sesuai mengikut konteks petikan karangan. Tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

Lembaga Tabung Simpanan Pekerja (CPF) akan mendekati warga Singapura dalam satu siri pameran untuk menggalakkan mereka membuat persiapan bagi persaraan. Kempen 'Big 'R' Chat' itu ialah sebahagian daripada usaha ___(1)___ mereka untuk memupuk kesedaran orang ramai tentang peranan CPF dalam persiapan persaraan. Siri pameran bergerak itu akan diadakan ___(2)___ lima hujung minggu dari Ogos hingga November tahun ini di lokasi serata Singapura, dan menyasarkan mahu mendekati lebih 80,000 pencarum. Kakitangan lembaga CPF juga akan turun ___(3)___ sebagai sukarelawan untuk menggalak pencarum CPF bertindak sekarang bagi membuat persiapan persaraan dengan lebih baik menerusi CPF. Sukarelawan yang antaranya merangkumi eksekutif kanan dan kakitangan jabatan teknologi maklumat dan sumber manusia akan membantu pencarum untuk memahami cara CPF ___(4)___ persaraan mereka, dan memberi inspirasi kepada pencarum supaya mengambil tindakan bagi memanfaatkan simpanan CPF mereka. Pencarum CPF juga boleh menggunakan sebuah wadah digital yang disediakan untuk ___(5)___ berapa banyak simpanan yang boleh dikembangkan jika mereka membuat tokokan tahunan atau bulanan kepada akaun CPF mereka, atau jika memilih mahu membayar hutang perumahan dengan gabungan wang tunai dan CPF. Orang ramai yang berminat mendapatkan maklumat lanjut tentang kempen 'Big 'R' Chat' itu boleh mengunjungi laman cpf.gov.sg/bigRchat.

BAHAGIAN B (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Pembedahan Plastik masyhur dalam kalangan wanita Saudi



Populariti pembedahan kosmetik untuk wanita kini meningkat dengan lebih ramai wanita Arab Saudi melakukannya sejak beberapa tahun lalu. Tindakan melakukan pembedahan kosmetik membuat wanita "berasa lebih berkuasa kerana dilihat sebagai sesuatu yang berada di luar norma kecantikan".

Mengakui melakukan pembedahan tersebut, seorang wanita Saudi yang hanya dikenali sebagai Sadia menyatakan bahawa pembedahan kosmetik telah mengembalikan bentuk badan yang dia usahakan menerusi senaman selain meningkatkan keyakinannya terhadap bentuk badan yang ingin dia miliki. Namun, faktor yang mendorong kebanyakan wanita di Arab Saudi melakukan pembedahan kosmetik adalah berkaitan isu perkahwinan. Hakikatnya, ada rumahtangga yang masih **berantakan** walaupun setelah ada percubaan seperti ini.

Pakar bedah kosmetik Dr Sarah H mengesahkan yang kebanyakan wanita berusia 30 hingga 65 tahun tertarik dengan pembedahan kosmetik kerana mereka ingin kelihatan muda dan berwajah baru. "Orang-orang di sini berpengetahuan tentang pembedahan plastik. Mereka datang dalam keadaan mengetahui dengan begitu mendalam tentang pembedahan plastik. Amat **menakjubkan** apabila mereka mengetahui pelbagai jenis pembedahan dan

Seorang wanita Saudi yang enggan identitinya diketahui, melakukan pembedahan kosmetik demi mengekalkan minat suami terhadapnya. "Selepas mempunyai anak dan sibuk dengan kerja rumah, seorang wanita secara automatik akan berhenti menjaga dirinya. Saya sangat sibuk dengan segalanya dan apabila suami saya mula mendapati saya tidak lagi kelihatan menarik, saya berasa **murung**. Justeru, pembedahan kosmetiklah jawapannya," ujar beliau.

"Mereka datang dengan tekanan emosi dan fizikal. Kadangkala kami berperanan sebagai ahli psikologi untuk pesakit yang murung yang datang untuk melakukan pembedahan untuk menggembirakan suami mereka sendiri," kata Dr Diana, seorang konsultan pembedahan plastik. Menurutnya lagi, pesakit tidak harus terburu-buru kerana ada pembedahan yang boleh mengecewakan juga terutamanya bagi yang ingin menikmati perubahan yang lebih ketara. Pembedahan tidak menjamin kebahagiaan dan perubahan yang diinginkan.

Menurut sebuah akhbar harian Saudi, warga Saudi membelanjakan kira-kira SR826 juta (\$310 juta) terhadap pembedahan plastik dan peratusan mereka yang melakukan pembedahan kosmetik meningkat 7 peratus pada 2014 berbanding 2012. Ada yang sanggup menjalani lima hingga enam pembedahan, termasuk peningkatan wajah, Botox dan pembedahan membetulkan hidung.

Semakin ramai yang mengambil jalan mudah untuk kelihatan cantik sehingga membiarkan diri mereka terdedah kepada risiko tertentu. Sewajarnya, mereka melihat alternatif lain yang lebih sihat seperti bersenam dan menerima diri mereka seadanya. Ini sekaligus menggerakkan kita untuk memikirkan idea-idea untuk membantu

teknik terbaru dari Internet," ujarnya.

golongan seperti ini.

Arahan : Berdasarkan petikan karangan, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

- 6 Apakah faktor-faktor yang menyebabkan golongan wanita melakukan pembedahan kosmetik? (6 markah)
- 7 '*...berasa lebih berkuasa kerana dilihat sebagai sesuatu yang berada di luar norma kecantikan.*' Terangkan. (6 markah)
- 8 Bagaimanakah pembedahan kosmetik boleh mendatangkan kekecewaan seperti yang dikatakan oleh Dr Diana? (6 markah)
- 9 Apakah yang boleh dilakukan untuk mengelakkan pembedahan kosmetik bagi golongan wanita yang diketengahkan? (6 markah)
- 10 Terangkan maksud perkataan-perkataan berikut mengikut konteks petikan yang diberikan. (6 markah)
- (a) berantakan
 - (b) menakjubkan
 - (c) murung

SELESAI



NATIONAL
Junior College

PRELIMINARY EXAM
SH2 H2MLL

BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU
MALAY LANGUAGE AND MALAY LITERATURE

H2 9565/2
KERTAS 2
PAPER 2

29th August 2017

Duration: 1 hr

ARAHAN

- 1 Kertas peperiksaan ini mengandungi dua sumber dan empat soalan.
- 2 Baca setiap sumber dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan dengan menggunakan ayat kamu sendiri.
- 3 Hanya mulakan apabila pengawas peperiksaan memberikan isyarat.

SUMBER A

Gigih kurangi kesan buruk amalan guna barang 'pakai buang'



Semasa kecil, setiap kali Dr Siti Nurhanna Riduan dan abangnya bosan, mereka akan mencuba pelbagai eksperimen sains di 'makmal', iaitu dapur ibu mereka. Sikap ingin tahu dan suka menjalankan eksperimen memupuk minat beliau dalam ilmu kimia sehingga kini sebagai seorang saintis kimia.

Sebagai saintis penyelidikan di Institut Biokejuruteraan dan Nanoteknologi (IBN) Singapura di bawah Agensi bagi Sains, Teknologi dan Penyelidikan (A*Star), Dr Siti Nurhanna banyak melakukan penyelidikan tentang ilmu kimia dan teknologi hijau. Beliau melakukan penyelidikan tentang bateri mesra alam sekitar yang dapat bertahan lebih lama dan diperbuat daripada gabungan bahan organik dan besi bagi mengurangkan kesan negatif barang 'pakai buang'.

Dr Siti Nurhanna juga sebahagian daripada pasukan di IBN yang pertama di dunia yang telah berjaya mengubah gas karbon dioksida kepada metanol menerusi proses hijau. Mengenai sebab beliau memilih memberi tumpuan pada teknologi hijau dan kemampanan, beliau berkata: "Isu mesra alam sekitar dan kimia mempunyai kaitan yang rapat. Hakikatnya, kita menggunakan lebih banyak bahan daripada apa yang kita boleh jana atau yang dihasilkan oleh Bumi. Hari ini, semua barangan merupakan jenis pakai buang. Jadi, kita mempunyai tanggungjawab mengurangkan kesan daripada amalan kita itu, dan penyelidikan dalam ilmu kimia amat diperlukan.

"Saya pilih projek bateri kerana sebagai pengguna, kita sentiasa mahu peralatan seperti telefon bimbit dan kenderaan yang boleh tahan lebih lama. Saya melihat ada peluang hasilkan bateri lebih berdaya tahan," ujarnya, juga menjadi mentor 20 pelajar di bawah Program Penyelidikan Belia IBN. Di samping itu, ada permintaan tinggi bagi teknologi mampan yakni penghasilan sesuatu yang mampu mengekalkan pencapaian atau prestasi yang baik. Oleh itu, dalam projek penyelidikan terkini, beliau memilih menghasilkan bateri mesra alam dan mampan.

(dipetik dan diubah suai daripada <http://www.beritaharian.sg/setempat/gigih-kurangi-kesan-buruk-amalan-guna-barang-pakai-buang>)

SUMBER B

Sedikit demi sedikit

Sebuah syarikat kontraktor yang membina laluan bawah tanah bagi stesen MRT Bukit Panjang telah diarahkan membayar \$7,000 kerana membuang cecair dari bahagian bawah tanah yang digali ke dalam terusan air secara terlarang, serta memiliki tangki penyimpanan yang terlalu kecil. "Dengan dua pertiga tanah Singapura menjadi kawasan tadahan air, adalah penting semua pihak tidak alpa akan isu pencemaran dan dalam memastikan semua tapak binaan mematuhi keperluan Langkah Kawalan Bumi atau *Earth Control Measures* (ECM) demi mengelak bahan buangan mengalir ke saluran air kami," kata PUB dan NEA.

"Alam sekitar telah memberikan sumber semula jadi kepada kita selama ini dan kalau kita dapat menunjukkan penghargaan kepadanya, ia dapat terus memberi sumber itu kepada kita," kata Cik Nor Lastrina, 28 tahun. Beliau turut menambah perubahan iklim ialah satu masalah lain dan jika langkah tidak segera diambil, penduduk dunia akan merasakan kesannya lebih awal. Menjadi tanggungjawab kita untuk melakukan apa yang boleh untuk melindungi alam sekitar di negara kita.

Pada hujung 2015, beliau dan beberapa temannya menubuhkan kumpulan Belia Singapura bagi Menangani Kesan dan Keragaman Iklim (*Singapore Youth for Climate Action*) yang antara lain menawarkan program pembelajaran dan kepimpinan bagi mendedahkan peserta kepada pengetahuan alam sekitar, isu iklim tertentu selain melengkapi mereka dengan kemahiran menangani kesan serta perubahan iklim. "Kadangkala semasa saya bercakap di sekolah-sekolah, para pelajar khususnya pelajar sekolah menengah berkata yang mereka sedar bahawa dunia sedang melalui perubahan iklim tetapi mengatakan bahawa mereka harus menumpukan perhatian kepada perkara lain seperti peperiksaan," katanya. Namun, beliau berpendapat walau sekecil mana pun usaha itu, setiap yang dilakukan tetap dapat menyumbang kepada usaha yang lebih besar iaitu menyelamatkan bumi. Isu ini tetap harus diutamakan.

(dipetik dan diubah suai daripada <http://www.beritaharian.sg/setempat/firma-didenda-kerana-buang-cecair->

Nama:
Kelas:

Arahan: Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di dalam kertas jawapan yang disediakan.

1. Berdasarkan Sumber A, apakah perkara-perkara yang mendorong Dr Siti Nurhanna Riduan untuk meneruskan usaha murninya? (4 markah)

Jawapan:

2. Berdasarkan Sumber B, mengapakah usaha untuk menyelamatkan bumi tercetus? (4 markah)

Jawapan:

3. Bagaimanakah kandungan petikan Sumber A dan Sumber B saling berkaitan? (7 markah)

Jawapan:

4. "Alam sekitar telah memberikan sumber semula jadi kepada kita selama ini dan kalau kita dapat menunjukkan penghargaan kepadanya, ia dapat terus memberi sumber itu kepada kita," Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, berikan komen kamu terhadap perkara ini. Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan. (15 markah)

Jawapan:

Selesai



NATIONAL
Junior College

PRELIMINARY EXAM

SH2 H2MLL

11 SEPTEMBER 2017

**BAHASA DAN KESUSASTERAAAN MELAYU
MALAY LANGUAGE AND MALAY LITERATURE**

**H2 9565/3
KERTAS 3
PAPER 3**

Duration: 3hr

ARAHAN

- 1 Baca arahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan seperti yang diarahkan.
- 2 Tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

This question paper consist of 8 questions printed on 3 pages. (Including this cover sheet)

Arahan: Jawab EMPAT soalan kesemuanya. Calon hendaklah menjawab SATU soalan daripada setiap Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.

BAHAGIAN A
NOVEL – RESTU

1. Sebuah karya yang mantap mampu membangkitkan semangat tertentu dan meneliti perspektif yang pelbagai dalam isu-isu yang diketengahkan. Huraikan pernyataan ini berdasarkan novel *Restu* karya Ismail Kassan. (25 markah)

2. Sekiranya beberapa konflik dan watak tertentu ditiadakan, jalan cerita pastinya akan menjadi agak mendatar dan kurang meninggalkan kesan. Berdasarkan novel *Restu*, sejauh manakah kamu bersetuju dengan pernyataan ini? (25 markah)

BAHAGIAN B

CERPEN – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

3. Teknik kepengarangan yang kreatif bukan sahaja mampu menggerakkan jalan cerita tetapi juga mencelikkan mata kita terhadap perkara-perkara yang tidak pernah kita fikirkan. Buktikan pernyataan ini berdasarkan cerpen *Pertemuan* dan *Ruang*. (25 markah)

4. Sejauh manakah pengarang telah berjaya menggarap aspek gaya bahasa dalam mencerminkan latar dan watak-watak dalam cerpen *Jago* dan *Si Malang Jalang?* (25 markah)

BAHAGIAN C
SAJAK – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

5. Segala tindakan yang diambil berbalik kepada diri dan tanpa pegangan tertentu, kita mungkin akan terperangkap atau terjebak dalam kemudaratan. Huraikan pernyataan ini berdasarkan sajak *Balada Merdeka* dan *Menjaring Mentari Hidupku*.
(25 markah)

6. Penggunaan gaya bahasa yang tepat bukan sahaja dapat menyokong persoalan-persoalan tertentu tetapi unsur lain seperti suspens atau kejutan juga. Bincangkan pernyataan ini berdasarkan dua sajak yang telah kamu teliti.
(25 markah)

BAHAGIAN D
DRAMA – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

7. Terdapat beberapa isu keperibadian dan kemasyarakatan yang diketengahkan dalam drama *Cahaya di Hujung Senja*. Huraikan bagaimana setiap isu itu akhirnya bertemu jalan penyelesaian melalui peranan watak-watak tertentu yang boleh kita jadikan ikhtibar.
(25 markah)

8. Apakah yang menjadi daya kekuatan drama *Titik Pertemuan* sehingga watak-waktunya menjadi begitu dihormati? Huraikan pernyataan ini dengan memberikan bukti-bukti yang relevan.
(25 markah)

Selesai

SKEMA JAWAPAN KERTAS 1

MELENGKAPKAN TEKS (5 MARKAH)

1. berterusan
2. sepanjang
3. padang
4. menyokong
5. menganggarkan

KEFAHAMAN (30 MARKAH)

- 6 Apakah faktor-faktor yang menyebabkan golongan wanita melakukan pembedahan kosmetik? (6 markah)
- Demi perkahwinan; mengekalkan minat suami terhadapnya. Sebagai terapi untuk menghindari kemurungan.
 - Meningkatkan keyakinan diri. Kebanyakan wanita berusia 30 hingga 65 tahun tertarik dengan pembedahan kosmetik kerana mereka ingin kelihatan muda dan berwajah baru.
- 7 '*...berasa lebih berkuasa kerana dilihat sebagai sesuatu yang berada di luar norma kecantikan.*' Terangkan. (6 markah)
- Dapat mengembalikan bentuk badan yang diusahakan menerusi senaman selain meningkatkan keyakinannya terhadap bentuk badan yang ingin dia miliki.
 - Boleh menikmati perubahan yang ketara tanpa batas usia.
 - Jawapan-jawapan munasabah lain akan diterima.
- 8 Bagaimanakah pembedahan kosmetik boleh mendatangkan kekecewaan seperti yang dikatakan oleh Dr Diana? (6 markah)
- Pembedahan tidak menjamin perubahan yang diinginkan. Walaupun setelah menghabiskan wang untuk pembedahan / menjalani lima hingga enam pembedahan, termasuk peningkatan wajah, Botox dan pembedahan membetulkan hidung sebagai contoh.
 - Pembedahan tidak menjamin kebahagiaan. Ada perkahwinan yang masih berantakan walaupun setelah wanita itu melalui pembedahan kosmetik.
- 9 Apakah yang boleh dilakukan untuk mengelakkan pembedahan kosmetik bagi golongan wanita yang diketengahkan? (6 markah)
- Terlibat dalam alternatif lain yang lebih sihat seperti bersenam, mengamalkan pemakanan seimbang dan lain-lain.
 - Mendidik golongan seperti ini untuk mempertingkatkan keyakinan diri atau belajar menghargai diri terlebih dahulu sebelum orang lain atau risiko berkaitan dengan pembedahan.
 - Jawapan munasabah lain boleh diterima.
- 10 Terangkan maksud perkataan-perkataan berikut mengikut konteks petikan yang diberikan. (6 markah)
- (d) Berantakan – tidak aman/ bercerai-berai

- (e) Menakjubkan - mengagumkan
- (f) Murung – rasa sedih/ kecewa/ pilu/ dukacita/ putus asa yang keterlaluan diiringi dengan gejala tertentu.

SKEMA JAWAPAN KERTAS 2

1. Berdasarkan Sumber A, apakah perkara-perkara yang mendorong Dr Siti Nurhanna Riduan untuk meneruskan usaha murninya? (4 markah)

- (a) Beliau melakukan penyelidikan tentang bateri mesra alam sekitar yang dapat bertahan lebih lama dan diperbuat daripada gabungan bahan organik dan besi *bagi mengurangkan kesan negatif barang 'pakai buang'*. --- Hakikatnya, kita menggunakan lebih banyak bahan daripada apa yang kita boleh jana atau yang dihasilkan oleh Bumi. Hari ini, semua barangan merupakan jenis pakai buang. Jadi, kita mempunyai tanggungjawab mengurangkan kesan daripada amalan kita itu, dan penyelidikan dalam ilmu kimia amat diperlukan. (2m)
- (b) Saya pilih projek bateri kerana sebagai pengguna, kita sentiasa mahu peralatan seperti telefon bimbit dan kenderaan yang boleh tahan lebih lama. Saya melihat ada peluang hasilkan bateri *lebih berdaya tahan*. --- Di samping itu, ada permintaan tinggi bagi teknologi mampan yakni penghasilan sesuatu yang mampu mengekalkan pencapaian atau prestasi yang baik. (2m)

2. Berdasarkan Sumber B, mengapakah usaha untuk menyelamatkan bumi tercetus? (4 markah)

- (a) Terdapat pihak yang alpa akan isu pencemaran dan dalam memastikan semua tapak binaan mematuhi keperluan Langkah Kawalan Bumi atau *Earth Control Measures* (ECM) demi mengelak bahan buangan mengalir ke saluran air. --- Misalnya, sebuah syarikat kontraktor yang membina laluan bawah tanah bagi stesen MRT Bukit Panjang telah diarahkan membayar \$7,000 kerana membuang cecair dari bahagian bawah tanah yang digali ke dalam terusan air secara terlarang, serta memiliki tangki penyimpanan yang terlalu kecil. (2m)
- (b) Perubahan iklim ialah satu masalah lain dan jika langkah tidak segera diambil, penduduk dunia akan merasakan kesannya lebih awal. --- Menjadi tanggungjawab kita untuk melakukan apa yang boleh untuk melindungi alam sekitar di negara kita. (2m)

ATAU

- (c) Masyarakat kurang mengutamakan isu alam sekitar. --- Dalam program pembelajaran dan kepimpinan, para pelajar khususnya pelajar sekolah menengah kurang berkata yang mereka sedar bahawa dunia sedang melalui perubahan iklim tetapi mengatakan bahawa mereka harus menumpukan perhatian kepada perkara lain seperti peperiksaan. / Mereka gagal untuk melihat walau sekecil mana pun usaha itu, setiap yang dilakukan tetap dapat menyumbang kepada usaha yang lebih besar iaitu menyelamatkan bumi. (2m)

3. **Bagaimanakah kandungan petikan Sumber A dan Sumber B saling berkaitan?**
(7 markah)

Kedua sumber saling berkaitan dari segi usaha untuk memelihara alam sekitar (1m)

- Sumber A meneliti sumbangan yang dapat diberikan dari sudut ilmu Kimia serta teknologi hijau dengan menyelidik bagaimana sesuatu bahan itu boleh dimanfaatkan untuk mengurangi kesan negatif tertentu terhadap alam sekitar khususnya amalan 'pakai buang'. (3m)
- Sumber B pula meneliti bagaimana golongan masyarakat boleh mematuhi atau lebih proaktif/ mengambil berat/ bertanggungjawab terhadap isu alam sekitar. Justeru, apabila setiap individu memainkan peranan masing-masing walau sekecil manapun usaha tersebut, mereka dapat sekurang-kurangnya mengelakkan pencemaran daripada berlaku dan memastikan perubahan iklim tidak bertambah buruk. (3m)
- Jawapan munasabah lain boleh diterima

4. "Alam sekitar telah memberikan sumber semula jadi kepada kita selama ini dan kalau kita dapat menunjukkan penghargaan kepadanya, ia dapat terus memberi sumber itu kepada kita," Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, berikan komen kamu terhadap perkara ini. Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan.
(15 markah)

- Definisi alam sekitar/ sumber semula jadi/ penghargaan (1m)
- Menghargai alam sekitar dengan menyelamatkan bumi ialah **tanggungjawab** kita. Justeru, kita harus sekurang-kurangnya cuba untuk mematuhi peraturan berkaitan alam sekitar yang sedia ada.(2m)
- Kita boleh **memainkan peranan masing-masing dengan sebaik-baiknya**. Sebagai seorang penyelidik, kita boleh cuba memanfaatkan objek sekeliling ataupun mencipta sesuatu yang baru yang dapat mengurangi kesan negatif tertentu serta pencemaran.(2m)
- **Alam sekitar harus diutamakan** agar kita masih boleh meraih sumber semulajadi. Walaupun kita sibuk, kita harus prihatin bahawa setiap langkah yang kita ambil untuk memelihara alam sekitar akan menyumbang kepada sesuatu yang lebih besar.(2m)
- **Usaha dari pelbagai pihak** perlu dalam mendidik masyarakat terutamanya kesan dan langkah-langkah tertentu yang boleh diambil melalui program, ceramah/ perkhemahan dll yang melibatkan setiap lapisan masyarakat agar mereka dapat saling mengingatkan satu sama lain.(2m)
- **Kesan yang lebih awal** sekiranya kita tidak berkegas dalam melaksanakan usaha untuk memelihara bumi. Dengan pencemaran yang ketara, pastinya boleh berlaku fenomena seperti bencana alam yang tidak diingini.(2m)



PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE
PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE
PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE
PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE
PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE

JC2

**PRELIM EXAMINATION
2017**

MALAY LANGUAGE & LITERATURE (H2)

Paper 1 (Part I)

9565/1

SECTION A

18 Sept 2017

Duration: 2 hr 30 mins

1400 –1630hr

(Includes 15 min administration break)

ARAHAN

- 1 Kertas ini tercetak dalam dua bahagian yang berasingan: Bahagian A dan Bahagian B.
- 2 Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Kertas Jawapan yang sama.
- 3 **PENGGUNAAN KAMUS**
 - a) Bahagian I: (Karangan: Soalan 1-4): Kamu dibenarkan menggunakan kamus bagi bahagian ini.
Masa yang dibenarkan penggunaan kamus: 1 jam 15 minit.
 - b) Tulis nama kamus yang kamu gunakan di sudut atas sebelah kanan kulit Kertas Jawapan.
 - c) Bahagian II: Kamu tidak dibenarkan menggunakan kamus.
- 4 Baca arahan yang diberikan bagi setiap bahagian dengan teliti dan jawab seperti yang diarahkan.


Bahagian A mengandungi 4 soalan yang tercetak pada halaman 2

BAHAGIAN A (35 markah)

Arahan: Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 460 patah perkataan mengenai satu tajuk di bawah ini.

(Dalam pemberian markah, gaya bahasa, isi karangan dan susunannya akan dipertimbangkan)

1. “Kecantikan yang abadi terletak pada keelokan adab dan ketinggian ilmu seseorang. Bukan terletak pada wajah dan pakaiannya.” ~**Dr Hamka**~
Berikan pendapat kamu terhadap pandangan ini.
2. Pendedahan generasi muda terhadap perkembangan teknologi informasi dan komunikasi yang sukar dikawal masa kini, berada di tahap yang membimbangkan. Sejauh manakah kamu bersetuju dengan pernyataan tersebut.
3. Masyarakat Singapura yang terdiri daripada multi-agama, bangsa, bahasa dan budaya tidak lepas daripada menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha mencapai perpaduan dan keharmonian kaum. Huraikan.
4. Tulis sebuah karangan berdasarkan rangsangan yang dipaparkan di bawah ini.



SELESAI



PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE
PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE
PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE
PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE
PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE

JC2

**PRELIM EXAMINATION
2017**

MALAY LANGUAGE & LITERATURE (H2)

Paper 1 (Part II)

9565/1

SECTION A & B

18 Sept 2017

Duration: 2 hr 30 mins

1400 - 1630 hr

(Includes 15 min administration break)

ARAHAN

1. Jawab SEMUA soalan
2. Baca arahan yang diberikan bagi setiap bahagian dengan teliti dan jawab seperti yang diarahkan.

ARAHAN : Jawab SEMUA soalan

BAHAGIAN A (5 markah)

Arahan : Dalam petikan karangan di bawah ini, terdapat 5 tempat kosong. Isi setiap tempat kosong ini dengan perkataan yang sesuai, mengikut konteks petikan karangan tersebut. Kemudian, tulis jawapan kamu mengikut susunan perkataan dalam petikan karangan.

Syarikat minuman yang memberikan komitmen untuk mengurangkan kandungan gula dalam produk mereka bersiap sedia untuk memenuhi sasaran menghehaskan tahap kandungan gula kepada sebanyak 12 peratus. Tujuh syarikat minuman tersebut menunjukkan kebanyakan produk mereka sudah pun berada di bawah (1) _____ itu. Kementerian Kesihatan (MOH) telah mengumumkan bahawa tujuh syarikat seperti Coca-Cola, F & N Foods, Malaysia Dairy Industries, Nestle, PepsiCo, Pokka dan Yeo Hiap Seng, telah memberi komitmen (2) _____ kandungan gula sebanyak 12 peratus bagi minuman yang dijual di Singapura menjelang 2020. Meskipun (3) _____ paras gula dalam minuman ini dialu-alukan, individu juga perlu (4) _____ makanan dan minuman lain yang bergula seperti air perahan buah-buahan, kata Dr Zuraimi Mohamed Dahlan. Makanan yang mengandungi *simple sugars* seperti kek, kuih-muih, mi kuning, nasi putih, roti perata dan roti putih haruslah (5) _____; tetapi hendaklah dilebihkan makanan berserat yang berasal daripada nasi perang atau tepung bijirin penuh.

(Sumber daripada *Berita Harian, Khamis, 24 Ogos 2017*)

(lihat halaman sebelah)

BAHAGIAN B (30 markah)

Arahan : Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

GLOBALISASI merupakan sebuah era yang membuat umat manusia tidak lagi tersekat dengan batasan nilai-nilai, geografi ataupun wilayah pentadbiran negara. Globalisasi itu diiringi dengan era digital, sebuah era terjadinya revolusi telekomunikasi, informasi yang luar biasa. Ia menyebabkan hubungan antara umat manusia di dunia ini semakin utuh, semakin cepat, mudah dan murah berkomunikasi. Tentu banyak perkara positif yang mampu kita dapatkan daripada globalisasi dan era digitalisasi.

Tidak kurang pentingnya, kita perlu **berwaspada** terhadap banyak nilai yang saling tidak sejajar dengan nilai yang selama ini kita anuti. Tidak kurang pentingnya ialah persaingan hidup. Hakikat kehidupan semakin sukar kerana Tuhan tidak lagi mencipta tanah, hutan dan lautan, tempat di mana manusia tinggal. Jumlah manusia dari semasa ke semasa terus bertambah. Ini mempunyai implikasi terhadap ekonomi, undang-undang, politik dan sosial.

Sesebuah agama itu hakikatnya diturunkan oleh Tuhan dalam rangka agar kehidupan antara manusia sejagat semakin lebih baik antara satu sama lain dan saling melindungi, memelihara darjat martabat kemanusiaan. Dalam menjalani kehidupan yang penuh persaingan, pergeseran makna boleh berlaku kerana manusia menggunakan agama buat kepentingan mereka.

Agama yang hakikatnya begitu mulia lalu kemudian disalahgunakan, diperalat, sebagai alasan bagi mereka berkonflik bagi kepentingan yang diperjuang dalam persaingan hidup yang semakin sukar dan mencabar. Inilah yang menyebabkan konflik agama. Yang sesungguhnya tidak ada agama yang berkonflik. Tidak ada satu agama yang mengajarkan kita merendahkan darjat martabat kemanusiaan kita. Semua agama hakikatnya membicarakan pada hal yang sama – manusia tetap dimuliakan sebagai manusia. Akan tetapi, agama digunakan sebagai alat bagi tujuan sebaliknya.

Kalau kita lihat dari perspektif yang mendalam, semua agama akur tentang hal yang sama seperti menegakkan keadilan, menghargai hak asasi manusia, persamaan di mata undang-undang, jangan mencuri, jangan berbohong, dan jangan membunuh.

Maka cabaran tokoh agama hari ini dan masa hadapan adalah bagaimana menggembelng tenaga bersama **penyelenggara** negara menentukan mutu peradaban dunia pada masa hadapan. Penyelenggara negara mendapatkan **mandat** mengelola negara dan masyarakat, dan tokoh agama yang menjadi anutan – agar bersama mengembalikan agama ke dasar yang sebenarnya, iaitu memanusikan manusia, bukan meniagakan antara darjat dan martabat. Malah, cabaran tokoh agama juga adalah untuk memikirkan bagaimana ajaran sesebuah agama yang diajar di Singapura selari dengan konteks masyarakat majmuk.

Justeru, adalah satu kepentingan bagi tokoh agama khususnya untuk lebih menampilkan aspek dalaman sesebuah agama itu di tengah-tengah masyarakat yang majmuk dan multi-budaya. Maka, kesederhanaan agama itulah yang harus dikedepankan. Beragama secara sederhana, tidak ekstrim dan tidak juga berlebihan. Kesederhanaan dalam beragama perlu ditampilkan agar toleransi yang tinggi, kemahuan dan kemampuan menghargai, menghormati perbezaan pelbagai kaum dapat dicapai. Di anjurkan juga kerjasama yang lebih erat antara pemimpin politik dan akar umbi yang lebih peka demi mewujudkan kepimpinan agama yang progresif.

(Berita Harian, 14 Julai 2017, “*Tonjolan Persamaan dan Kesederhanaan Agama*”)

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 3, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di kertas jawapan yang disediakan.

- 6 Manusia zaman ini hidup bebas dalam dunia tanpa sempadan akibat daripada globalisasi. Nyatakan impak globalisasi yang berlaku pada era ini. (6 markah)
- 7 Adakalanya manusia salah tafsirkan agama sehingga sanggup mengetepikan nilai kemanusiaan? Jelaskan kesannya terhadap kehidupan manusia sejagat. (6 markah)
- 8 Keutamaan sesebuah agama adalah menghargai hak asasi manusia dan menegakkan keadilan. Bagaimana tokoh agama menyahut cabaran dari sudut perspektif agama dalam negara majmuk seperti Singapura? (6 markah)
- 9 Kesederhanaan dalam beragama bagi negara yang multi-kaum dan budaya penting bagi kesejahteraan negara. Berikan pandangan kamu. (6 markah)
- 10 Terangkan maksud perkataan-perkataan yang berikut mengikut konteks petikan karangan yang diberikan. (6 markah)
- (a) berwaspada
 - (b) penyelenggara
 - (c) mandat

SELESAI

PJC J2 H2MLL Prelims 2017 Paper 1

SKEMA JAWAPAN

BAHAGIAN A (5 markah)

1. tahap / had
2. membataskan / mengehadkan
3. pengurangan
4. memantau / mengawal
5. dikurangkan

BAHAGIAN B (30 markah)

6.	Manusia zaman ini hidup bebas dalam dunia tanpa sempadan akibat daripada globalisasi. Nyatakan impak globalisasi yang berlaku pada era ini. (6 markah)
IU	<ul style="list-style-type: none">• Seiring dengan era digital, sebuah era terjadinya revolusi telekomunikasi, informasi yang luar biasa (2 markah)
IS	<ul style="list-style-type: none">• yang menyebabkan hubungan antara umat manusia di dunia ini semakin utuh, semakin cepat, mudah dan murah berkomunikasi (1 markah)
IU	<ul style="list-style-type: none">• Juga, banyak nilai yang tidak sejajar dengan nilai yang selama ini kita anuti serta persaingan hidup (2 markah)
IS	<ul style="list-style-type: none">• kerana kehidupan semakin sukar kerana Tuhan tidak lagi mencipta tanah, hutan dan lautan, tempat di mana manusia tinggal serta jumlah manusia dari semasa ke semasa terus bertambah dan ini mempunyai implikasi terhadap ekonomi, undang-undang, politik dan sosial (1 markah)
7.	Adakalanya manusia salah tafsirkan agama sehingga sanggup menyetepikan nilai kemanusiaan? Jelaskan kesannya terhadap kehidupan manusia sejagat. (6 markah)
IU	<ul style="list-style-type: none">• manusia menggunakan agama buat kepentingan mereka (2 markah)
IS	<ul style="list-style-type: none">• kerana berlakunya pergeseran makna agama dalam kehidupan yang penuh persaingan sehingga manusia tidak lagi ingin berbaik-baik, melindungi, memelihara darjat martabat kemanusiaan (1 markah)
IU	<ul style="list-style-type: none">• Manusia berkonflik bagi kepentingan yang diperjuangkan dalam persaingan hidup yang semakin sukar dan mencabar (2 markah)
IS	<ul style="list-style-type: none">• Kerana mereka memperalatkan agama yang hakikatnya, setiap agama memuliakan manusia sebagai manusia
8.	Keutamaan sesebuah agama adalah menghargai hak asasi manusia dan menegakkan keadilan. Bagaimana tokoh agama menyahut cabaran dari sudut perspektif agama dalam negara majmuk seperti Singapura? (6 markah)
IU	<ul style="list-style-type: none">• Tokoh agama harus menggembelng tenaga dengan penyelenggara negara yang mendapat mandat mengelola negara dan masyarakat (2 markah)
IS	<ul style="list-style-type: none">• agar bersama mengembalikan agama ke dasar yang sebenarnya, iaitu memanusikan manusia, bukan meniagakan antara darjat dan martabat (1 markah)
IU	<ul style="list-style-type: none">• tokoh agama juga perlu memikirkan bagaimana ajaran sesebuah agama yang diajar di Singapura selari dengan konteks masyarakat majmuk (2 markah)
IS	<ul style="list-style-type: none">• kerana ia adalah satu kepentingan bagi tokoh agama khususnya untuk lebih menampilkan aspek dalaman sesebuah agama terutama dalam kalangan masyarakat yang majmuk dan multi-budaya (1 markah)

PJC J2 H2MLL Prelims 2017 Paper 1

9.	Kesederhanaan dalam beragama bagi negara yang multi-kaum dan budaya penting bagi kesejahteraan negara. Berikan pandangan kamu. (6 markah)
IU	<ul style="list-style-type: none"> Kesederhanaan dalam beragama perlu ditampilkan supaya toleransi yang tinggi, kemahuan dan kemampuan menghargai, menghormati perbezaan pelbagai kaum dapat dicapai (2 markah)
IS	<ul style="list-style-type: none"> Maka itu, kesederhanaan agama haruslah dikedepankan supaya masyarakat majmuk seperti Singapura akan kepentingan beragama secara sederhana, tidak ekstrim dan tidak juga berlebihan (1 markah)
IU	<ul style="list-style-type: none"> Kerjasama antara pemimpin politik dan akar umbi perlu lebih erat lagi (2 markah)
IS	<ul style="list-style-type: none"> demi mewujudkan kepimpinan agama yang progresif agar kemakmuran dan kesejahteraan negara yang multi-bangsa dan budaya tercapai (1 markah)

10.	Terangkan maksud perkataan-perkataan yang berikut mengikut konteks petikan karangan yang diberikan. (6 markah)
	(a) berwaspada : berhati-hati; beringat-ingat
	(b) penyelenggara : orang atau badan yang mengurus/ mengerjakan/ mengelola/ melaksana sesuatu
	(c) mandat : (i) Amanah yg diberikan oleh orang ramai kpd wakil mereka utuk melakukan sesuatu (ii) kuasa atau tugas yg diberikan oleh pihak-pihak yg lebih tinggi

SELESAI



PIONEER JUNIOR COLLEGE

JC2 PRELIMINARY EXAMINATION

Higher 2

BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU 9565 / 2

Kertas 2

MALAY LANGUAGE AND LITERATURE 9565 / 2

Paper 2

20 Sept 2017

1 hour

ARAHAN UNTUK CALON

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua sumber dan empat soalan.
2. Baca setiap sumber dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan dengan menggunakan ayat kamu sendiri.
3. Apabila pengawas peperiksaan memberikan isyarat, klik 'START'.

BAHAGIAN C (30 markah)

SUMBER A

Arahan : Baca blog di bawah ini dengan teliti.

Kepentingan Pendidikan Dalam Pembentukan Kualiti Hidup Sejahtera

Oleh Dr Affizal Ahmad

Pendidikan berkualiti sangat efektif bagi menentang kemiskinan, membina demokrasi, dan membentuk masyarakat yang sejahtera. Malah, pendidikan yang berkualiti juga memberi kuasa kepada individu, memberi mereka suara, mendedahkan potensi mereka, menunjukkan jalan ke arah penyempurnaan diri, serta meluaskan pandangan dan pemikiran individu kepada dunia tanpa sempadan. Di samping itu, pendidikan yang berkualiti merupakan suatu konsep yang dinamik, berubah, dan berkembang mengikut masa serta berubah dalam konteks sosial, ekonomi, dan persekitaran setempat. Pendidikan sedemikian menggunakan pendekatan kemahiran-hidup dalam pendidikan dan memasukkan kemahiran lain dalam meorientasikan pendidikan untuk memperolehi keseimbangan.

Mempelajari pelbagai kemahiran akan menyediakan individu untuk lebih berjaya dalam kehidupan di rumah, komuniti, serta di tempat kerja. Manusia, sebaik-baiknya menggunakan multi-kemahiran ketika melaksanakan aktiviti harian; berhubung dengan ahli keluarga dan masyarakat; serta bertindak sebagai individu, ahli dalam sesuatu kumpulan, dan pekerja sesebuah organisasi. Dengan adanya pendekatan kemahiran-hidup dalam pendidikan, para pelajar lebih peka kepada perkembangan ilmu, mengguna dan mempraktikkan pelbagai jenis kemahiran sesuai dengan tuntutan persekitaran pembelajaran tersebut. Memiliki dan mempraktikkan kemahiran dengan betul sangat penting untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran semasa.

Justeru itu, individu memerlukan kemahiran dalam setiap empat ruang pendidikan iaitu belajar untuk mengetahui, belajar untuk melakukan, belajar untuk hidup bersama orang lain, dan belajar untuk menjadi seseorang. Selain itu, setiap individu juga memerlukan kemahiran kognitif, tumpuan, pengurusan diri, dan sosial. Kemahiran hidup membolehkan individu untuk menghubungkan apa yang mereka ketahui dan lakukan sekarang dengan apa yang boleh mereka ketahui dan lakukan di masa hadapan.

SUMBER B

Arahan : Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Makin ramai remaja bunuh diri

Oleh Rosmidzatul Azila binti Mat Yamin
Jul 26, 2016

Golongan muda bermasalah yang mendekati agensi pencegahan bunuh diri Samaritan Singapura (SOS) menyatakan isu kesihatan mental, tekanan akademik, dan masalah hubungan di rumah dan di sekolah adalah punca terbesar tekanan yang mereka hadapi. Jumlah kes bunuh diri dalam kumpulan umur 10 hingga 19 tahun itu semakin bertambah.

Ini sekali gus menekankan keperluan mendesak mengenal pasti dan membantu kanak-kanak berisiko, kata para pakar kaunselor. Bagaimanapun, usia remaja boleh menjadi masa sukar apabila anak-anak muda berjuang dengan isu identiti dan kekitaan, ujar SOS.

Mereka yang mempunyai masalah kesihatan mental dan tertekan oleh persekitaran rumah dan belajar lebih menghadapi risiko. Menurut seorang pekerja sosial utama di Perkhidmatan Masyarakat Fei Yue Cik Petrine Lim bahawa, membesar dalam era digital juga boleh membuat mereka mudah terdedah pada pengaruh negatif dalam talian yang mungkin membawa kepada perbuatan mencederakan diri sendiri atau membangunkan kecenderungan membunuh diri.

Salah satu sebabnya ialah kesibukan ibu bapa, yang mungkin tidak menghabiskan cukup masa dengan anak-anak, tidak menyedari akan perubahan mood anak mereka. Kurang perhatian ibu bapa ini benar-benar membuat anak-anak berasa tertekan lalu berpaling pada dalam talian untuk cuba mengetahui cara menguruskan kemurungan, di mana terdapat lingkungan luas jawapan dan ada pula orang yang mungkin cuba memberi mereka jalan keluar bagi kesakitan mereka.

Remaja yang tidak mempunyai saluran sihat untuk meluahkan kesakitan mereka, misalnya keluarga dan rangkaian sosial yang menyokong, cenderung menghadapi risiko mencederakan diri sendiri dan memikirkan tentang bunuh diri, kata para kaunselor.

Arahan : Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di dalam Kertas Jawapan yang disediakan.

- 11 Berdasarkan Sumber A, jelaskan kepentingan pendidikan berkualiti.
(4 markah)
- 12 Berdasarkan Sumber B, apakah masalah utama yang dihadapi golongan muda masa kini?
(4 markah)
- 13 Bagaimanakah kandungan petikan Sumber A dan Sumber B saling menyokong?
(7 markah)
- 14 Berikan komen kamu terhadap pernyataan bahawa, "Pendidikan bertindak sebagai pemangkin kesejahteraan hidup. Melalui pendidikan, individu berupaya membina keyakinan diri untuk berhadapan dengan dunianya, memahami diri sendiri serta keupayaan kawalan diri." Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan.
(15 markah)

Selesai



PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE
PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE
PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE
PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE
PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE

JC2

PRELIM EXAMINATION 2017

**MALAY LANGUAGE & LITERATURE (H2)
9559/2**

Paper 2

20 Sept 2017

1 hour

SKEMA JAWAPAN

Kertas 2 JC2 H2MLL (30 markah)

11 Berdasarkan Sumber A, jelaskan kepentingan pendidikan berkualiti. (4 markah)

Isi 1 (2m)	<ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan berkualiti sangat efektif bagi menentang kemiskinan, membina demokrasi, dan membentuk masyarakat yang sejahtera
Isi 2 (2m)	<ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan yang berkualiti juga memberi kuasa kepada individu, memberi mereka suara, mendedahkan potensi mereka, menunjukkan jalan ke arah penyempurnaan diri, serta meluaskan pandangan dan pemikiran individu kepada dunia tanpa sempadan

12 Berdasarkan Sumber B, apakah masalah utama yang dihadapi golongan muda masa kini? (4 markah)

Isi 1 (2m)	<ul style="list-style-type: none"> • Golongan muda masa kini berhadapan dengan isu kesihatan mental, tekanan akademik, dan masalah hubungan di rumah dan di sekolah yang menjadi punca remaja bunuh diri
Isi 2 (2m)	<ul style="list-style-type: none"> • Golongan ini juga membesar dalam era digital yang secara tidak langsung membuat mereka terdedah pada pengaruh negatif dalam talian yang menyebabkan timbulna masalah tekanan sehingga membawa kepada perbuatan mencederakan diri sendiri atau membangunkan kecenderungan membunuh diri.

13 Bagaimanakah kandungan Sumber A dan Sumber B saling menyokong.(7 markah)

Pengenalan	Sumber A dan Sumber B membicarakan tentang pentingnya pendidikan berkualiti dalam usaha mencapai kesejahteraan hidup individu terutama remaja
Isi 1 : Penjelasan & contoh yang sesuai	<p>Berdasarkan Sumber A: Perlunya pendidikan berkualiti utk mendedahkan individu bukan sahaja kepada kemahiran hidup bermasyarakat bahkan membekalkannya dengan pelbagai kemahiran yg menunjukkan jalan ke arah penyempurnaan diri</p> <p>Dalam Sumber B: Individu yang cetek ilmu dan kurang pendidikan gagal menentang tekanan yg melanda dirinya, boleh menjejaskan kehidupan sehingga sanggup utk bunuh diri</p>
Isi 2 : Penjelasan & contoh yang sesuai	<p>Dalam Sumber A: Pendidikan berkualiti yang merangkumi kemahiran kognitif, tumpuan, pengurusan diri dan sosial penting bagi individu agar mereka dapat menghubungkan apa yang mereka ketahui dan lakukan sekarang dengan apa yang boleh mereka ketahui dan lakukan di masa hadapan</p> <p>Sumber B: Individu yang sukar menyesuaikan diri dengan keadaan atau suasana yang mencabar, mudah rasa tertekan dan kurang pengalaman kerana tiada pendidikan kemahiran hidup, lantas boleh membahayakan dan merosak diri kerana rasa tertekan dan boleh menimbulkan sakit mental.</p>

- 14 Berikan komen kamu terhadap pernyataan bahawa, “Pendidikan bertindak sebagai pemangkin kesejahteraan hidup. Melalui pendidikan, individu berupaya membina keyakinan diri untuk berhadapan dengan dunianya, memahami diri sendiri serta keupayaan kawalan diri.” Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan. (15 markah)

14	(Isi diperluas dengan baik dan meyakinkan)(Minimum 3 isi)
Perenggan 1	<p>ISI UTAMA Pendidikan mampu membina keyakinan diri dimana individu tidak akan mudah berputus asa</p> <p>HURAIAN -tuntutan abad ke-21 sememangnya semakin mencabar -mempunyai semangat untuk bangkit semula dan yakin diri serta bijak mencari jalan penyelesaian</p> <p>CONTOH Misalnya, individu yg punyai pendidikan, dapat menangani tekanan yang dihadapi melalui saluran sihat dan tidak ambil jalan mudah iaitu dengan menamatkan nyawanya sendiri</p>
Perenggan 2	<p>ISI UTAMA Dari pendidikan yang individu perolehi, pastinya individu pelajar suatu kemahiran yang membolehkannya memahami diri sendiri dan orang di sekelilingnya</p> <p>HURAIAN -dgn kemahiran yang ada, individu tahu akan baik buruk sesuatu -bahkan mengetahui akan potensi, kekuatan dan kelemahan diri</p> <p>CONTOH -individu menggunakan kekuatan yang dimilikinya untuk mencapai kejayaan dan kesejahteraan hidup</p>
Perenggan 3	<p>ISI UTAMA Dengan pendidikan juga, individu mampu mengawal diri agar berani berhadapan dengan cabaran</p> <p>HURAIAN -apabila menghadapi masalah, atau tekanan yang berat, individu tahu cara yang rasional dalam menyelesaikannya -bukan dengan membunuh diri kerana sedar akan perbuatan tersebut salah dari segi agama dan undang-undang</p> <p>CONTOH Apa jua masalah yang dihadapi oleh individu (remaja), mereka tidak akan membunuh diri, malah akan berunding dengan seseorang atau fikirkan cara yang terbaik utk selesaikannya.</p> <p style="text-align: right;">(160 patah perkataan)</p>

SELESAI



PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE
PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE
PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE
PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE
PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE PIONEERJUNIORCOLLEGE

**JC 2
PRELIMINARY EXAMINATION
2017**

MALAY LANGUAGE & LITERATURE (H2)

Paper 3

9565/3

21 September 2017

Duration: 3 hours

1400 - 1700 hr

ARAHAN

- 1 Baca arahan yang diberikan bagi tiap-tiap bahagian dengan teliti. Kemudian, jawab soalan seperti yang diarahkan.
- 2 Mulakan setiap jawapan di kertas jawapan yang baharu.
- 3 Kamu dibenarkan merujuk teks yang ditetapkan sahaja.
- 4 Tuliskan nama, kelas dan nombor indeks kamu dengan jelas di setiap kertas jawapan anda.

Kertas soalan ini mengandungi 8 soalan yang dicetak dan diakhiri dengan perkataan
SELESAI

Jawab **EMPAT** soalan kesemuanya. Calon hendaklah menjawab SATU soalan daripada setiap Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.

BAHAGIAN A NOVEL – RESTU

- 1 Bahasa merupakan nadi kepada sesebuah karya sastera. Pada pendapat kamu, mengapakah pengarang menggunakan pelbagai gaya bahasa dalam sesebuah karya. Beri contoh dengan merujuk kepada novel **RESTU** tulisan Ismail Kassan.

(25 markah)

- 2 *“Ikram miskin harta, tetapi amat kaya dengan budi bahasa”.*
(hal. 156)

Buktikan pernyataan ini dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai berdasarkan kepada novel **RESTU** karya Ismail Kassan.

(25 markah)

BAHAGIAN B CERPEN – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

- 3 Kehadiran Simpati sebagai salah seorang pekerja di “bangunan lambang kesempurnaan” amat diharapkan oleh Ketua Jabatan. Menurut pandangan kamu, mengapakah kehadiran Simpati amat diperlukan dengan merujuk kepada cerpen “**YANG**” tulisan Jamal Ismail.

(25 markah)

- 4 Banyak unsur keagamaan yang dipaparkan di dalam cerpen “**RUANG**” tulisan Ismail Wardi. Bagaimanakah unsur-unsur keagamaan ini dapat menyedarkan pembaca akan hakikat kehidupan yang sementara ini?

(25 markah)

BAHAGIAN C
SAJAK – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

- 5 Istilah-istilah pinjaman yang terdapat dalam sajak **“PUSTAKAKU DALAM REMANG SENJA”** karya Sa’eda Buang mengukuhkan aspek estetika sajak ini. Sejauh manakah kamu bersetuju dengan pernyataan ini?
(25 markah)
- 6 Sajak **“BEGITULAH KATA-KATA”** karya Masuri S.N meletakkan kepentingan kata-kata dalam pemaknaan kehidupan. Dapatkah sajak ini menyampaikan perutusannya dengan berkesan berdasarkan pernyataan tersebut?
(25 markah)

BAHAGIAN D
DRAMA – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

- 7 Drama **“ANJING UNTUK DIPLOMAT”** karya Hamed Ismail merupakan sebuah karya yang penuh dengan pergolakan politik dan keserakahan manusia. Setujukah kamu dengan pernyataan ini.
(25 markah)
- 8 Drama **“CAHAYA DI HUJUNG SENJA”** karya M. Saffri A. Manaf merupakan sebuah drama beraliran realisme. Buktikan pernyataan ini.
(25 markah)

SELESAI

Jawapan Cadangan:

S1	<p>Bahasa merupakan nadi kepada sesebuah karya sastera. Pada pendapat kamu, mengapakah pengarang menggunakan pelbagai gaya bahasa dalam sesebuah karya. Beri contoh dengan merujuk kepada novel RESTU tulisan Ismail Kassan.</p> <ul style="list-style-type: none">• Penggunaan diksi Cth: <i>penggunaan diksi</i><ul style="list-style-type: none">- <i>Latar Belakang pentas boleh sering berubah. Para pelakon juga boleh kerap bertukar. Tetapi corak lakonannya tetap sama, walaupun musim berganti tahun dan tahun berganti kurun. (hal 2)</i>- <i>pelbagai</i>- <i>mudah tetapi tepat</i><ul style="list-style-type: none">- <i>kosa kata yang senang dan biasa digunakan</i>- <i>ada juga kosa kata yang dalam maknanya</i>• Bahasa Puisi Peribahasa<ul style="list-style-type: none"><i>tulang empat kerat / peluh jantan / darah daging</i>- <i>kalau minuman kita orang bubuh racun, kalau periuk nasi kita dibubuh pasir</i><ul style="list-style-type: none">- <i>orang bodoh terjun masuk lubuk takkan kau pun nak terjun masuk lubuk juga</i><p style="text-align: center;">Pepatah – <i>Bagai seluang pulang ke lubuk, Bagai gagak pulang ke benua. (hal 21)</i></p><ul style="list-style-type: none">* <i>penulis banyak menggunakan bidalan, kiasan, pepatah dan simpulan bahasa</i>* <i>menggambarkan pengetahuan penulis yang luas tentang peribahasa Melayu</i>* <i>menjelaskan maksud dengan lebih tepat dan berkesan</i>* <i>memberi keindahan kepada gaya bahasa penulis</i>• Unsur Perbandingan – Hiperbola.<ul style="list-style-type: none">* <i>Meninggalkan kesan rasa yang lebih dan kesan suasana yang hebat (melampau/ekstrim) kepada sesuatu latar atau peristiwa dan kejadian yang digambarkan.</i>- Metafora<ul style="list-style-type: none">* <i>gaya bahasa perbandingan yang tinggi</i>* <i>makna kata yang kompleks</i>* <i>maksud tersirat yang bombastik untuk ditakrif dan difahami</i>• Paradoks<ul style="list-style-type: none">- <i>Ikram miskin harta tetapi amat kaya dengan budi</i>
----	--


	<p>bahasa.</p> <p>- Ikram masih mampu tersenyum dan ketawa walaupun jiwanya sendiri luka parah.</p> <p>* gaya bahasa yang mempertentangkan kata-kata dalam ayat.</p> <p>*memperlihatkan keadaan atau suasana yang bertentangan</p> <p>Pelajar boleh memilih mana-mana 4 contoh unsur gaya bahasa. Yang penting pelajar harus menerangkan mengapa pengarang menggunakan gaya bahasa tersebut.</p>
S2	<p>"Ikram miskin harta, tetapi amat kaya dengan budi bahasa". (hal. 156) Buktikan pernyataan ini dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai berdasarkan kepada novel RESTU karya Ismail Kassan.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Menghormati orang tua ▪ Merendah diri ▪ Tiada jurang antara ketua & orang bawahannya ▪ menjaga tata tertib dalam hubungan
S3	<p>Kehadiran Simpati sebagai salah seorang pekerja di "bangunan lambang kesempurnaan" amat diharapkan oleh Ketua Jabatan. Menurut pandangan kamu, mengapakah kehadiran Simpati amat diperlukan dengan merujuk kepada cerpen "YANG" tulisan Jamal Ismail.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Untuk menyuntik nilai simpati dalam diri pekerja di "bangunan lambang kesempurnaan" ▪ Untuk menghapuskan sikap elitisme/eksklusif seperti yang terpapar daripada bangunan tersebut. ▪ Untuk menyedarkan pekerja akan kepentingan nilai muhasabah diri untuk memperbaiki kelemahan diri. ▪ Untuk menyemai nilai sensitif/peka di kalangan pekerja akan keadaan sekeliling. ▪ Jawapan yang relevan dan munasabah boleh dipertimbangkan berdasarkan kebijaksanaan Guru.
S4	<p>Banyak unsur keagamaan yang dipaparkan di dalam cerpen "RUANG" tulisan Ismail Wardi. Bagaimanakah unsur-unsur keagamaan ini dapat menyedarkan pembaca akan hakikat kehidupan yang sementara ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tema – Kehidupan yang disia-siakan. ▪ Persoalan – Penyesalan di ambang kematian. ▪ Persoalan – Keserakahan manusia. ▪ Persoalan – Melakukan amalan baik yang berlandaskan agama sebagai bekalan hidup.

S5	<p>Istilah-istilah pinjaman yang terdapat dalam sajak “PUSTAKAKU DALAM REMANG SENJA” karya Sa’eda Buang mengukuhkan aspek estetika sajak ini. Sejauh manakah kamu bersetuju dengan pernyataan ini?</p> <p><i>Setuju:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Penggunaan nama tokoh-tokoh terkenal dalam sajak mengukuhkan aspek estetika – sesuai dengan tema sajak.</i> ▪ <i>Campuran diksi asing (Bahasa Arab seperti makrifat, aql) dalam penulisan sajak membantu mengukuhkan aspek estetika – menunjukkan kemampuan bahasa penyajak yang tinggi.</i> ▪ <i>Penggunaan istilah Inggeris (sintesis, teori, pro-teori, dll) mengukuhkan lagi aspek estetika – dapat menyampaikan persoalan dengan indah.</i> <p><i>Tidak Setuju:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Menambahkan kekeliruan pembaca akan nama-nama tokoh yang tidak dikenali oleh pembaca.</i> <p><i>Mana-mana isi yang munasabah dan relevan boleh dipertimbangkan berdasarkan kebijaksanaan Guru.</i></p>
S6	<p>Sajak “BEGITULAH KATA-KATA” karya Masuri S.N meletakkan kepentingan kata-kata dalam pemaknaan kehidupan. Dapatkah sajak ini menyampaikan perutusannya dengan berkesan berdasarkan pernyataan tersebut?</p> <p><i>Perutusan BKK:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sesuatu perkara yang baik akan menjadi sia-sia tanpa sebarang tindakan <p><u><i>Begitulah kata-kata menjadi panas menjadi dingin(R1B1-2)</i></u></p> <ol style="list-style-type: none"> 2. Pembaharuan tidak harus diketepikan hanya kerana tidak mahu menjejaskan kehidupan yang sedia ada <p><u><i>tidak jadi punca mengasak fikiran yang mencabut duri mengganggu perjalanan (R1B3-6)</i></u></p> <ol style="list-style-type: none"> 3. Keegoan atau keselesaan hidup hambatan manusia mencuba perkara-perkara baharu kerana tidak mahu menghadapi kesusahan <p><u><i>keseoranganlah kerana langkah ini</i></u></p>

	<p><u>tidak pernah diterokai (R2B1-3)</u></p> <p>4. Kesabaran membolehkan suatu usaha diteruskan</p> <p><u>menepuk dadalah</u> <u>aku seorang di sini</u> <u>dan kau yang lain-lain</u> <u>bukanlah (R2B4-7)</u></p> <p>5. Ketabahan diperlukan dalam menghadapi orang-orang di sekeliling yang tidak memahami atau menyokong.</p> <p><u>menjadi makin mendalam</u> <u>kehibaan mencari makna</u> <u>perjalanan orang-orang paling tahan (R3B1-3)</u></p> <p>6. Manusia alpa dalam pencarian kebenaran hanya kerana dikaburi dengan kemewahan hidup.</p> <p><u>menjadi makin mendalam</u> <u>kehibaan mencari makna</u> <u>...di tengah-tengah hidup memagut kebendaan (R3B1,2,4)</u></p> <p>Mana-mana 4 isi serta terangkan bagaimana perutusan dapat disampaikan dengan berkesan.</p>
S7	<p>Drama “ANJING UNTUK DIPLOMAT” karya Hamed Ismail merupakan sebuah karya yang penuh dengan pergolakan politik dan keserakahan manusia. Setujukah kamu dengan pernyataan ini.</p> <p>Setuju:</p> <p><i>Pergolakan Politik</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Masalah kepimpinan dalam masyarakat dan persatuan buruh (melalui watak Tan Ah Kim) ▪ Kelemahan politik Melayu (melalui watak Tengku Kamarudin) <p><i>Keserakahan Manusia</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Menggunakan kuasa untuk mempengaruhi orang bawahan untuk menentang penjajah (Pierre Blanc mempergunakan Tan Ah Kim) ▪ Sikap kejam dan tidak berperikemanusiaan (watak Pierre Blanc bersikap kejam terhadap binatang dan juga Sally & Babu Muda) ▪ Tipu muslihat (antara Pierre Blanc & Sonja, Pierre Blanc & Tan Ah Kim) ▪ Melakukan apa sahaja asalkan matlamat tercapai (melalui watak Pierre Blanc, Sonja, Tengku Kamarudin & Tan Ah Kim)

	<i>2 isi Setuju dan isi Tidak Setuju</i>
S8	<p>Drama “CAHAYA DI HUJUNG SENJA” karya M. Saffri A. Manaf merupakan sebuah drama beraliran realisme. Buktikan pernyataan ini.</p> <p><i>Aliran realisme:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Cabaran dalam rumah tangga warga emas.</i> ▪ <i>Tanggungjawab terhadap diri, keluarga dan agama.</i> ▪ <i>Kasih sayang antara anggota keluarga.</i> ▪ <i>Sokongan keluarga sewaktu ditimpa musibah.</i> ▪ <i>Hubungan persahabatan (antara Kasim & Mail, Rudi & Norin)</i> ▪ <i>Isu kesihatan di kalangan warga emas.</i> ▪ <i>Sikap negatif warga emas (degil, tidak mendengar nasihat, emosi & membebel).</i> ▪ <i>Keinsafan setelah ditimpa musibah.</i> <p><i>Mana-mana 4 isi.</i></p>

SELESAI



RAFFLES INSTITUTION
2017 YEAR 6 PRELIMINARY EXAMINATION
Higher 2



BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU

9565/1

Kertas 1 (Bahagian 2)

(Part 2)

MALAY LANGUAGE AND LITERATURE

19 September 2017

Paper 1 (Part 2)

2hrs 15mins

(Total Time for Part 1 and Part 2)

Additional Materials: Answer Paper

ARAHAN UNTUK CALON

Sila lihat arahan yang terdapat di Bahagian 1

ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.

BAHAGIAN A (5 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat 5 tempat kosong. Isi setiap tempat kosong ini dengan perkataan yang sesuai mengikut konteks petikan karangan tersebut. Kemudian, tulis jawapan kamu mengikut susunan perkataan dalam petikan karangan.

DALAM zaman awal Institut Pendidikan Teknikal (ITE), institusi itu sering dikaitkan dengan pelajar yang lemah dalam bidang akademik. Bak kata pepatah, lain dahulu lain **(1)**_____. Menurut Menteri Pendidikan (Pendidikan Tinggi dan Kemahiran) Ong Ye Kung, perbezaan yang **(2)**_____ dapat dilihat dari sudut prasarana, kurikulum, dan dedikasi tenaga guru ITE. Semuanya ini berada di peringkat kelas dunia. Beliau turut menekankan bahawa sama ada sesuatu itu baik atau tidak bergantung kepada pemikiran pelajar. Semangat kebanggaan dalam diri pelajar wajar **(3)**_____ agar dapat menjadikan institusi ini sesuatu yang dibanggakan.

ITE juga giat **(4)**_____ pelbagai laluan bagi penuntutnya mempertingkatkan kemahiran, sekali gus menjadikan mereka lebih berdaya kerja. Mulai April tahun depan ITE bakal memulakan empat program peringkat diploma. Jadi, apa bezanya dengan diploma yang dikeluarkan oleh politeknik? Menurut Encik Ong, diploma politeknik mempunyai penekanan akademik yang tinggi, **(5)**_____ diploma ITE pula menumpukan perhatian terhadap kraf dan kerjaya pelajar. Hal ini serupa dengan apa yang dilaksanakan Jerman dan Switzerland.

BAHAGIAN B (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Ijazah penting tapi perlu sesuai diri dengan ekonomi baru

Ogos 14, 2017 | 05:30 AM
HASLEEN BACHIK

Segulung ijazah kerap jadi buruan pelajar. Tetapi dengan usaha pemerintah yang lebih bersifat terbuka terhadap golongan bukan siswazah, sejauh manakah majikan di sektor swasta bersedia bergerak seiringan?

Kajian mendapati sektor swasta masih memberi keutamaan kepada golongan siswazah dalam pengambilan pekerja. Ini kerana persepsi masyarakat bahawa tahap pendidikan seseorang ialah gambaran keupayaannya – kemampuan sesuai dengan kelayakan akademik. Juga, tanggapan bahawa dengan segulung ijazah, status sosial seseorang itu turut meningkat disebabkan gaji permulaan yang lebih tinggi. Namun dengan perubahan struktur ekonomi kini, termasuk kemunculan 'teknologi mengganggu', kedua-dua golongan tersebut menghadapi cabaran serupa yang lebih **getir** dan **perlu bersedia melengkapkan diri untuk menempuhnya**.

Namun, ini tidak bermakna syarikat swasta tidak mengambil kira kemahiran dan pengalaman pemohon pekerjaan. Beberapa sektor seperti pengilangan dan teknologi maklumat lebih terbuka dalam mengambil pekerja bukan siswazah kerana, kedua-duanya memerlukan pekerja yang berpengalaman dan berkemahiran.

Pasaran pekerjaan akan kekal dengan banyak pekerjaan memerlukan sekurang-kurangnya lulusan diploma yang menjadi **penanda aras** di peringkat awal walaupun banyak syarikat berpendapat kemahiran insani atau '*soft skills*' masih kekurangan meskipun dalam kalangan siswazah. Ramai yang menyifatkan langkah majikan menimbangkan seseorang calon melebihi kelayakan akademik sebagai sesuatu yang positif memandangkan kemahiran ini menjadi faktor penting dalam prestasi tugas pekerja.

Daripada **kaca mata** pemain industri, terdapat beberapa faktor yang wajar menjadi perhatian dalam dunia pekerjaan masa kini. Ini termasuk perubahan struktur ekonomi yang lebih bersifat sejagat, peralihan model perniagaan merangkumi 'teknologi mengganggu' seperti e-dagang, kecerdasan buatan (AI) dan sikap masyarakat yang kini lebih cenderung mahukan keluwesan seperti memandu *Grab* atau *Uber*, meskipun memiliki ijazah.

Setiap pekerja perlu mencari peluang meningkatkan kemahiran mereka untuk terus bersaing dalam ekonomi masa depan walaupun beliau tidak berpeluang memperoleh kelulusan akademik sebelum ini. Ini kerana dunia sedang berubah, oleh itu teknologi dan set kemahiran yang diperlukan juga berbeza. Dengan perubahan yang pesat ini, terdapat keperluan menggerakkan tenaga kerja supaya lebih relevan bagi ekonomi masa depan. Maka itu, memiliki ijazah atau tanpa ijazah kini kurang penting. Sebaliknya, apa yang penting, ialah kesediaan mahu terus belajar. Mereka juga perlu bersedia untuk keluar daripada zon keselesaan untuk menyahut cabaran-cabaran baharu agar dapat terus menakat. Ini termasuklah menukar pola pekerjaan daripada yang sedia ada kepada sesuatu yang asing.



ARAHAN: Berdasarkan petikan karangan yang diberikan, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri.

6. Mengapakah segulung ijazah masih menjadi buruan? (6 markah)


7. Selain kelulusan akademik, apakah kriteria lain yang menjadi keutamaan syarikat dalam pengambilan pekerja?. (6 markah)

8. Apakah perubahan pasaran pekerjaan yang perlu dihadapi sekarang ini dari kaca mata industri dan pencari pekerjaan? (6 markah)

9. Bagaimanakah pekerja dapat “**bersedia melengkapkan diri untuk menempuhnya**”?. (6 markah)

10. Terangkan maksud perkataan-perkataan berikut menurut konteks petikan yang diberikan: (6 markah)
 - (a) **getir**
 - (b) **penanda aras**
 - (c) **kaca mata**

Selesai



RAFFLES INSTITUTION
2017 YEAR 6 PRELIMINARY EXAMINATION
Higher 2



BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU

9565/1

Kertas 1 (Bahagian 1)

(Part 1)

MALAY LANGUAGE AND LITERATURE

19 September 2017

Paper 1 (Part 1)

2 hours 15 minutes

(Total Time for Part 1 and Part 2)

Additional Materials: Answer Paper


ARAHAN UNTUK CALON

1. Kertas ini tercetak dalam dua bahagian yang berasingan: Bahagian 1 dan Bahagian 2.
2. Semua jawapan hendaklah ditulis dengan menggunakan kertas tulis yang disediakan.
3. **PENGGUNAAN KAMUS**
 - a) Bahagian 1: Kamus yang diluluskan boleh digunakan bagi bahagian ini.
Masa yang diperuntukkan bagi penggunaan kamus: 1 jam 15 minit.
 - b) Bahagian 2: Kamu tidak dibenarkan menggunakan kamus.
4. Baca arahan yang diberikan bagi setiap bahagian dengan teliti dan jawab soalan seperti yang diarahkan.


Arahan: Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 460 patah perkataan berdasarkan satu daripada soalan-soalan yang berikut. (35 markah)

1. Kamu telah mengikuti satu program Inap Desa anjuran sekolah kamu. Dalam program ini, peserta diperlukan tinggal bersama keluarga angkat selama seminggu. Keluarga angkat kamu menetap di sebuah tempat yang terpencil dengan prasarana yang minimum. Gambarkan perasaan dan pengalaman kamu sepanjang menetap di sana.
2. Peperangan tidak pernah menyelesaikan masalah. Berikan komen kamu.
3. Negara kita telah maju dalam banyak aspek. Namun, dalam beberapa aspek lain, kita masih lemah. Sejauh manakah kamu bersetuju dengan pernyataan ini?
4. Tulis sebuah karangan berdasarkan situasi yang dipaparkan di bawah ini.

Kita tidak mampu menukar keadaan,
tetapi kita mampu menukar sikap kita



Selesai



RAFFLES INSTITUTION
2017 YEAR 6 PRELIMINARY EXAMINATION
Higher 2



BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU

9565/2

Kertas 2

MALAY LANGUAGE AND LITERATURE

20 September 2017

Paper 2

1 hour

ARAHAN UNTUK CALON

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua sumber dan empat soalan.
2. Baca setiap sumber dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan dengan menggunakan ayat kamu sendiri.
3. Apabila pengawas peperiksaan memberikan isyarat, klik 'START'.

SUMBER A

Arahan: Baca artikel di bawah ini dengan teliti.

Dunia E-Dagang

E-dagang ialah satu sistem laman web yang mengeksploitasi teknologi untuk menghubungkan semua pengguna secara terus, dalam satu persekitaran elektronik yang selamat. Dengan E-dagang, **kekangan masa dan tempat telah terhapus.**

Pembeli yang menggunakan khidmat ini didedahkan kepada pelbagai barangan daripada merata dunia. Mereka boleh mencari maklumat berhubung barangan tersebut dengan tuntas, dan mencari produk alternatif bagi kegunaan yang sama, yang mungkin sebelum ini tidak diketahui. Setelah itu, harga barangan yang ingin dibeli dapat dibandingkan antara para penjual. Tanpa orang tengah, penjual boleh terus dihubungi untuk mendapatkan bekalan dengan harga yang dipersetujui. Jadual harian yang padat juga tidak lagi menjadi kendala untuk membeli belah kerana 'kedai' ini sentiasa dibuka.

Kepada mereka yang hendak berjinak-jinak dengan dunia perniagaan, ataupun yang inginkan pendapatan sampingan, kaedah e-dagang ini baik untuk diterokai. Mereka boleh bermula secara kecil-kecilan, dan belajar daripada mereka yang telah pun berpengalaman melalui ruangan forum yang ada di Internet. Kaedah ini lebih efisien dan mengurangkan kos perniagaan disebabkan tidak wujudnya kedai secara fizikal, dan capaian pelanggan lebih luas berbanding cara tradisional.



SUMBER B

Arahan: Baca petikan di bawah ini dengan teliti

E-Dagang – Sanggupkah Kita Menghadapi Risikonya?

SERENTAK dengan ledakan teknologi maklumat dan penerokaan luas di ruang siber, e-dagang menjanjikan sesuatu yang amat mengghairahkan kepada golongan usahawan dan pembeli siber kerana kedua-duanya meraih manfaat. Namun, dalam keghairahan kita menggunakan perkhidmatan ini, jangan lupa akan ada mereka yang akan mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan dengan jalan mudah.

Terdapat banyak rungutan yang diterima daripada mereka yang pernah menggunakan khidmat e-dagang ini. Ada kalanya pembekal tidak memberikan maklumat sebenar mengenai barangan yang dijual, menyebabkan pembeli berasa tertipu kerana mutu barangan yang diterima tidak sama seperti yang diiklankan. Dan yang lebih menyedihkan lagi, barangan tersebut tidak sampai setelah pembayaran dibuat. Dari sudut pembayaran juga, terdapat banyak penipuan yang telah dilaporkan.

Sebaliknya, dari sudut pembekal pula, mereka juga berisiko menanggung kerugian. Mereka menghadapi pelbagai kenehan pelanggan yang cerewet sehingga barangan yang dipesan perlu ditukar beberapa kali. Mereka juga perlu berhadapan dengan pembeli yang meskipun sudah menerima barangan yang dipesan, mereka tidak mengakuinya, atau mereka mendakwa barangan yang dihantar salah atau telah rosak. Ada juga pembeli yang mendakwa telah membayar dengan menunjukkan resit palsu dan menuntut pembekal mengirимkan barang tersebut.



Arahan: Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Tulis jawapan kamu di kertas jawapan yang disediakan.


1. Berdasarkan Sumber A, apakah yang dimaksudkan dengan '**kekangan masa dan tempat telah terhapus**'? (4 markah)

2. Berdasarkan Sumber B, kejujuran dalam e-dagang harus ada pada kedua-dua belah pihak. Jelaskan. (4 markah)

3. Bagaimanakah Sumber A dan Sumber B saling melengkapi dalam urusan e-dagang? (7 markah)

4. E-dagang kini menjadi satu trend yang terus berkembang. Merujuk kepada Sumber A dan Sumber B, apakah yang boleh dilakukan untuk menjadikan industri ini lebih selamat? Berikan komen kamu tentang hal ini. Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan. (15 markah)

Selesai



RAFFLES INSTITUTION
2017 YEAR 6 PRELIMINARY EXAMINATION
Higher 2



BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU

9565/3

Kertas 3

MALAY LANGUAGE AND LITERATURE

14 September 2017

Paper 3

3 hours

Additional Materials: Answer Paper

ARAHAN UNTUK CALON

1. Baca arahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan seperti yang diarahkan.
2. Tulis jawapan kamu di dalam kertas jawapan.

Jawab EMPAT soalan kesemuanya. Calon kehendaklah menjawab SATU soalan daripada Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D

**BAHAGIAN A
NOVEL – RESTU**

1. Konsep *poetic justice* (yang baik dibalas baik, yang jahat dibalas jahat) terdapat dalam novel **Restu** tulisan Ismail Kassan. Berikan komen kamu (25 markah)

2. Latar masyarakat dalam novel **Restu** karya Ismail Kassan mewakili masyarakat yang progresif. Sejauh manakah kamu bersetuju dengan pernyataan ini. (25 markah)

**BAHAGIAN B
CERPEN – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA**

3. Baca nukilan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan yang mengikutinya.

"Dan saudara saya perhatikan tidak mempunyai sedikit pun kualiti yang kami harapkan."
(*Begitulah Kata-Kata*, halaman. 39)

Penulis cerpen **Yang**, Jamal Ismail, telah menyenaraikan ciri-ciri yang perlu ada untuk mencapai kesempurnaan melalui pegangan watak Urusetia. Nukilan di atas menunjukkan apa sahaja yang tiada dalam senarai tersebut ditolak. Sejauh manakah kamu bersetuju dengan ciri-ciri ini. (25 markah)

4. Persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Ismail Wardi dalam cerpennya **Ruang** dapat menjadikan pembaca bermuhasabah diri. Jelaskan. (25 markah)

BAHAGIAN C
SAJAK – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

5. Kamariah Buang ingin pembaca mempelajari sesuatu yang penting dalam kehidupan masyarakat Bawean pada suatu waktu dahulu melalui sajaknya **Anak Tetangga Kelantan Lane**. Sejauh manakah paparan hidup masyarakat ini boleh dijadikan contoh masyarakat hari ini. (25 markah)

6. Kritikan yang terkandung dalam sajak **Tanda Tangan** hasil karya Noridah Kamari menyasarkan kepada masyarakat tertentu. Buktikan. (25 markah)

BAHAGIAN D
DRAMA – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

7. Dalam drama **Anjing Untuk Diplomat** tulisan Hamed Ismail, kematian watak Pierre Blanc pada akhir cerita telah menghuraikan segala masalah. Sejauh manakah kamu bersetuju dengan pernyataan ini. (25 markah)

8. Dalam drama **Titik Pertemuan** hasil ilham Rohman Munasip, terdapat perbezaan antara watak-watak remaja masa kini dan watak-watak remaja masa lalu. Sejauh manakah kamu bersetuju dengan pernyataan ini. (25 markah)

Selesai